

**Jilid IV
No. 41**



**Hari Khamis
22hb Februari, 1968**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
6061]**

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1968 [Ruangan 6078]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 22hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

Yang Berhormat Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RENDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bahru Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ (TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bahru Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON
BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN
AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P.
(Teluk Anson).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEGAWAI² KERJA

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri:

(a) berapa jumlah bilangan Pegawai² Kerja (Executive Officers) pada tiap² peringkat yang ada sekarang ini; dan

(b) ada-kah benar chuma ada 4 jawatan sahaja sa-bagai Pegawai² Kerja Tinggi jika di-bandingkan dengan lebih kurang 50 jawatan sa-bagai Pegawai Kerja Kanan yang ada dalam Perkhidmatan Kerajaan, dan jika benar, adakah beliau sedar ini menyebabkan peluang² untuk naik pangkat ka-jawatan² sa-bagai Pegawai² Kerja Kanan sangat-lah tipis dan ini telah menimbulkan perasaan tiada puas hati di-kalangan pegawai² yang berkenaan, yang mengakibatkan rendah mutu kerja² mereka, dan ada-kah Kerajaan akan menimbangkan

menambah bilangan jawatan² seperti itu, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan Pegawai² Kerja (Executive Officers) mengikut perengkat sekarang ini ada-lah seperti berikut:

- | | |
|------------------------------|-----|
| (i) Pegawai Kerja Tinggi ... | 4 |
| (ii) Pegawai Kerja Kanan ... | 52 |
| (iii) Pegawai Kerja ... | 121 |

Daripada senarai ini, memang-lah benar bahawa pada ketika ini ada 4 jawatan Pegawai Kerja Tinggi berbanding dengan 52 jawatan bagi Pegawai Kerja Kanan.

Perkhidmatan Pegawai Kerja ini mula² di-ujudkan dalam tahun 1955 sa-bagai satu jawatan pertengahan di-antara perengkat kerani² dengan pegawai² pentadbir. Peluang kenaikan pangkat bagi pegawai² dalam perkhidmatan kerani² am.

Sa-belum daripada itu, saluran kenaikan bagi kerani² ada-lah terhad kepada Tingkatan Khas dan sa-bagai-nya.

Tugas² Pegawai Kerja itu ada-lah untuk menjalankan kerja² pentadbiran di-pejabat² kebanyakan-nya dalam pengurusan kewangan, perkhidmatan dan pengurusan, ia-itu kerja² yang di-fikirkan boleh di-amanahkan kepada pegawai² itu mengikut perengkat masing². Dengan menjalankan kerja² pentadbiran itu, maka dapat-lah di-lapangkan masa Ketua² Pejabat daripada menjalankan kerja² yang bersifat routine.

Pada masa ini, tidak-lah di-fikirkan mustahak di-tambah lagi jawatan² Pegawai² Kerja Tinggi seperti yang ada sekarang, sa-mata² dengan tujuan mengadakan saluran² bagi kenaikan pangkat pegawai² yang berkenaan. Boleh-lah di-katakan bahawa kedudukan perjawatan pegawai² dalam perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri telah beransor² baik dan Kerajaan tiada-lah berchadang hendak menambahkan lagi bilangan pegawai² yang menjalankan kerja² pentadbiran pejabat.

Sa-kira-nya pegawai² kerja itu memahami akan tugas² mereka yang sa-benar-nya dan juga di-atas sebab² perkhidmatan itu di-ujudkan maka tidak-lah ada alasan bagi pegawai itu menaruh perasaan tidak puas hati.

LEMBAGA NAIK PANGKAT DAN TATA TERTIB

2. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri sama ada benar bahawa Lembaga Naik Pangkat dan Tata Tertib yang baru di-tubuhkan untuk mengambil alih tugas² Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam berhubung dengan naik pangkat dan tindakan² tata tertib, ada-lah lebeh lambat daripada Surohanjaya dalam perlaksanaan tugas²-nya, dan jika benar, apa-kah langkah yang akan di-ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan ini ada-lah tidak benar sama sa-kali.

MENJEMPUT ORANG ISLAM DARI RUSSIA HADHIR DI-PERTANDINGAN MEMBACHA QUR'AN ANTARABANGSA

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri adakah Kerajaan berchadang hendak menjemput orang² Islam dari Russia, yang di-ketahui banyak bilangan-nya di-sana, hadir di-pertandingan Membacha Qur'an Antarabangsa pada tahun ini, memandang bahawa perhubungan antara negara kita dengan Russia sa-makin rapat.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, chadangan Ahli Yang Berhormat itu memang-lah baik, tetapi kita baharu sahaja menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Russia dan Kerajaan akan menimbangkan chadangan ini.

BANTUAN DARI KERAJAAN FEDERAL REPABLIK JERMAN TERHADAP RANCHANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri

boleh-kah beliau memberitahu Dewan ini apa-kah bantuan yang telah diterima dari Kerajaan Federal Republik Jerman terhadap rancangan pembangunan Malaysia dan berapa jumlah wang yang di-terima bagi tiap² satu yang tersebut di-bawah ini:

- (a) pinjaman jangka panjang;
- (b) bantuan kesihatan;
- (c) bantuan biasiswa dan jenis-nya;
- (d) lain² latehan termasuk latehan Limbongan Kapal.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Federal Republik Jerman telah memberi bantuan wang pinjaman untuk membiayai projek² pembangunan seperti membina pelabohan di-Butterworth dan Rumah Sakit Universiti di-Petaling Jaya.

Jumlah Bantuan² wang ia-lah \$28 juta ia-itu \$16 juta bagi pelabohan Butterworth dan \$12 juta bagi Rumah Sakit Universiti.

Sharat² atas wang pinjaman ini sangat-lah baik. Mithal-nya, bayaran bunga atau faedah ia-lah hanya 3% dan pembayaran balek di-tempohkan sa-lama 12 tahun dan tidak di-hadkan pula pembelian barang² kepada negeri Jerman sahaja.

Sa-orang pakar telah berkhidmat dalam Bahagian Perikanan dan laporan²-nya berkenaan dengan penye-ridekan ikan telah di-terima dan menjadi asas bagi bantuan teknik yang akan di-beri oleh Kerajaan Jerman Barat. Dua orang pakar lagi telah menyelideki kedudukan pelajaran vocational dan latehan apprenticeship di-negeri ini dan di-harap juga Kerajaan German Barat akan memberi bantuan sa-lanjut-nya bagi melaksanakan projek di-dalam bidang ini. Bagi tahun 1966/1967 Kerajaan Federal Republik Jerman ini menawarkan 40 biasiswa latehan yang tidak pula di-hadkan jenis-nya, walau pun memandang kehendak² negeri ini bagi pembangunan keutamaan ada-lah di-beri kepada pengkajian di-dalam bahagian vocational science dan kejuruteraan. Baharu² ini satu perjanjian bantuan teknik telah di-tandatangani

di-antara Malaysia dan Jerman Barat dan ini akan menambahkan lagi bantuan² pakar daripada Kerajaan itu, termasuk-lah latehan dalam perikanan, membaiki kapal², dan sa-bagai-nya.

SUSUNAN PROTOKOL BAGI HAKIM² MAHKAMAH TINGGI MALAYSIA DALAM JAMUAN² NEGERI DAN UPACHARA RASMI

5. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri :

- (a) apa-kah susunan protokol yang di-beri kepada Hakim² Mahkamah Tinggi Malaysia dalam jamuan² negara dan upachara² rasmi;
- (b) ada-kah mereka di-beri tempat mengikut bintang kehormatan yang di-anugerahkan kepada mereka dan bukan mengikut taraf mereka sa-bagai Hakim, jika benar demikian, tidak-kah Kerajaan berchadang hendak mengubah susunan protokol ini supaya mereka di-beri tempat yang lebeh mulia dalam sa-barang upachara rasmi atau jamuan² negara dari sa-bagai-nya; jika tidak, kenapa.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kedudukan susunan Kanan atau pun *Table of Precedence* bagi Kerajaan Persekutuan, Tuan² Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia, ada-lah di-tempatkan pada bilangan 26 di-dalam susunan Kanan. Susunan Kanan ini berkuat-kuasa mula² daripada 6 haribulan April tahun 66 dan telah di-gunakan untuk menentukan susunan keutamaan di-dalam semua perayaan² Kerajaan Persekutuan dan Majlis Rasmi Kerajaan. Di-dalam kedudukan susunan Kanan Kerajaan Persekutuan bagi Pegawai Kerajaan, mereka² yang di-kurniakan darjah Panglima Mangku Negara dan Darjah Panglima Setia Mahkota di-beri keutamaan mengikut Susunan Keutamaan Darjah itu. Jika, sa-saorang Pegawai Kerajaan termasuk sa-orang Tuan Hakim di-anugerahkan dengan Darjah Kebesaran dan bintang² kehormatan seperti P.M.N. dan P.S.M., maka baharu-lah

dia di-tempatkan lebih tinggi lagi, ia itu di-tempatkan yang di-khaskan bagi-nya di-dalam kedudukan Susunan Kanan. Pada masa ini Kerajaan tidak-lah berchadang hendak mengubahkan Susunan Kanan yang ada sekarang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya faham daripada jawapan tadi bahawa Hakim² ini di-tempatkan pada nombor 26 mengikut kanan, tetapi kalau dia di-beri pangkat anugerah bintang maka dia boleh naik mengikut darjat bintang-nya itu. Apakah faedah atau pun criterion yang menentukan kedudukan Hakim tadi; asal-nya dia dapat tertib yang 26, tetapi kalau dia dapat bintang dia boleh jadi 24 atau pun 23, kalau dia dapat bintang rendah dia naik dudok 30. Jadi bagaimana hendak meletak Hakim yang mendapat bintang rendah?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin

Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, manakala sa-saorang itu di-tempatkan kepada satu susunan angka, ia-itu mithal-nya 26, sa-kira-nya dia tidak mendapat bintang sa-kali pun dia tidak akan turun ka-bawah atau pun kalau dia dapat bintang kechil sa-kali pun dia tidak akan turun ka-bawah, bahkan dia chuma boleh naik ka-atas sahaja, tidak boleh turun ka-bawah (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya faham yang itu, tetapi saya hendak tanya faedah menentukan dia dudok itu. Ada-kah di-atas jawatan kehakiman-nya-kah atau pun di-atas bintang-nya tadi, sebab tadi dia Hakim di-letakkan nombor 26 kemudian kalau dapat bintang dia boleh naik ka-atas. Jadi, hilang-lah status hakim-nya itu. Jadi, kalau dia dapat bintang bawah fasal apa tidak boleh turun pula? It is no criterion.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin

Haji Jawi: Susunan Kanan ini ditentukan kepada kedudukan sa-saorang atau pun jawatan sa-saorang; kalau, mithal-nya, Pegawai Kerajaan, jawatan sa-saorang itu. Tetapi kalau sa-kira-nya dia di-anugerahkan satu bintang

P.M.N. atau pun P.S.M., dan kedudukan P.M.N. dan P.S.M. itu dalam Susunan Kanan ini ada-lah tertinggi daripada kedudukan Hakim, maka baharu-lah dia boleh naik ka-atas, tetapi kalau sa-kira-nya dia tidak dapat bintang² ini, dia maseh tinggal susunan Hakim.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jadi, erti-nya kedudukan Hakim ini bergantung kepada nasib hadiah bintang politik pada hal dia above politic?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin

Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, kurniaan bintang ini bukan sahaja dengan sebab jasa² dalam politik, tetapi juga jasa dalam perkhidmatan 'am, banyak daripada Pegawai Kerajaan hari ini yang mendapat bintang² dan mereka ini bukan-lah di-anugerahkan dengan sebab jasa politik, tetapi ada-lah jasa perkhidmatan mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membangkang memberi bintang kepada pegawai, tetapi Hakim—Hakim dia politik. Jadi, di-beri bintang di-waktu dia berkhidmat itu satu chara yang menyentoh kedudukan Hakim² itu. Itu yang saya maksudkan; pegawai lain bagus beri bintang, tetapi Hakim—ini merupakan satu tumbok rusok, sa-chara tidak langsung daripada Kerajaan Perikatan.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin

Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tentu-lah memikirkan juga, Hakim juga boleh membuat jasa menerusi perkhidmatan mereka sa-bagai sa-orang Hakim tidak mesti-nya bintang² itu di-anugerahkan berdasar kepada perkhidmatan politik, tetapi berdasar kepada perkhidmatan di-dalam jawatan mereka. Banyak daripada Hakim² yang ada di-dalam negara ini telah pun di-anugerahkan bintang² P.M.N. dan sa-bagai-nya, bukan-lah dengan sebab di-suap politik, tetapi ia-lah dengan sebab perkhidmatan mereka sa-bagai sa-orang Hakim dan mereka telah menjalankan kewajipan mereka dengan baik.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ulasan Ahli daripada Bachok tadi menyentuh kehormatan diri Hakim², pengurniaan bintang sa-bagai tumbok rusok politik, saya minta Ahli itu menarek balek perkataan dia "tumbok rusok politik".

Tuan Yang di-Pertua: Ini dalam soal jawab, tidak tarek balek pun tidak apa (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan yang terakhir. Saya membacha almanak saya tidak dapat tahu satu negeri pun memberi bintang kapada Hakim² ketika dia di-dalam jawatan, melainkan apabila dia dilepaskan daripada jawatan itu. Jadi, dapat-kah Menteri ini menerangkan satu chontoh negeri mana yang Hakim² itu mendapat bintang ketika dia dalam jawatan?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu membeli almanak lagi dan bacha, kerana saya perchaya ada Hakim² dalam England sendiri yang mendapat gelaran "Sir", dan sa-bagai-nya; kalau sa-kira-nya sa-orang itu hendak mendapat gelaran "Sir", sudah tentut-lah ada di-kurniakan dengan bintang².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan almanak dapat-kah Menteri ini memberi petua kapada saya almanak mana yang ada pangkat yang macham itu—empat ada kapada saya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tahu bekas ketua hakim di-Sarawak, Sir John Ainby, telah di-beri bintang ketika dia berkhidmat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan jawapan itu, tetapi itu colonialism punya, penjajah punya. Jadi kita sudah merdeka; Kerajaan kita hendak ikut penjajah punya yang lama dahulu-kah lagi?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, dia kata tidak ada sa-buah negeri dalam dunia pun yang beri bintang kapada

Hakim ketika waktu mereka berkhidmat. (*Ketawa*). Harus juga Hakim itu bukan berkhidmat sa-bagai Hakim; mithal-nya, dia sa-bagai Tan Sri Ong kita—Hakim Ong kita, kerana khidmatan-nya kapada orang buta dan perkhidmatan² yang lain; kerana perkhidmatan itu dia boleh di-beri bintang², bukan mesti Hakim itu chuma dudok membichara sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya rasa chukup-lah perkara Hakim ini di-binchangkan.

RA'AYAT MALAYSIA YANG SEKARANG BEKERJA DI- JABATAN² TENTERA DARAT DAN LAUT BRITISH

6. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Menteri Pertahanan ada-kah chadangan² Kerajaan berkenaan dengan 20,000 orang ra'ayat Malaysia yang sekarang ini bekerja dengan Jabatan² Tentera Darat dan Laut British, apabila Tentera² British keluar daripada Singapura dan Malaysia pada tahun 1970.

Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (*dengan izin*): Sir, the Government is considering to provide those Malaysian citizens working in the British Armed Forces with reasonable assistance, when the British leave Singapore and Malaysia in December 1971. However, it is premature to disclose these plans which are now being considered by the Government, as the Government is still awaiting a decision by the British Government regarding aid that is to be given to Malaysia to minimise the difficulties arising from the withdrawal of British troops.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana-kah pandangan Kerajaan hari ini sa-kira-nya pekerja² yang bekerja dengan tentera British di-Singapura itu, apabila sampai tahun 71, maka waktu itu pehak Kerajaan Singapura hendak mengadakan ashkar

upahan, apa Kerajaan akan membenarkan orang² bekerja dengan British tadi di-benarkan mereka² itu menjadi ashkar upahan kepada Kerajaan Singapura?

Tuan Chen Wing Sum: Sir, the plans to help these Malaysian citizens are still not finalised. It is premature for us to answer that question at this stage.

CHAWANGAN² PARTI BUROH DAN PARTI PAS

7. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa buah Chawangan² Parti Buroh dan jumlah chawangan² Parti PAS yang—
 - (i) berdaftar;
 - (ii) di-tubuhkan sa-chara haram;
- (b) berapa buah chawangan² kedua² parti yang telah di-haramkan dan apa sebab²-nya;
- (c) berapa orang ahli² kedua² parti yang telah di-tangkap kerana terlibat dalam rusohan² dan kekachauan² baru² ini di-Pulau Pinang.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) ia-lah bilangan chawangan² Parti Buroh Malaya dan Parti PAS yang telah di-daftarkan ada-lah seperti berikut—

Parti Buroh Malaya 142 buah, Parti PAS 120 buah:

bilangan Parti² tersebut yang di-tubuhkan sa-chara haram tidak ada dalam pengetahuan Kementerian ini.

- (b) Bilangan chawangan² kedua² parti² itu telah di-ishtiharkan tidak sah ia-lah Parti Buroh Malaya 36; Parti PAS tidak ada.

Chawangan² yang telah di-ishtiharkan itu telah di-dapati di-gunakan untuk maksud yang merugikan kepada kepentingan keselamatan negara.

(c) Kementerian saya tidak menyimpan rekod yang berasingan samata² dari segi keahlian parti siasah bagi sa-orang yang di-tangkap. Dengan itu maka dukachita-lah saya tidak dapat hendak memberi jawapan kepada soalan ini. Sayugia di-ma'alumkan bahawa penangkapan ka-atas diri sa-orang itu ada-lah di-jalankan, sebab kesalahan yang di-lakukan oleh-nya di-bawah undang² apa jua, dan tidak-lah berasaskan dengan keahlian-nya di-dalam mana² satu parti siasah.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyata daripada jawapan ini bahawa bilangan chawangan Parti Buroh lebeh banyak yang berdaftar daripada chawangan Parti PAS. Ada-kah ini oleh sebab banyak chawangan² PAS itu telah bubar sendiri dan bertukar menjadi chawangan UMNO, terutama di-Kelantan?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, soalan ini tidak bersangkutan-paut dengan soalan yang pertama.

Tuan Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan atas jawapan (c).

Saya ingin tahu daripada Kementerian ini, ada-kah dapat memastikan bahawa kekachauan yang berlaku di-Pulau Pinang dan melarat di-Utara Malaysia, satu daripada punca-nya da'ayah yang di-datang oleh Ahli² daripada Parti PAS, ia-itu dengan sentimen perkauman?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di-sini ia-itu tidak ada kenyataan dan bukti yang jelas tentang rusohan, pergaduhan, yang berlaku di-Pulau Pinang dan lain² tempat itu berpuncha kepada da'ayah² yang sebagaimana di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sa-takat yang Kerajaan tahu punca-nya ia-lah di-sebabkan oleh Parti Buroh mengadakan tunjok perasaan atau pun *hartal*, dan daripada itu melarat daripada beberapa peristiwa yang membangkitkan huru-hara di-Pulau Pinang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Kementerian ini sedar bahawa di-antara ahli PAS sa-orang yang jujur kepada negara ini dan setia kepada negara ini, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Bachok, dengan sebab berlakunya kekacauan baharu² ini di-Pulau Pinang dan hendak membersehhkan diri, dia telah meminta kepada Ketua Partinya supaya meletakkan jawatan? Jadi hal ini, saya fikir, ada hubongn Ahli Yang Berhormat itu dengan kekacauan yang ada berlaku di-Pulau Pinang yang saya katakan tadi?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, dukachita saya tidak sedar atas perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, legal point saya hendak tanya Menteri ini ia-lah didalam perbahathan berkenaan dengan undang² mendaftarkan chawangan parti² politik. Menteri itu tidak ada pada masa ini dan tidak tahu, barangkali, ia-itu bahagian dengan chawangan itu sama. Jadi, saya kurang faham di-sini, ia-itu bertanya berkenaan dengan chawangan² Parti PAS dengan Parti Buroh, sebab dari segi undang² bahagian dan chawangan itu dia kira *branch* juga sama. Kalau begitu chawangan Parti PAS ini sama besar bahagian UMNO itu. Jadi, 120 bahagian dia ada. Jadi, bagaimana-kah dari segi undang² dudok-nya chawangan dengan bahagian?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, yang di-katakan oleh Yang Berhormat ada-lah berdasarkan kepada undang² yang lama. Tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alumkan tadi Undang² Pertubohan atau pun Society Act yang baharu telah di-adakan di-mana ada satu syarat mengatakan, sa-belum satu² chawangan pertubohan itu di-tubuhkan bahagian itu dan chawangan itu mestilah mendapat kelulusan daripada Pendaftar sa-belum dia di-tubuhkan chawangan tadi. Jadi, kalau sa-kira-nya, ada pehak Parti PAS menubuhkan satu chawangan sa-lain daripada bahagian Ketua² Pejabat-nya, pejabat besar-nya dengan tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar, ini ada-lah satu per-

buatan yang menyalahi di-bawah undang² yang baharu.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Sa-bagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri Muda Dalam Negeri menyatakan bahawa bilangan chawangan Parti² yang tidak sah. Parti Buroh 36 chawangan, tetapi Parti PAS tidak ada, ada-kah yang mana kita tahu baharu² ini tentera sulit sabillullah yang ada di-Kedah itu ada dalam chawangan PAS atau ada-kah mereka itu terdiri Ahli PAS?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, perkara ini sudah di-selideki dengan halus dan tidak ada bukti atau keterangan yang Parti PAS ada berkaitan dengan sachara terus atau pun tidak terus dengan pertubohan sabillullah yang di-Kedah itu.

ORANG YANG DI-TANGKAP BERTHABIT DENGAN RU-SOHAN DI-PULAU PINANG

8. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah orang² yang di-tangkap berthabit dengan rusohan di-Pulau Pinang itu termasuk juga orang² daripada 128 orang yang telah di-ampuni pada Ulangtahun Merdeka yang ke-Sa-puluh dan ada-kah Kerajaan berchadang menjalankan pengampunan pada tiap² Ulangtahun Merdeka.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, tidak sa-orang pun daripada mereka yang telah di-bebaskan dari tahanan menjelang Ulangtahun Kemerdekaan yang Kesepuluh itu termasuk di-dalam bilangan mereka yang telah di-tangkap berikutan rusohan yang berlaku di-Pulau Pinang. Tindakan yang di-buat bagi membebasan sa-bilangan yang ramai dari orang² tahanan sa-masa Ulangtahun Kemerdekaan yang Kesepuluh ada-lah di-sebabkan dan bergantung dengan keadaan yang wujud sa-waktu itu dan juga pada pendirian orang² tahanan itu sendiri.

Kerana itu maka tidak-lah kena pada tempat-nya bagi saya menyatakan di-waktu ini sama ada Kerajaan akan

bertindak sa-demikian atau pun tidak pada Ulangtahun² Kemerdekaan yang akan datang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedia menimbang kiranya datang daripada mereka² yang di-ampunkan ini memohon bantuan kepada Kerajaan bagi memulehkan kehidupan baharu-nya, ada-kah sedia di-beri timbangan kemudahan ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, ini akan ditimbang kalau sa-kira-nya ada satu permohonan daripada orang² yang telah di-bebaskan.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengampunan ini maka sukachita saya mendapat penjelasan daripada Menteri Muda Dalam Negeri berthabit dengan pengampunan yang di-buat oleh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kedah kepada tentera sabillullah ini, boleh jadi termasuk juga di-dalam rusohan yang berkenaan itu. Apa-kah di-dalam pandangan Kerajaan, pengampunan oleh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah itu sah dari segi undang² atau pun pengampunan itu hanya sa-takat yang terhad sahaja kepada urusan² di-dalam Ugama Islam sahaja atau pun pengampunan itu meliputi pada ka-seluruhan-nya?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sila ulang balek soalan itu, saya tidak berapa dengar yang penghabisan.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Berhubung dengan pengampunan oleh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kedah kepada tentera Sabilullah di-mana telah di-gelarkan, maka apa-kah pengampunan oleh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ini sah di-segi undang² pada keseluruhan kesalahan-nya atau pun sa-bagaimana yang telah di-keluarkan oleh satu kenyataan dalam surat khabar oleh Setia-usaha Tetap, Kementerian Dalam Negeri, yang mengatakan satu laporan itu hanya berlaku di-segi upachara Ugama Islam sahaja.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, saya suka mengisahkan pengampunan yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah itu ada-lah pengampunan bukan dalam ma'ana Pengampunan yang biasa kita tahu di-segi undang²; yang biasa di-beri kepada orang yang telah di-dapati salah di-dalam Mahkamah dan untok di-bebaskan daripada kesalahan-nya daripada hukumannya. Kuasa di-beri di-bawah undang² supaya di-ampunkan-nya oleh satu Lembaga Pengampunan yang di-katakan Lembaga Pengampunan yang di-pengerusikan oleh Duli² Yang Maha Mulia Raja² atau Sultan dalam negeri ini. Tetapi pengampunan yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah ini berlainan dengan ampunan di-bawah undang² ini; ini sa-bagaimana yang di-jelaskan oleh Yang Berhormat tadi, dan Kementerian, ada-lah pengampunan sa-mata² dari segi ugama.

EKSPOT GETAH DAN BIJEH TIMAH KA-NEGARA² SA-LAIN DARIPADA AMERIKA SHARIKAT

9. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, oleh kerana getah dan bijeh timah kita yang di-ekspot ka-Amerika Sharikat merupakan 85% daripada jumlah barang² ekspot, adakah Kerajaan akan menimbang meng-ekspot barang² getah dan bijeh timah kita ka-negeri² lain pula; dan jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya, getah dan timah sudah di-ekspotkan ka-semua negara² di-dunia ini. Pada masa sekarang agak² 85% daripada getah dan 60% daripada timah kita di-ekspotkan ka-negara² sa-lain daripada Amerikat Sharikat.

MENUBOHKAN SUROHANJAYA² PERDAGANGAN DI-NEGERI AFRIKA TIMOR

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan bila Kerajaan akan menubuhkan Surohanjaya² Perdagangan di-negeri² Afrika Timor.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang menimbangkan untuk menempatkan sa-orang Pesuruhjaya Perdagangan di-Afrika. Sama ada ia akan di-tempatkan di-Timor, Utara atau di-bahagian lain² tempat Benua itu ada-lah bergantung kepada penting-nya sa-suatu tempat itu sa-bagai pasaran kepada barang² eksport terutama sa-kali barang² perusahaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, perkara ini sedang di-dalam timbangan. Ada-kah penimbangan ini di-lakukan sa-lepas saya bertanya atau sa-belum daripada saya bertanya?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum—lama dahulu sa-belum dia meminta (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—jikalau benda ini sudah di-timbang lama dahulu, berapa lama-kah lagi pula masa yang akan di-ambil dan mengapa tidak di-jalankan, di-biarkan sampai lama begitu?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita sekarang menunggukan pendapat badan Pesuruhjaya ini—the body, the person.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—ada-kah Kerajaan kita mempunyai harapan boleh dapat orang² yang kita hendak hantar atau pun Kerajaan hendak meminta nasihat daripada pihak Pembangkang untuk mengemukakan orang itu?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, telah meminta nasihat dan sekarang Kerajaan telah ambil tindakan.

WAKIL PELANCHONG DI-BEIRUT, LEBANON

11. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan akan menimbang menubuhkan sa-buah wakil pelanchong di-Beirut, Lebanon, dengan sa-berapa segera kerana orang² Timor Tengah ingin mengetahui dan melawat

Malaysia, sa-buah negeri berbilang bangsa.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sa-bagai satu dasar tidak menubuhkan wakil² pelanchong yang akan berlawanan dengan badan² bersendirian. Penerangan mengenai tempat tarekan pelanchong, kemudahan dan kesenangan² yang terdapat di-Malaysia ada-lah di-sibar oleh Attache² penerangan di-Kedutaan² Malaysia, Surohanjaya² Perdagangan dan juga terus daripada Jabatan Pelanchongan kepada sharikat² pelanchongan. Tiga buah sharikat pelanchongan yang terkenal di-Beirut ia-lah Golden Arrow Travel Service, Sea-land Air Travel and Tourists Agency dan Golden Arrow Travels and Touries Department ada-lah sentiasa di-bekalkan terus dengan risalah² mengenai pelanchongan dan juga alat² seranta oleh Jabatan Pelanchongan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Usul di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri dan Masaalah di-chadangkan, supaya menurut Peratoran Meshuarat 67C Usul yang berikut ini di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$887,981,619 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1968, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan²-kepala yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1968 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 55 tahun 1967, maka jumlah² wang yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntukkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 13hb November, 1967, mengenai perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1968, ada-lah di-mansokhkan. (21hb Februari, 1968).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana harapan saya sa-malam, ia-itu peluang di-beri lebih

luas kepada pakar² teknik dalam segala jurusan mengambil bahagian chergas dalam meshuarat² antara bangsa dan seminar². Dengan ini kita memberi peluang kepada mereka lebeh giat lagi dan berasa yang mereka itu berkepentingan kepada negara kita. Jadi dengan pengalaman² yang mereka dapati yang begitu banyak akan menjalankan segala perusahaan² kita lebeh baik lagi pada masa hadapan.

Dan juga saya berpendapat ada kebaikan juga, Tuan Yang di-Pertua, sebab pada masa zaman sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita dalam keadaan kemajuan sains dan teknologi, ia-itu mereka² ini di-beri peluang juga mengalami dalam satu² jurusan itu sahingga sampai kepada perengkat² menjadi *scientist* dan *specialist* yang khas kepada satu² bahagian² teknologi dan sains ini. Kita memberi galakan ia-itu memberi pendapatan yang lumayan dan sa-lain daripada itu pendapatan² khas yang mereka² mendapat itu. Dengan chara ini kita tengok negara² yang maju, umpama-nya, kita tengok Negeri Russia ia-itu bilangan² scientists dan technologists-nya tiap² tahun bertambah dengan begitu banyak dengan sebab galakan² yang di-beri kepada mereka² itu untuk menchari peninggian pengajian di-dalam satu² jurusan ini. Begitu juga sa-telah mereka² ini mendapat kebaikan dalam ini saya perchaya-lah kita akan menggunakan bagi faedah negara kita.

Sa-lain daripada itu juga peluang² pada bahagian² lain perusahaan seperti perusahaan² getah dan juga perusahaan² pertanian, galakan² kita mesti beri juga kepada orang² yang samacham saya cheritakan tadi. Dan apabila mereka² ini balek ka-negeri kita, kita gunakan-lah 100 peratus sa-boleh²-nya.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab getah telah jatuh harga merosot, saya berasa dukachita kerana banyak perusahaan² getah estet² yang di-punyai oleh orang² Inggeris terpaksa mengeluarkan ra'ayat² negeri ini yang berkhidmat yang telah mendapat pengalaman tinggi dalam perusahaan² ini. Satu chontoh-nya, Tuan Yang di-

Pertua, saya bachakan satu surat yang saya terima, ia-lah surat ini dalam bahasa Inggeris berbunyi:

"Dear Sir,

I write to you to congratulate you on bringing to the notice of Parliament the need to limit jobs for non-citizens, and would like to take this opportunity of being used from my own experience. I was until 1964 employed as a Senior Assistant in a European-owned rubber estate and was then replaced by an expatriate straight from England. His basic salary was only \$500 per month despite the Government's assurance that expatriates could only be employed if they were paid a salary of \$1,200 or more. At that time I was receiving a salary of \$1,000 per month. From that date until now, I have been unable to obtain another job in the plantation industry. I have since the date of termination of my service had my name registered with the Employment Exchange in Kuala Lumpur, but the only thing I have received from them is a periodical enquiry as to whether I still wish my name to remain on the register."

Ini-lah satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua—saya tidak mahu menyebutkan nama orang ini kerana boleh jadi discrimination atau pun dia terlibat nama-nya kemudian hari kelak, kita patut menyelidik perusahaan² daripada orang² luar di-negeri ini menggunakan orang² bukan warganegara ini, padahal kita ada orang kita yang pakar boleh menjalankan perusahaan² dalam negeri ini. Jadi, saya harap perkara ini tidak akan timbul lagi pada masa yang akan datang dan harap mendapat penyiasatan yang halus daripada Kerajaan pada masa ini. Saya tahu, di-tempat saya di-Bentong itu, satu dua estet di-mana manager² yang terdiri daripada expatriate, oleh sebab penurunan harga getah terpaksa mengeluarkan Assistant² Manager yang mahir dalam perusahaan itu di-keluarkan daripada jawatan²-nya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai-lah masa-nya sa-telah kita merdeka 10 tahun, kita patut berdiri di-atas kaki kita sendiri dan kita tidak lagi berharap mengambil pakar² daripada luar negeri datang ka-negeri kita. Apa yang patut kita buat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah menghantar orang kita ka-tempat² yang kita berkehendakkan satu² pengajian yang pesat supaya mereka ini belajar dan mendapat pengajian yang tinggi

balek ka-negeri kita, tidak sa-bagai-mana pada masa ini yang saya tengok kita mengambil pakar² daripada luar negeri datang ka-negeri kita dan mereka² ini menjadi sa-umpama-nya tuan² besar kepada pegawai² dalam tanah ayer kita ini. Ini-lah yang menyebabkan pegawai² tinggi kita yang ada di-tanah ayer kita merasa yang perkhidmatan mereka itu tidak mendapat penghargaan tinggi daripada kita. Jadi, saya rasa perkara ini patut mendapat perhatian berat daripada Kerajaan kerana memandangkan pembangunan yang akan kita jalankan pada masa hadapan yang begitu besar dan pesat itu.

Saya beri satu chontoh, dan rasa saya tentu-lah pakar² pertanian kita sa-telah kita merdeka 10 tahun ini kita tidak berkehendak lagi pakar² daripada luar negeri datang mengajar kita sa-umpama sa-orang pakar yang dibawa daripada luar negeri mengajar kita chara bertanam kelapa sawit di-Trengganu. Rasa saya ini tidak mustahak lagi. Jadi, rasa saya kalau chara saperti ini menjadikan suatu perasaan daripada orang kita yang bekerja ini akan mengatakan: "Ah perkhidmatan kami tidak di-kehendaki". Jadi, itu-lah rasa saya yang sangat mustahak mendapat perhatian daripada kita di-sini.

Kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, telah masok dalam pembangunan, pembangunan negara kita terhadap industry² yang telah kita tubuhkan di-negeri ini begitu banyak. Tetapi apa yang kita hadapi pada masa hadapan dan pada masa ini chara² negeri² yang telah maju chuba menyekat, chuba menghalang kemajuan² pengeluaran barang² industry² kita, ia-itu yang pertama sa-kali negeri² yang maju saperti negeri² Amerika, England dan France, mereka² ini menyekat kemasokan barang² kita kepada negeri² mereka. Dan juga mereka² ini menetapkan harga² yang tidak begitu memberi faedah kepada negeri kita yang menuju dengan kemajuan² ini. Saya harap perkara ini dapat perhatian berat daripada Kerajaan kita. Saya tahu baharu² ini kita telah menghantar perwakilan² kita ka-India menghadhiri

meshuarat bagi membincangkan perkara ini, tetapi saya pandang perjalanan kita maseh lagi mendapat galangan² yang besar daripada negeri² yang telah maju terhadap harapan² kita supaya mereka sedar yang kita juga berkehendakkan maju dan kita juga berkehendakkan segala pengeluaran² barang² kita mendapat pasaran yang baik dalam negeri² mereka.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan ini, kita juga terpaksa mengamati yang pertama yang mustahak sa-kali rasa saya ia-lah pengangkutan² yang mustahak mengangkat barang² daripada satu negeri kepada satu negeri. Negeri kita sangat kurang dalam *shipping* dalam perjalanan kapal untuk menghantar barang² kita ka-luar negeri. Semua pengangkutan *shipping* ini adalah di-tangan negeri² yang telah maju. Mereka² akan menchari jalan bagaimana menyekat barang² kita dapat pasaran di-luar negeri dengan menaikkan tambang² khas pada barang² kita yang di-hantar keluar negeri itu.

Sa-lain daripada itu juga kita terpaksa mengadakan pelabohan² yang baik. Saya tahu kita ada sa-buah pelabohan yang baik di-Port Swettenham, tetapi maseh lagi kita jauh ka-belakang dalam pentadbiran-nya, Tuan Yang di-Pertua. Pentadbiran Pelabohan ini saya mendapat tahu daripada pedagang², ia-itu melichinkan perjalanan barang² daripada pelabohan ini sangat² lambat. Sa-umpama-nya, jikalau saya hendak membawa satu² barang atau dagangan saya daripada negeri luar hendak melalui Port Swettenham ini, akan mengambil masa sa-kurang²-nya satu minggu baharu selesai dapat di-keluarkan daripada pelabohan ini. Ini rasa saya akan memberi satu perasaan yang tidak gembira kepada kita untuk menjalankan perusahaan dan ini akan menyekat juga perjalanan² yang pesat bagi pedagang² dalam tanah ayer kita. Ini saya harap mendapat perhatian sangat berat, kerana pelabohan ini ada-lah satu tempat atau pun unsur untuk melichinkan supaya segala perusahaan² kita mendapat perdagangan² yang laris daripada luar negeri.

Dalam segi pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh besar hati mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar terhadap ranchangan menanam padi begitu banyak dalam tanah ayer kita ini. Di-sini saya memandangkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah harga getah begitu merosot dan ini boleh di-katakan hari ini di-Kuala Lumpur ini berharga 42 sen, tetapi di-tempat saya chuma mendapat lebih kurang 28 sen. Ini-lah yang merunsingkan ra'ayat dalam kampung terutama sa-kali mereka² yang bergantung kapada kehidupan-nya menoreh getah dengan tidak ada harta sendiri, dengan tidak ada getah sendiri. Dan begitu juga kapada pegawai² rendah kita yang bergaji di-antara \$80 dan \$120 sebab jatuh-nya harga getah ini, maka pendapatan² daripada penoreh² getah kita di-kampung² pada satu hari tidak boleh lebih daripada \$2.10 satu hari, yang berma'ana, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu penoreh² getah ini tidak boleh menoreh lebih daripada 15 kati sa-hari dan 15 kati ini terpaksa di-bahagi dua dengan tuan punya tanah itu. Jikalau bahagi dua chuma 7 kati. Jikalau harga 28 sen tiap² satu kati berma'ana penoreh² getah ini chuma mendapat \$2.10 sa-hari yang berma'ana dalam satu bulan dia dapat tidak lebih daripada \$70. Di-sini-lah yang merunsingkan orang² yang sa-macham ini, ia-itu jikalau dengan \$70 pada satu bulan dengan harga beras yang begitu tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini beras hanchor sahaja, Tuan Yang di-Pertua, berharga \$2.40 sen sa-gantang. Jikalau satu famili itu ada enam orang anak dan dua kelamin, ini saya rasa sangat² sulit kapada mereka² yang sa-macham itu. Begitu juga pegawai Kerajaan yang rendah gajinya antara \$80-\$120. Jikalau dengan keadaan yang sa-macham ini mereka membayar beras sahaja suku daripada pendapatan mereka sa-lain daripada perbelanjaan anak² sekolah dan kain baju-nya. Ini saya rasa patut dan sampai-lah masa-nya yang Kerajaan kita mengambil satu tindakan yang mengkaji keadaan beras dalam tanah ayer kita ini. Ada-kah kita berpuas hati dengan keadaan yang sa-macham

ini? Pada saya, fikir saya, tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang sampai masa-nya Kerajaan mengawasi hal berkenaan dengan beras dalam tanah ayer kita. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita berusaha, Kerajaan berusaha membuka tanah padi yang begitu banyak, Kerajaan berusaha menetapkan harga pasaran² padi mereka supaya jangan di-manipulate, jangan di-main oleh capitalist² supaya peladang² kita mendapat harga yang baik, tetapi sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, capitalist² ini menggunakan kaedah ini pula menaikkan harga² beras ini. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, FAMA menetapkan harga padi \$17 sa-pikul, tetapi capitalist² yang tamak ini meletakkan harga-nya \$22 sa-pikul, dan dengan \$22 sa-pikul tentu-lah harga beras akan naik tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, jikalau Kerajaan pula akan meletakkan harga-nya \$22 sa-pikul kemungkinan capitalist² akan menaikkan harga-nya lagi sampai \$28 sa-pikul. Ini saya rasa yang merunsingkan saya, terutama sa-kali terhadap mereka² yang saya cheritakan tadi yang mendapat lebih kurang \$2.10 sa-hari. Saya rasa patut sekarang kita hendak membuat ranchangan dan tindakan di-ambil supaya Kerajaan mentaksir satu pertiga sa-kurang²-nya pendapatan padi di-tanah ayer kita ini di-ambil oleh Kerajaan dan menjadi stockpile, dan dengan chara ini jika beras² ini akan melebihi sangat daripada harga yang sa-patut-nya, maka Kerajaan boleh mengeluarkan stockpile ini supaya dapat harga beras itu sentiasa stable dan dapat menyelamatkan dari gulungan² capitalist ini yang tidak bertimbang rasa terhadap kapada orang² yang miskin yang saya cheritakan tadi. Sungguh pun begitu, saya rasa tentu-lah bagi orang² Kedah berterima kaseh kerana jika harga padi lebih mahal lebih baik, tetapi saya memandang mereka yang saya cheritakan tadi yang menderita pada masa ini.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, di-tempat mereka yang saya cheritakan tadi boleh di-katakan tiga hari sa-kali mereka makan nasi, lain daripada hari itu makan bubor. Ini perkara yang benar, Tuan Yang di-Pertua, kerana kenaikan harga² beras dan kejatohan

harga² getah ini. Harga getah kita tidak boleh control, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini terhadap pada pasaran dunia, tetapi keadaan negara kita beras dalam negeri kita boleh control, boleh kita jaga supaya jangan memberi kesusahan kepada orang² yang saya ceritakan tadi. Jadi, di-sini saya harap sangat mendapat perhatian berat dari Kerajaan.

Dalam usaha kita membangunkan negara kita ini, ia-itu daripada segi sector bercucukok tanam saya rasa kita membangunkan perusahaan² buka tanah yang begitu besar. Semenjak beberapa ranchangan kita telah ada, satu perkara yang menarek perhatian saya ia-lah ranchangan Kerajaan terhadap FAMA. Ini satu badan yang saya sangat² puji dan saya harap dapat memesatkan segala kesulitan² terhadap pengeluaran daripada ranchangan tanah kita ini dan saya harap FAMA ini di-beri kuasa yang penuh supaya menjalankan usaha² mereka dalam chara supaya mereka² yang masuk ranchangan ini mendapat pendapatan yang betul (stable) atau yang betul² baik terhadap pengeluaran² daripada perusahaan yang kita galakkan itu. Kita harap supaya FAMA ini di-beri kuasa, umpama-nya macham chara memberi lesen mengilang padi, lesen menjual beras dan sa-bagai-nya. Beri 100% kuasa itu kepada FAMA ini, tidak sa-bagaimana macham sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita membenarkan petani² kita mengilang padi, tetapi kita tidak benarkan mereka² itu menjual padinya. Ini saya rasa satu kerumitan yang sangat di-alami oleh petani² kita. Dan juga baharu² ini saya dapat tahu dan saya telah di-minta supaya chara kekerasan yang di-jalankan—saya tidak tahu barangkali satu negeri sahaja menjalankan atau negeri lain—ia-itu jikalau padi² yang di-bawa dari satu kawasan itu tidak di-benarkan di-jualkan kepada kawasan lain. Ini merunsingkan orang ramai, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya perchaya tujuan kita mengadakan FAMA ini ia-lah memberi harga padi supaya jangan di-mainkan oleh pemodal² yang saya

ceritakan tadi. Jadi, jika mereka boleh menjual di-mana pun harga tinggi, saya rasa ini tidak menjadi hairan. Saya tidak mahu di-tudoh—ada mereka menudoh mengatakan kita sekarang ada FAMA kita telah menjalankan Kerajaan Jepun, kita hendak menangkap orang dan sa-bagai-nya. Jadi, saya rasa perkara ini harus dapat pertimbangan chara² bagaimana supaya jangan ra'ayat menggelisah yang kita hendak menggunakan perkara kekerasan kepada mereka² itu.

Sa-lain daripada itu, saya ada satu perkara lagi yang saya hendak berchakap, ia-itu berkenaan dengan perusahaan² galian yang saya rasa mendapat perhatian, dapat terhadap Kementerian ini juga, ia-itu saya rasa satu perusahaan yang akan di-jalankan ia-itu satu perusahaan baharu di-negeri kita ia-itu perusahaan tembaga yang akan di-jalankan di-Gunong Kinabalu di-negeri Sabah. Ini saya perchaya akan memberi keuntungan yang besar kepada tanah ayer kita, tetapi saya berharap ia-itu perusahaan² ini betul di-jalankan oleh negara kita sendiri, kita tidak berkehendakkan orang² dari luar negeri yang akan menarek keuntungan² ka-luar negeri. Saya mendapat tahu perusahaan ini sedang giat di-chadangkan oleh Kerajaan supaya di-usahakan oleh satu sharikat Jepun, tetapi saya perchaya barangkali tentulah Kerajaan kita tahu ia-itu pendapatan daripada perusahaan ini sangat tinggi, sa-patut-nya kita sendiri dan anak negeri ini menjalankan, dan kita chuma boleh memanggil mereka supaya memimpin kita untuk menjalankan perusahaan ini supaya kita sa-bagaimana chadangan yang ada sekarang, ia-itu memberi perusahaan ini di-jalankan oleh bukan orang² daripada luar negeri ini. Jadi, dengan itu saya rasa tidak lagi timbul sa-bagaimana perkara² yang di-jalankan oleh orang daripada luar negeri sa-bagaimana saya ceritakan perusahaan getah yang ada dalam tanah ayer kita ini.

Akhir-nya, saya memberi sa-tinggi² tahniah kepada chadangan Yang Berhormat Menteri atas Anggaran Perbelanjaan Pembangunan sa-banyak \$880 juta lebeh yang akan di-jalankan

pada tahun ini, dan saya berharap sunggoh², supaya wang yang sa-macam ini betul² di-belanjakan dengan sa-penoh²-nya supaya tidak-lah sa-bagaimana yang telah sudah ia-itu sa-bagaimana yang di-terangkan juga oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ia-itu chuma kita dapat menjalankan 70% Anggaran Perbelanjaan yang kita telah sediakan pada masa yang lampau.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyokong peruntukan Anggaran Pembangunan yang di-kemukakan sa-banyak \$880 juta lebih bagi tahun ini. Saya rasa peruntukan pembangunan ini merupakan suatu bukti yang jelas di-atas kegagahan perancangan bagi pehak Kerajaan yang telah dapat meranchangkan ranchangan pembangunan itu walau pun berhadapan dengan keadaan² ekonomi yang tidak menyenangkan dengan kejatohan harga getah dan lain² barang keluaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentoh satu atau dua perkara sahaja. Yang pertama sa-kali perkara yang besar yang sedang di-hadapi oleh negara kita ia-lah persiapan² yang harus kita jalankan dalam menghadapi langkah Kerajaan British mengundorkan tentera-nya dari kawasan sa-belah sini dalam tahun 1971. Tentu sahaja langkah ini akan menjadikan kita berdiri di-atas kaki kita sendiri dengan erti kata yang sa-benar-nya. Berdiri atas kaki sendiri ini menghendaki beberapa perkara yang harus di-jalankan bagi melaksanakan, erti berdiri di-atas kaki sendiri. Dan perkara yang pertama dalam persiapan bagi pertahanan yang mesti di-pikul oleh kita sendiri ia-lah menjamin sa-suatu keadaan yang membolehkan negara kita ini merasa puas hati dengan pertahanan-nya sendiri sa-lepas pengundoran Tentera² British itu. Langkah hendak mengadakan perjanjian tidak cheroboh mencheroboh antara negara di-kawasan ini satu langkah yang baik, tetapi masa untuk menchapai langkah ini akan mengambil sa-tahun atau dua tahun dan dengan tidak ada kekuatan yang sunggoh²-nya chukup pada diri kita perjanjian tidak cheroboh-men-

cheroboh ini pun tidak boleh memberi erti yang besar, oleh sebab itu maka persiapan diri ini, ini yang lebih mustahak lagi. Maka oleh itu saya merasa daripada tahun ini sampai hendak menjelang tahun 1971 dan sa-lepas tahun 1971 maka kita harus ada persiapan² bagi mempunyai minimum equipment—kelengkapan² yang paling minimum bagi kita berdiri di-atas kaki kita sendiri. Di-dalam zaman yang paling moden ini, saya merasa bahawa mahu tidak mahu kita kena mengadakan persiapan senjata² yang moden dan sophisticated yang sa-berapa boleh. Dan saya rasa walau pun dalam peruntukan pembangunan pada tahun ini sampai \$887,891,619 di-antara-nya \$59 million untuk membeli kapal² terbang, \$23 million untuk membeli kapal² tetapi ada lagi jenis² senjata lain yang diperlukan, kerana sa-benar-nya peperangan di-zaman ini lebih merupakan peperangan di-angkasa, peperangan dari udara, dan air cover di-negara kita ini hendak-lah kita mempunyai sa-takat yang paling sedikit yang patut kita punya. Air cover ini merupakan kapal² terbang dan merupakan juga kapal² terbang yang betul² boleh menjadi pengawal dan pejuang sama pada satu masa.

Sa-lain daripada itu negara kita memerlukan missile atau pun peluru² berpandu terutama sa-kali ground to air missile bagi menjadi perlindungan kepada negara kita ini. Barangkali kelengkapan seperti ini akan memerlukan peruntukan yang agak lebih banyak, tetapi walau bagaimana pun demi kepentingan untuk mengawal kemerdekaan dan kedaulatan negara kita kelengkapan² seperti ini kita mesti ada sa-lepas pengundoran Tentera² British daripada tanah ayer kita, daripada kawasan sa-belah sini pada tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas di-ishtiharkan ranchangan Kerajaan British hendak mengundorkan tentera-nya lebih chepat daripada kawasan sa-belah sini, maka ternampak-lah sa-suatu perubahan sikap daripada Kerajaan jiran kita yang paling dekat ia-itu Singapura untuk mendapatkan kerjasama atau pertahanan bersama dengan Malaysia, kerana rupa-nya pemimpin²

Singapura seperti kata pepatah "wise after the event"; sa-belum itu mereka itu tidak begitu gemar hendak mendekati Malaysia dan mengadakan sa-barang kerjasama yang rapat dengan Malaysia. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ada-lah lebih bijak bagi negara kita walau pun chara bagaimana kerjasama dan bersefahaman dengan Singapura mesti diadakan kerana kedudukan sempadan kita—kedudukan geography kita bahawa pertahanan Singapura dan Malaysia ini tali-bertali, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, persiapan kita dan kelengkapan² pertahanan negara kita hendak-lah kita siapkan dengan senjata² yang moden dan sophisticated itu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh-lah sedikit soal ekonomi negara kita ini dan masalah yang besar dalam soal ekonomi kita sekarang ini yang saya nampak ia-lah soal penganggoran di-kampung² atau rural unemployment. Soal ini sa-makin lama sa-makin besar dan angka yang sa-benar-nya daripada penganggor² daripada kampung² ini sukar hendak sukat kerana mereka bukan pergi mendaftarkan diri di-Pusat² Pendaftaran Buroh atau pun di-Labour Exchange, mereka hanya dudok di-kampung² dan mereka adalah bergelisah menchari pekerjaan, menchari rezki untuk kehidupan mereka. Saya tidak berchakap bagi kawasan lain, bagi kawasan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah pada tiap² masa saya ada di-kawasan saya; pada tiap² hari tidak kurang daripada perpuluh² orang, orang muda², pemuda² dan belia² yang datang meminta pertolongan bagi menchari pekerjaan, apa jenis pekerjaan sa-kali pun, sa-berapa rendah upahan-nya sa-kali, dan tentu-lah soal penganggoran ini akan bertambah² hebat lagi dari sa-tahun ka-satahun. Saya sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat Parlimen apa yang dapat saya tolong, saya tolong, kalau dapat beri rekomen saya rekomen, tetapi antara 10 rekomen yang kita beri, barangkali satu yang dapat pun mujor, kerana satu jawatan yang ada kosong, pemohon² jawatan itu sampai beratus, satu jawatan Junior Agricultural Assistant kosong, pe-

mohon² yang datang untuk di-interview tidak kurang daripada 400 atau 500; itu yang ada kelulusan L.C.E. sahaja, apa lagi pemuda² di-kampung yang tidak ada kelulusan L.C.E. yang hanya lulus dari Sekolah² Melayu sahaja. Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, soal penganggor² di-kampung ini soal yang berat di-hadapi.

Saya tertarek kapada dua jenis ranchangan yang ada di-jalankan sekarang sa-chara kechilan² dan saya rasa dua jenis ranchangan, dua jenis projek ini kalau di-besarkan akan memberi satu penyelesaian kapada soal penganggoran di-kampung² ini. Sa-tengah² Kerajaan Negeri pada masa ini ada membuka Ranchangan Tanah untuk Belia; umpama-nya Kerajaan Pahang, Kerajaan Johor dan Kerajaan Perak. Saya rasa kalau dapat di-banyakkan usaha² membuka Ranchangan² Tanah bagi Belia², maka akan dapat-lah di-ambil dan di-absorb sa-golongan yang bukan sedikit daripada belia² di-kampung yang memang tidak ada pekerjaan.

Suatu perprojek lagi yang saya dapat tahu baharu² ini di-jalankan di-Perak ia-lah membuka tanah² kechil dimana ada kawasan di-kampung, dimana ada pemuda atau belia yang tidak ada pekerjaan, sa-kurang²-nya 10 orang di-mana tempat dan kawasan yang 10 orang tidak ada pemuda yang tidak ada pekerjaan atau orang yang tidak ada tanah di-buka-lah tanah itu beberapa ekar yang ada di-situ, ada 20 ekar di-buka 20 ekar, 2 ekar sa-orang-kah 3 ekar sa-orang-kah dan di-tanamkan dengan jagong bukan hanya getah atau kelapa sawit sahaja, tetapi tanaman lain kita sedang menjalankan usaha memperbagaikan ekonomi maka di-tanamkan tanaman lain yang boleh memberi hasil yang kalau tidak chukup pun tidak-lah terlalu sangat sedikit bagi pengusaha² tanah itu. Pada masa ini saya nampak Perak menguntokkan \$400,000 bagi ranchangan ini. Saya rasa ini satu usaha yang sangat baik dan practical kerana kalau kita buka ranchangan tanah, meminta Ranchangan F.L.D.A. mesti ada 4,000 ekar baharu hendak di-buka, hendak buka Ranchangan Tanah Pinggir, mesti ada sa-kumpulan orang

200 atau 300 orang dan tanah 200 atau 300 ekar baharu di-buka. Pada hal bila di-buka kawasan ini orang² yang meminta sampai 1,000 orang; 200 orang yang dapat, orang lain tidak dapat, tetapi kalau di-buka di-mana ada kawasan ada orang tidak ada tanah di-mana sahaja, di-mana ada tanah Kerajaan walau pun 10 ekar walau pun 20 ekar walau pun 30 ekar, di-buka oleh Kerajaan Negeri dan di-berikan-nya kepada orang² yang tidak ada tanah dan tidak ada pekerjaan ini, Maka inilah saya rasa memberi penyelesaian kepada soal penganggoran di-kampung². Bagi penganggoran di-kampung² ini, saya rasa jawapan-nya ia-lah tanah. Penganggoran di-bandar² perusahaan atau industry, tetapi bagi penganggoran di-kampung² jawapan yang sa-benar-nya ia-lah tanah, buka tanah dan buka tanah.

Dalam Ranchangan Pembangunan kita sekarang hendak di-galakkan pembukaan tanah sa-chara besar²an. Ini suatu perkara yang baik, tetapi di-samping ini untuk membesarkan ekonomi negara kita, kita buka tanah sa-chara besar²an—suatu perkara, tetapi untuk mengubati penganggoran pembukaan tanah yang besar²an ini bukan boleh di-buat kepada semua tempat, tetapi membuka tanah sa-chara kecil²an dengan suatu chara dan susunan yang teratur, ini memberi jawapan kepada penganggoran di-kampung² yang sangat meluas dan merebak dari sa-hari ka-sahari ini.

Jadi saya harap kepada pehak Kerajaan Pusat akan dapat-lah men-chari persefahaman dengan Kerajaan Negeri bagi mengarahkan Kerajaan² Negeri membuka ranchangan tanah kecil²an ini di-mana sahaja ada orang yang tidak bertanah, di-mana sahaja orang yang menganggor tidak peduli 10 ekar, 20 ekar, 30 ekar di-buka dan di-beri, maka ini ada-lah memberi jawapan yang baik kepada keadaan ekonomi negara kita, dan saya perchaya keadaan ekonomi kita akan bertambah baik dengan ranchangan² saperti itu dan di-samping itu di-buka-lah lebih banyak lagi ranchangan² tanah untuk belia dan saya rasa ranchangan tanah untuk belia ini baik, mereka boleh di-ajar dengan

disiplin yang baik, di-ajar dengan atoran yang betul dan saya rasa tanah di-buka untuk belia ini akan lebih berjaya jika di-lancharkan dengan chara yang teratur dan lebih sempurna.

Berhubung dengan soal penganggoran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak menyambong sedikit yang telah pernah saya kemukakan dalam Dewan ini dalam sidang kali ini tentang soal penganggoran, yang lebih diperhebatkan masalaah itu dengan ada-nya dasar sa-tengah² Jabatan Kerajaan kita dan Perbadanan Negeri ini yang meneruskan penggunaan orang² yang bukan warganegara sa-bagai pekerja²-nya. Saya mengatakan ini suatu soal saperti di-keretapi yang ada 2,000 atau 1/6 daripada pekerja²-nya itu terdiri dari orang² bukan warganegara. Mereka telah bekerja lama sa-belum merdeka arti-nya sudah 12 tahun, 13 tahun, 14 tahun. Orang² ini di-kekalkan memegang pekerjaan² sedang penganggoran dan penganggor² kita makin bertambah dari sa-hari ka-sahari, tahun lepas 5% bertambah daripada biasa. Pada hal pekerjaan² yang di-pegang oleh bukan warganegara itu patut di-ikhtiarkan menchari jalan supaya orang² warganegara yang menganggor ini dapat memegang, kerana pekerjaan² buroh kasar, buroh yang di-masokkan gulungan I.M.G.—buroh kasar. Tetapi pada hari semalam, Tuan Yang di-Pertua, R.U.M. (Railway Union of Malaya) mengeluarkan suatu kenyataan dalam *Straits Times* menyatakan bahawa sungutan tentang orang² yang bukan warganegara yang bekerja di-dalam keretapi tidak berbangkit sama sa-kali. Kenyataan itu juga berkata dengan bongkak dan sombong bahawa tidak justified bagi sebarang orang untuk mengemukakan soal keretapi dan pekerja²-nya itu.

Saya merasa terperanjat dalam kenyataan daripada R.U.M. ini, sapatut-nya R.U.M. sa-bagai sa-buah union yang bekerja membela kedudukan pekerja² dalam Keretapi harus menumpukan ta'at setia dan kaseh sayang dan keutamaan kepada negara ini dan kepada kepentingan negara.

Kenyataan yang di-keluarkan oleh R.U.M. ini terang² menunjukkan

bahawa R.U.M. sa-buah pertubohan memperjuangkan kepentingan² asing, kepentingan² orang yang bukan bumi-putra dan tidak mahu menengok sadikit pun nasib orang² warganegara yang menganggor yang tidak dapat makan, yang tidak dapat kerja, yang merempat di-merata² tempat, kerana pekerjaan sa-banyak 2.000 pekerjaan di-dalam Keretapi di-rampas oleh orang² yang bukan warganegara.

Saya fikir R.U.M. kalau dia betul sa-buah pertubohan yang ta'at setia kepada negara ini, kalau di-katakan orang ini di-ambil sa-belum merdeka, baik di-ambil sa-lepas merdeka erti-nya sudah 14 atau 15 tahun mereka di-sini kerana apa R.U.M. tidak menjalankan langkah memujuk orang² ini supaya mengambil kera'ayatan Malaysia. Kerana orang² yang bekerja di-railway yang kebanyakan-nya berasal daripada India, atau daripada Ceylon bekerja di-antara 14 atau 15 tahun dalam Keretapi memungut dan menghimpunkan kekayaan, habis masa bersara balek ka-India, balek ka-Ceylon, membeli tanah, membeli harta, berehat di-sana. Kekayaan² kita di-angkut ka-sana. Jikalau mereka kasehkan kepada negara ini bahawa pekerja² ini telah memerah darah dan madu negara ini, kalau mereka ada perasaan jadi warga-negara tinggal di-sini, mati dan hidup dengan negara kita di-sini. Tetapi R.U.M. tidak mahu. R.U.M. tidak membela warganegara; R.U.M. membela orang² yang bukan warganegara, orang² yang hendak mengambil kekayaan negara ini supaya menchurah ka-India atau ka-Ceylon sa-lepas mereka bersara dalam keretapi.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan saya meminta Pendaftar Trade Union menjalankan kajian-nya yang thorough, yang mendalam ka-atas segala gerak-geri Trade Union ini dan terbukti sa-buah Trade Union yang bersikap sa-bagai R.U.M. ini batalkan pendaftaran-nya, kerana dia bukan membela hak ra'ayat negeri ini, atau pun membela kepentingan² asing yang menjalankan gerakan subversive di-negeri ini.

Saya juga hairan, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini dalam *Berita*

Harian keluaran hari ini (22hb Februari, 1968), Pengurus Besar Keretapi pun membela pekerja² yang bukan warganegara ini. Pengurus Besar Keretapi, Pentadbiran Keretapi sendiri membela pekerja² yang bukan warganegara kita. Kata Pengurus Besar Keretapi, Enche' Waad Jamaluddin: "Mereka telah lama berkhidmat di-negeri ini dan banyak membuat jasa kepada Perkhidmatan Keretapi".

Saya rasa keretapi kita yang rugi dalam masa 4 atau 5 tahun yang akhir² di-mula² daripada masa R.U.M. memulakan mogok dan saya rasa oleh kerana banyak kerja² dalam keretapi di-pegang oleh orang² yang bukan warganegara ini-lah salah satu puncha maka keretapi ini rugi.

Saya rasa salah satu sebab bagi hendak menebus kerugian Pentadbiran Keretapi ini harus berfikir sunggoh² supaya orang yang betul² ta'at setia dan kaseh kepada negara ini bekerja dan memegang jawatan² dalam keretapi daripada tinggi sampai rendah. Kerja² keretapi bukan di-pegang oleh Pengurus Besar, kerana Pengurus Besar yang tegas sa-bagai Pengurus Besar yang luar di-pegang oleh R.U.M. kerana ia tegas menjalankan kerja-nya.

Bukan Pengurus Besar menjalankan kerja-nya, segala pekerja linesmen, segala kerja locomotive, operator, driver dan sa-bagai-nya, orang ini yang menjalankan kerja. Jikalau orang ini kebanyakan-nya bukan daripada warganegara yang hanya bekerja untuk mendapat banyak overtime, banyak duit supaya dapat balek ka-negeri asal, berehat dengan harta yang banyak sa-lepas bersara. Kalau hari ini kekal dalam keretapi sampai bila pun keretapi akan rugi. Maka saya harap Pengurus Besar tidak sunggoh² bermaksud dengan kenyataan yang dikeluarkan hari ini dalam *Berita Harian*, kerana banyak kepinchangan, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dengar dalam penyibaran keretapi, yang patut di-tinjau untuk hendak menyelamatkan pembangunan negara kita ini di-tinjau beberapa kepinchangan dalam Pentadbiran Keretapi yang ada sekarang ini. Sa-lepas Pengurus Besar yang lama itu berhenti, ada sa-orang pegawai

yang barangkali bukan warganegara yang balek berchuti sa-lama tiga bulan, habis chuti tiga bulan tidak balek lagi di-Kuala Lumpur menjalankan kerja. Dia memegang kerja yang agak kanan juga dan tempat-nya itu dipegang balek oleh sa-orang Melayu. Tiga bulan tidak balek, lima bulan tidak balek lagi, tujuh bulan pun belum balek, sampai satu tahun pegawai ini meninggalkan kerja dikeretapi dengan sa-wenang²-nya bagitu sahaja. Sa-telah tamat selesai sa-tahun berehat di-India ia-itu di-negeri asal-nya, balek-lah ka-Kuala Lumpur membawa sa-beban medical certificate daripada India dan Pentadbiran Keretapi terima medical certificate ini dan kita faham-lah, kita pun t.s.t. (tahu sama tahu) kerana tahu-lah ini perkara boleh buat terutama daripada negeri asal mereka ini masing², di-terima-nya ini dan di-tendang pegawai yang telah mengambil kerja-nya yang sa-lama sa-tahun ini di-ambil balek kerja dia itu. Barangkali berapa tahun lagi dia bersara, dia balek sa-mula ka-negeri asal-nya dengan keadaan melimpah² ini di-ambil over-time lebeh banyak lagi, dia sabotage kerja keretapi lagi, kerja-nya tidak betul, lepas itu dia bersara balek ka-negeri asal. Ini-kah orang yang hendak di-bela oleh R.U.M. dan oleh Pentadbiran Keretapi sekarang? Inilah cerita-nya, Tuan Yang di-Pertua, cerita² sedeh dalam soal pembangunan negara kita ini dan saya rasa jikalau kita tidak bersikap tegas dalam perkara ini bukan sahaja dalam keretapi, dalam berbagai lapangan dan jurusan yang lain yang harus kita korek dan kita beri keutamaan kepada warganegara kita, maka sa-lama itu-lah pembangunan negara kita ini akan lambat juga.

Dalam soal industry, soal jawatan² yang penting, executive, umpama-nya, dan lain² jawatan² industry terlalu lambat di-beri kepada warganegara kita ini. Ada sharikat, sharikat² luar menanamkan modal, bagus kita mengalu²kan tetapi mereka datang dengan Managing Director-nya, dengan Manager-nya dengan Personal Manager-nya, dengan segala anggota sampai ka-bawah. Semua orang dari-

pada luar entah berapa lama baharu hendak di-serah balek kepada warga-negara.

Kita mengalu²kan pemodal daripada luar, tetapi di-pandang daripada kepentingan national negara kita ini supaya jawatan² itu yang sa-berapa chepat yang boleh di-berikan kepada warganegara kita ini. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang bersangkutan dengan perkara ini, saya rasa wajib dan perlu saya sebutkan di-sini ia-lah soal dalam industry kita yang ada hari ini yang bertambah meluas, bertambah besar dan bertambah baik; soal, pengambilan pekerja² bumiputra di-dalam perusahaan² berkali² perkara ini, telah di-bangkitkan dan berkali² jawapan mengatakan keadaan-nya memuaskan sa-kurang²-nya 30 peratus daripada pekerja² ini di-ambil daripada pekerja² bumiputra, tetapi sa-lepas biasa-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari pembukaan sa-sabuah kilang ini di-tunjokkan-lah ini 30 peratus yang telah bekerja dalam bahagian ini. Nampak Menteri kita pergi, Menteri perdagangan pergi, Menteri lain pergi, orang² besar lain pergi tengok; orang² Melayu pun ada di-ambil, kerana hendak di-samakan economic balance, ini orang Melayu, ini orang bukan Melayu; tidak sampai tiga bulan pembukaan itu, semua-nya ditukarkan yang bumiputra itu di-tendang keluar, kerja tidak memuaskan, macham² chara lagi. Habis kesah, jadi ini-lah cerita-nya berulang lagi; lepas itu satu industry baharu buka pun demikian juga—ambil 40—50 peratus bumiputra tidak sampai berapa bulan, dia ganti dengan orang² yang bukan bumiputra kerana kata-nya kemahiran bumiputra kurang. Saya rasa ini satu tuduhan yang sangat berat kepada bumiputra—ini tidak betul, ini salah, ini salah, ini sengaja hendak di-bawa². Ada satu dua tauladan yang di-jadikan satu² soal bagi sifat semua orang bumiputra, ada satu dua yang berlaku. Orang bukan bumiputra pun demikian juga serupa, tetapi kes yang satu dua ini di-jadikan perkara ini umum kepada semua. Padahal ada satu sharikat di-Kuala Lumpur ini yang pekerja² bukan

dari bumiputra mogok dan ambil pekerja² bumiputra 300 orang untuk di-gantikan foremen² yang bukan bumiputra tidak mahu ajar-lah kerana dia bersimpati dengan mogok ini ambil dari Singapura tolong, ajarkan orang bumiputra ini chara bekerja; ini hal getah, hal tayar². Dua bulan ajar sekarang ini bumiputra itu serupa tidak lebih daripada pekerja² yang bukan bumiputra dan kilang itu berjalan dengan baik. Di-mana dalil mengatakan bumiputra ini tidak ada kemahiran? Tentang kurang kerja atau sa-bagai-nya itu hanya ta' ada peluang, beri peluang dengan adil, pandang masa hadapan negara kita ini, maka baharu-lah sempurna kita hendak menyiapkan pembangunan kita pada masa hadapan.

Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati atas kemarahan Ahli dari Pasir Puteh malam tadi atas peruntukan pembangunan di-Kelantan, kerana kata dia Timbalan Perdana Menteri ini pergi Kelantan istihar membuat Jambatan Pantai Dasar-kah atau di-mana; duit yang di-ambil itu duit yang di-untokkan untuk Kelantan juga bukan duit baharu, duit yang lama di-untokkan satu million ringgit berapa-kah untuk peruntukan lama, saya rasa tidak payah dia marah², kerana kalau di-biarkan duit itu di-Kelantan pun dia tidak buat apa, dia tidak tahu lagi hendak merancang. Kerajaan Pusat beri \$1.8 juta untuk jalan-kah, apa dia tidak tahu rancangan apa yang baik bagi Kelantan. Mujor Timbalan Perdana Menteri datang tolong mengatakan perkara yang mustahak di-sini jambatan atau jalan yang di-buat dan sa-terus-nya. Tidak payah marah² kerana ini sa-betul-nya, ini cherita negeri Kelantan, ini cherita sedeh; kalau dia buat semua tidak sempurna, tidak jadi. Dahulu ada banjir tahun 1966 Kerajaan Pusat beri bantuan pemulehan banjir \$1 atau \$2 million. Apabila di-beri kepada Kerajaan Negeri menjalankan di-pulas, macham mana hal duit ini, di-serahkan kepada tokoh² PAS tempatan buat, jambatan kechil runtoh-kah, jalan runtoh-kah, yang di-bayar untuk peruntukan jambatan itu sa-paroh atau satu pertiga sahaja, yang sa-paroh lagi,

yang dua pertiga lagi itu masuk poket tokoh² PAS ini. Duit Kerajaan Pusat, ini satu reket yang di-jalankan oleh Kerajaan PAS di-Kelantan. Sekarang dia kata dia tidak ada duit, dia bengkerap, dia mengaku dia bengkerap, dia hendak pinjam dari Kerajaan Pusat, dia kata Kerajaan Kedah pun sama juga, pinjam juga duit, tetapi kita tengok chara Kedah berjalan dengan Kelantan berjalan. Kelantan tidak ada duit, bengkerap, minta pinjam, tetapi Menteri Besar ada—tidak apa-lah, Timbalan Menteri Besar ada, berapa sa-bulan, Setia-usaha Politik ada; jawatan² yang di-beri kepada tokoh² itu. Tengok Kedah, Timbalan Menteri Besar tidak ada, Setia-usaha Politik tidak ada; tahu dia menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi, tetapi Kelantan negeri bengkerap, negeri tidak ada duit, Timbalan Menteri Besar mesti ada, Setia-usaha Politik mesti ada, ada lagi entah jawatan baharu Penyelia Penyiaran Ugama (Penyiaran PAS) ada, tambah semua Jabatan² Setia-usaha Kerajaan bahkan macham² perkara yang memakan duit yang bukan sedikit, padahal duit tidak ada dan pinjam dari Kerajaan Pusat. Jadi, tidak guna-lah Ahli dari Pasir Puteh itu marah, dia balek ka-rumah dia, betulkan rumah dia, baharu boleh berchakap dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.25 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk Pembangunan Negara ini. Di-antara perkara² yang telah di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah berkenaan dengan rancangan² untuk mendatangkan lebih keuntungan

kapada petani². Sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat yang mewakili petani², saya sangat-lah tertarek dengan usaha Kerajaan. Saya ingin berchakap sedikit berkenaan ranchangan yang sekarang di-jalankan di-Kedah untuk membolehkan petani² menanam padi pada sa-tahun dua kali. Ranchangan Sungai Muda ini di-waktu mula² di-lancarkan anggaran belanja-nya ia-lah lebeh kurang \$100 juta, tetapi apabila penye-lidekan telah di-jalankan anggaran ini sa-makin lama sa-makin bertambah sa-hingga pada masa sekarang telah meningkat \$240 juta.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya di-beri faham oleh beberapa orang pegawai bahawa wang ini tidak-lah menchukupi untuk projek ini. Ada yang berkata kita akan terpaksa tambah sa-banyak \$100 juta lagi sa-belum Ranchangan Sungai Muda ini siap. Sa-bagai Wakil daripada kawasan yang akan dapat nekmata daripada Ranchangan Sungai Muda ini, saya bershukor yang Kerajaan berani belanja dengan tidak terhad untuk kepentingan petani² di-Kedah dan di-Perlis, tetapi sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat yang sedar tentang kemerosotan ekonomi negara, saya terpaksa memikir dengan teliti berkenaan dengan perbelanjaan yang banyak ini.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Ranchangan Sungai Muda di-selenggarakan dengan pinjaman daripada Bank Dunia. Bank ini saya di-fahamkan mengawal dengan rapi tentang semua perbelanjaan. Tetapi, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, syarat² yang di-letakkan kapada kontrakter² yang membena ampangan² dan lain² usaha di-dalam ranchangan ini nampak-nya telah menambah perbelanjaan dengan sia². Chontoh-nya, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, satu kontrakter besar bagi Ranchangan Sungai Muda di-suruh sediakan tempat berehat dan permainan bukan untuk engineer² atau pun kaki-tangan lain, tetapi juga untuk anak dan isteri engineer² dan pegawai² sharikat tadi. Persediaan ini termasuk Kolam Mandi (Swimming Pool) yang chantek yang menelan belanja sa-banyak \$80,000. Kolam ini ada-lah satu fixture yang kekal bukan untuk tiga tahun

yang di-kehendaki untuk membereskan kerja Ranchangan Sungai Muda. Sudah tentu apabila syarat² ini di-kenakan kapada kontrakter² mereka telah memasukkan belanja untuk kolam mandi ini, untuk swimming pool ini, dalam anggaran tender mereka. Ini berma'ana sa-betul-nya yang Kerajaan kita membena kolam mandi untuk anak isteri kaki-tangan luar negeri yang bergaji besar. Saya kurang faham kenapa Kerajaan mesti bermurah hati kapada orang² luar negeri. Sa-patut-nya pegawai² tetap dalam Jabatan Kerja Raya-lah yang di-beri kolam² mandi kalau ini mustahak untuk efficiency.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, ini satu chontoh sahaja. Ada pula syarat yang lain yang berkata bahawa Kerajaan mesti sediakan rumah yang chukup alat² (fully furnished) dan kenderaan bagi pegawai² kontrakter. Berasaskan kapada syarat² ini Kerajaan telah terpaksa membena beberapa buah rumah baharu yang sedia dengan furniture yang chukup lengkap dan furnishing yang mahal dan berhawa dingin untuk personnel luar negeri. Ada pula orang² ini yang di-beri kereta Mercedes 250 yang berhawa dingin dan elaun untuk menjalankan kereta² ini yang lebeh banyak daripada elaun² yang di-berikan kapada Menteri².

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, walau macham mana saya hetong sa-kali pun, saya tidak dapat lari daripada yang nyata, ia-itu semua ini termasuk dalam belanja Kerajaan untuk Ranchangan Sungai Muda. Kalau di-sediakan oleh Kerajaan, duit kita juga yang keluar, kalau di-sediakan oleh kontrakter akhir-nya kita juga yang mesti membayar.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, memandangkan kapada keadaan ekonomi kita yang lemah, saya harap-lah Kerajaan akan selideki apa yang berlaku di-dalam Ranchangan Sungai Muda sekarang. Apa yang nyata kapada saya ia-lah ranchangan ini ia-lah satu God-send kapada bukan sahaja kontrakter² international tetapi sub-contractor² yang boleh jadi millionaire oleh kerana ranchangan ini. Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Ranchangan Sungai Muda ia-lah untuk menjaga

bukan sahaja perolehan petani² di-Kedah dan Perlis tetapi juga ekonomi Malaysia. Sementara ranchangan ini belum siap tentu-lah petani² terpaksa menunggu kesan daripada ranchangan ini, tetapi, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan mengambil berat sedikit orang² kampung di-Kedah dan Perlis akan dapat merasai nikmat daripada ranchangan ini sekarang ini juga.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, nikmat ini boleh di-rasakan kalau sekarang Kerajaan meletakkan syarat² yang orang² tempatan di-beri peluang utama untuk bekerja dengan kontraktor² didalam dan di-luar negeri. Saya tahu ada orang² tempatan yang dapat bekerja dengan kontraktor², tetapi ini amat-lah sedikit. Saya ingin menguchapkan tahniah kepada satu sharikat yang mengambil pekerja²-nya 100% daripada orang² tempatan. Orang² ini dahulu tidak pernah bekerja dengan simen atau besi, tetapi mereka berjaya membena dua barrage ferro concrete yang besar berharga lebih daripada \$6 juta dalam masa yang lebih cepat daripada di-jangka.

Pada saya, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, ini ia-lah hasil pertama daripada Ranchangan Sungai Muda bagi petani² yang sa-tengah-nya menganggor di-Kedah. Walau pun Ranchangan Tanaman Padi dua kali berjaya, soal penganggoran di-kampung tidak akan semua dapat di-atasi. Alang-kah baik-nya kalau Ranchangan Sungai Muda ini di-gunakan untuk melateh orang² kampung dalam jurusan yang lain daripada pertanian. Kalau mereka mendapat kecekapan² baharu Kerajaan juga dan negara juga yang akan untung.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Ranchangan Sungai Muda belum lagi siap, ada banyak lagi benaan² yang mesti di-buat. Saya ingin shorkan di-sini ia-itu Kerajaan memeriksa syarat² yang di-kenakan kepada kontraktor² supaya jangan kita rugi. Saya juga ingin shorkan supaya keutamaan di-beri kepada orang² tempatan untuk bekerja dalam usaha² baharu yang akan di-jalankan.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menarek perhatian dalam perbahathan Anggaran

Pembangunan ini ia-lah berkenaan dengan Malaysianisation. Kita tahu, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, bahawa Malaysianisation ini bukan sahaja untuk membuktikan yang kita sudah merdeka, tetapi juga untuk memberi lebih banyak peluang untuk warganegara bekerja dan menyekatkan keluaran wang daripada negara kita. Satu daripada pengakuan yang di-buat oleh Kerajaan ia-lah pada tahun 1975, hampir semua jawatan² dalam Kerajaan dan sharikat² akan di-pegang oleh ra'ayat Malaysia. Tetapi, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya nampak progress Malaysianisation ini sangat-lah lambat. Kadang² kita bukan Malaysianise, tetapi kita nampak-nya menggalakkan orang² yang dahulu bekerja di-Malaysia, orang² expatriate terus bekerja dalam jawatan lain sa-lepas bersara. Chontoh-nya, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, ia-lah pegawai yang memegang jawatan Inspector-General of Police dahulu. Pegawai ini di-katakan chekap sa-olah² tidak ada orang Malaysia yang boleh menggantikannya. Sekarang dia telah bersara, tetapi perkhidmatan Polis belum lagi runtuh. Yang aneh-nya, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, sa-sa'at sa-lepas Inspector-General of Police ini di-Malaysianise, dia telah menjelma menjadi pakar getah asli dan terus tinggal di-Malaysia untuk menasihati rubber baron yang berpengalaman berpulohan tahun tentang *rubber industry*. Saya kurang faham bagaimana boleh sa-orang pegawai polis jadi Penasihat Getah. Ada-kah ini menyebabkan ia di-pilih. Saya takut, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, nanti jadi macham Amerika. Di-sana jeneral² yang bersara terus jadi director² kampeni² besar, kata-nya supaya senang kampeni² ini ada direct line kepada Pentagon. Barangkali pegawai ini di-anggap oleh Rubber Growers sa-bagai berguna untuk mengchari pengaruh di-tempat² yang tinggi atau pun untuk impress atau overawe siapa juga yang ada dealings dengan-nya. Gaji-nya besar dan dia di-dapati timbul dekat² dengan rombongan² daripada Malaysia keluar negeri.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, satu daripada tugas rubber expert ini ia-lah membuat representation berkenaan dengan Malaysianisation dalam

sharikat² dagang. Pada mula² sharikat² ini nampak-nya giat bersedia untuk Malaysianisation. Dalam rubber industry umpama-nya banyak publicity di-beri berkenaan menghantar orang² dari Malaysia untuk berlatih supaya dapat mengurus dalam rubber estate. Tetapi nampak-nya pada masa sekarang expatriate maseh banyak dan pengurus² Malaysia tidak di-beri jawatan² yang besar. Sa-balek-nya expatriate bertambah sa-hingga orang² Belanda yang di-buang dari Indonesia pun di-beri di-bawa masuk dan di-berikan jawatan pengurus. Dan orang yang memper-tahankan keengganan sharikat² Me-malaysianise ia-lah Inspector-General of Police menjelma menjadi rubber expert tadi.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, di-masa kita menuntut kemerdekaan, kita berjanji bayar ganti-rugi kepada semua expatriate. Walau pun British telah koyak²kan perjanjian dengan kita, kita maseh pegang kuat dengan janji² kita. Saya kurang faham kenapa kita mesti buat begitu. Dengan gentleman kita patut-lah bersikap sa-macham gentleman, tetapi kalau Britain bukan lagi macham gentleman, kenapa kita mesti begitu generous kepada mereka. War reparations mereka bolot. Malaysi-ation compensation mereka gasak. Malaysianisation staff mereka, mereka tidak buat. Pertahanan mereka koyak. Tetapi kita? Kita bukan sahaja ganti-rugi, kita menambah kekayaan mereka. Tuan Timbalan Yang di-Pertua, di-London Airport kalau kita dari Commonwealth countries sa-umpama Malaysia, terutama kalau kulit kita gelap sedikit, kita di-pereksa dan di-pereksa pula. Mereka takut kita tinggal kekal di-Britain dan menyekat peluang bekerja orang² British. Kita di-sini nampak-nya membenar dan meng-galakkan British ambil peluang orang² Malaysia. Saya perchaya di-Malaysia sekarang ini ada tidak kurang daripada 10 orang yang layak memegang jawatan yang di-pegang oleh pegawai polis rubber expert tadi. Saya harap supaya Kerajaan tidak begitu murah hati dalam soal Malaysianisation ini.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Per-

dana Menteri telah menyebutkan ber-kenaan dengan pengundoran Tentera² British dari Malaysia. Ini akan me-maksa perbelanjaan yang banyak oleh pehak kita berkenaan dengan per-tahanan. Sa-bahagian daripada per-untukan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ia-lah untuk military hardware.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ia-lah satu² Kera-jaan yang ada chukup commonsense berkenaan dengan senjata². Kita tidak ingin menunjokkan kepada dunia yang kita ada kereta kebal yang besar, meriam yang besar, kapal terbang yang besar. Kita sediakan alat² peperangan yang menasabah dengan reality. Saya harap kita akan terus bersikap saperti lama.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan berkenaan dengan senjata² moden ini semua-nya mahal. Sa-buah kapal ter-bang jet berjuta harga-nya, sa-biji peluru berpandu berpuluh ribu, sa-biji kereta kebal ratusan ribu. Tetapi mahal-nya alat² ini tidak mengapa. Kita boleh chari wang untuk membelinya. Apa yang saya khuatir ia-lah alat² ini menjadi out-of-date dengan senang. Hampir² tiap² tahun ada satu model baharu yang lebeh baik dari model lama. Dahulu MIG 15. Sekarang ada 4 model yang lebeh baik daripada MIG 15. Satu dua tahun lagi akan ada model yang lebeh baik lagi dari sekarang. Dahulu *Mirage* di-agong²kan oleh France sa-bagai jenis yang habis moden. Sekarang kalau tidak ada *Super Mirage* tidak guna. *Mirage* lama tidak ada kekuatan sama *super-Mirage*. Begitu juga dengan sabre jet dan lain² kapal terbang Amerika. Chuma British sahaja tidak berubah model banyak kerana tidak ada duit, macham moto-kar British juga selalu out-of-date. Jadi kalau-lah kita beli senjata² saperti kapal terbang dan peluru² berpandu sekarang dalam dua tiga tahun senjata² ini akan jadi out-of-date—tidak ber-guna lagi. Dapat-kah kita tukar model macham taw kay besar tukar model Chevrolet tiap² tahun? Kalau tidak mampu tidak usah-lah kita mula satu arms race in miniature di-Semenan-jong ini.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, walau kita berperang di-laut, di-udara atau pun di-angkasa lepas, akhir-nya apa yang kita akan mempertahankan atau tawan ia-lah daratan. Di-darat chara berperang tidak bertukar. Soalnya bukan berapa alat perang dan jenis yang kita ada, tetapi berapa nyawa yang kita ambil.

Saya bersetuju dengan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ia-itu kalau China Kominis melanggar, kita tidak dapat mempertahankan negara kita. Negara kita akan di-tawan di-jadikan sa-bahagian daripada negara China seperti juga dahulu kita di-tawan oleh Jepun. Tetapi negara kita tidak akan selamat di-bawah perintah kuasa asing. Seperti mana di-masa Jepun kita telah adakan pasokan gurela, begitu juga kalau sa-kali lagi kita di-tawan, kita akan perang daripada hutan. Kita akan melancarkan guerilla campaign seperti Vietcong. Kita akan runtohan jambatan, rosakkan jalan, bomkan keretapi dan bakar tempat kediaman musuh kita. Mereka tidak akan senang menawan kita. Kita tidak akan tundok. Negara kita hak kita, dan ra'ayat Malaysia yang sayang kepada negara-nya mesti-lah usaha untuk mempertahankan negara. Kita tidak berkehendakkan kepada kapal terbang, kereta kebal dan sa-bagai-nya. Kita chuma hendak kepada latehan menggunakan small arms mengebom jalan dan jambatan dan lain² usaha yang lazim dalam guerilla warfare.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, apa yang kita berkehendak ia-lah semangat dan latehan. Ra'ayat di-belakang Kerajaan, ra'ayat yang ta'at setia akan sokong Kerajaan dalam usaha mempertahankan negara. Tidak usah-lah kita peralatkan tentera² kita dengan senjata² moden sa-hari out-of-date besok. Yang kita hendak chuma loyalty dari ra'ayat dan keperchayaan dari Kerajaan. Ada-nya dua perkara ini tidak ada negara walau bagaimana kuat sa-kali pun yang boleh menawan kita.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, sa-takat itu-lah sahaja ucapan saya, dan saya sudah dengan memberi sokongan yang penoh kepada peruntukan yang

telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Honourable Deputy Prime Minister introduced the Development Estimates for 1968, and I think the theme of his whole speech can be quickly expressed by his frequent use of the word "aggressive"—that these Development Estimates represent an aggressive mobilisation of domestic capital and an aggressive investment tactic. Sir, I do suggest that this aggressiveness is not in any way a measure of the dynamic vitality which is required to provide for the successful implementation of our development, but rather it smacks and sounds of a frenzy, a desperate last minute attempt to try and recover losing ground.

Sir, it is quite clear that over the years, ever since 1965, when this House debated the First Malaysia Plan—and we have to look at the present Development Estimates in the light of the Malaysia Plan—we had been told quite often that this country, whilst making efforts to progress, will have to run very hard to stand still. So, Sir, in actual fact, when we think over what the Honourable Deputy Prime Minister has said, that after ten years of independence and progress, the road is still uphill, I think, Sir, the analogy is probably incorrect. It is not only a question of going uphill or even going forward. The Honourable Minister of Finance has repeatedly told us that we are getting nowhere, we are standing still and, if we are not careful, in actual fact we will slide backwards. Sir, that is the danger and the grimness that confront us.

Sir, the Honourable Deputy Prime Minister has indicated to us that there will be formidable problems facing us in the future, particularly over the financing of our development, and these problems will become increasingly severe. However, Sir, he went on to tell us that this nation has the means of continued advance. Quite naturally, there is a degree of partisan politicking in view of the forthcoming

General Elections, because he says that with the Alliance Government to lead this nation and the Alliance Government's basic commitment towards developing the opportunity and prosperity for all, this nation will also have the will to progress. Sir, here I think is the basic theme which we have to debate.

Sir, I do not disagree with the Honourable Deputy Prime Minister that this nation has the resourcefulness and the vitality and the will to progress. In actual fact, Sir, references to the G.N.P. of our country indicate that year in and year out our citizens, the ordinary men and women in this country, have worked hard, increasingly hard, and our production has continued to increase. Why then are we still standing still? Why then is the road still uphill? Why then have we really not made any progress? Sir, the Government then lists a series of the problems confronting us, things that will make the problems much more severe—decline in prices, difficulties in foreign borrowing, difficulties in getting domestic loans, and so on. Sir, I do suggest that the Government should seriously look into it, and if the Government does not, the people will seriously look into it that amongst the reasons why we today, after ten years of independence, are still facing formidable problems and the problems of development still do not give us the promise of a better livelihood are Alliance blundering, Alliance frittering away of our chances and as has been evidenced by the last two Honourable speakers, Alliance lack of co-ordination, lack of will and, I say, lack of vitality and dynamism in its foreign policies. Sir, the people must realise that the reason why we are drifting today is not just because of extraneous influences but because, in spite of the people's determination to create a dynamic new nation in this region, the Government is not able to provide the right type of dynamic incentive.

The time has come for the people to think in terms of an alternative Government!

Sir, let us take now the two-pronged attack which is offered by the Honour-

able Deputy Prime Minister in presenting the 1968 Development Estimates. Obviously, Sir, the two-pronged attack for our future development is, firstly, an aggressive investment tactic in the public sector and to initiate fiscal and other policies which will induce private entrepreneurs to invest at the pace and in the fields required for soundly based economic development; and, secondly, the development of further agricultural and natural resources like Jengka and the establishment of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute to see that our agricultural development will progress at the same time.

Sir, let us go back to the first of these two-pronged attack, namely, the encouragement of private entrepreneurs to invest at the pace and in the fields required for soundly based economic development. Sir, those are beautiful words—I mean, any economist with any command of English would write that. However, Sir, what does that really mean? Sir, I do suggest that the reason why the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara still thinks in terms of basic communal difficulties, still thinks in terms of handicaps for the *bumiputras*, rather than gearing himself to look at the real political and economic problems that confront the nation as a whole, is because the fundamental Alliance policies have not been able to gear the nation into thinking or meeting our challenges ahead as Malaysians.

In our quest for accelerated economic and social development, the Honourable Deputy Prime Minister in presenting this year's Development Estimates has stressed the need for rapid agricultural and industrial development. I support this strategy as being the only sensible way of tackling our problems based as it is on the extensive and efficient exploitation of our abundant natural resources and manpower. My only appeal is to the State Governments to improve the efficiency of land administration and the speed of land alienation. It would be foolhardy indeed for all of us to neglect the development of our land, even if these were normal times. At a time when development is to be pushed ahead in the face of rising expectations of our people, it becomes even more important to do everything in our power to maximise the development of available resources when the problems which are confronting us are not only large but are becoming more serious.

The fact that we cannot be complacent, cannot be overstressed. As the Honourable Deputy Prime Minister has pointed out, a number of problems which were envisaged in the First Malaysia Plan are turning out to be much more serious than originally expected. On the top of all of this, these problems are becoming exacerbated by the withdrawal of British forces from both Malaysia and Singapore.

Mr Speaker, Sir, one of the most serious problems facing us today is the British withdrawal from this region. Its impact on us, to put it simply, is the diversion of our much-needed funds for development into defence requirements and finding suitable security arrangements for the region.

On the last point, Sir, I must commend our Honourable Prime Minister and the Honourable Minister of Defence for their sober, pragmatic and

rational attitude towards tackling the question of security arrangements in South-East Asia, as this is a problem of extensive dimensions. There is no point in getting panicky like some other South-East Asian leader who orbited thousands of miles just to prove the old saying that "Beggars cannot be the choosers." While the proposal by our Honourable Prime Minister of a Five-Power Commonwealth Security Arrangement is excellent, yet there are other friendly nations in South-East Asia which do not belong to the Commonwealth Group. In this respect, it is indeed commendable that our Honourable Prime Minister is taking the initiative to visit Indonesia for the first time after normalisation. I do hope that he would also visit and re-visit whenever time permits other South-East Asia nations as well. This is particularly important because, broadly speaking, defence for the whole region is indivisible. Militant communist expansion in the form of external aggression and internal subversion applies not just only to Malaysia and Singapore but also to Indonesia, Burma, Laos, Philippines, Cambodia, Thailand and Vietnam. Within this broad context, there is a good chance for some sort of regional collective security arrangements, even though there is no historical precedent whatsoever for South-East Asian security arrangements. However, within this arrangement, there is great scope for a series of bilateral defence arrangements, and I would like to urge our Government to explore along this direction, as this approach is likely to give a great deal of flexibility.

Sir, on the other point of British aids consequential to withdrawal. I must say that our Government has been too kind, too gentlemanly and too "cricket". This has been taken advantage upon by the Wilson Government. There was so much talk and publicity about substantial aids from the British Government, but where are the aids? Having heard all the speeches and promises by Mr Wilson on British aids and where withals, many of my colleagues and I are now wondering who wrote his "immaterial". The

question is not what one local British-controlled newspaper headlined recently, "Wilson has faith in Malaysia and Singapore", but rather can we have faith in him? Seriously, is it not about time that we take a hard and deep look into the Sterling £110 million (or Malaysian \$815 million) of profits that are siphoned off every year from this region to Britain by the British Merchants? Should we be forced to dismantling the British investment in this region to the tune of Sterling £2,930 million (or Malaysian \$21,680 million), the British people, who are our friends, have only Mr Wilson to blame, for there is a limit to one's patience. After all, if we do so, we are only following the trend of "never in the glorious history of Great Britain had her Prime Minister undo so much in such a short time".

Mr Speaker, Sir, many of my colleagues and I feel that unless we initiate some counter-action, some of our so-called friendly Governments take us too much for granted. While we play cricket, the Wilson Government appears intent not to play cricket. If I may quote Article I of the Malaysia-United Kingdom Defence Agreement, namely:

"The Government of the United Kingdom undertake to afford to the Government of the Federation of Malaya such assistance as the Government of the Federation of Malaya may require for the external defence of its territory."

Sir, here it is absolutely clear that the moment we require the United Kingdom Government to fulfill her obligations, she has to do so. But what Mr Wilson has been saying is that even if assistance is required for the defence of our territories, Britain may not wish to do so. That is a blatant example of solemn promises made and signed, but not kept. What sort of cricket is this? I, therefore, urge our Government to seriously re-examine our attitude towards the role of Britain in Malaysia not only in defence but also in other spheres including trade.

Mr Speaker, Sir, the Government should do this because the pull-out is already on us and will be completed by the end of 1971. The adverse

economic effects too are already with us and must be beginning to spread. Thus the question—I must repeat it again—is where are the substantial aids which the Wilson Government has publicly promised to give us to withstand the adverse economic consequences of the pull-out? I must now ask that the British Government honour its pledges and indicate to us, in tangible terms, that she will be as speedy in the provision of economic assistance as she had been deliberate and speedy in the withdrawal of her forces from both here and Singapore.

Tuan Khoo Peng Loong (Sarawak):
Mr Speaker, Sir, I would like to make some observations on the provision of the sum of \$79,034,644 in the Development Estimates, 1968 for expenditure in Sarawak. Of this total allocation, Head 138, Roads and Bridges, under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications, absorb \$15,776,964—the major portion. The Rubber Planting Scheme's allocation of \$9,833,500 under Head 121, Ministry of Commerce and Industry, is the next biggest single allocation, followed by Head 123, Ministry of Health, \$7,820,990; and Head 122, Education, \$6,700,000.

I would just like to comment briefly on these allocations before dealing with some of the smaller items. The construction of trunk roads and feeder roads is a very important phase in the development of Sarawak in building an infra-structure which will increase productivity. Unfortunately, Sir, road building has not yet to-date brought about material benefit because it has not made available more land for development due to the State Government's reluctance and lack of courage to tackle the problem of native land tenure. Furthermore, Sir, the natives themselves who have customary rights over large tracts of land on each side of the new roads are unable to develop the land, because they cannot capitalise on the land to which they do not have negotiable titles, nor are they able to raise capital in the form of loans. Even MARA, Sir, which is supposed to help natives with finance, would not take

native area land as security. In the State, Sir, the area which is only slightly less than that of West Malaysia but with a population of only 800,000, it is unbelievable that there should be a lot of frustrated landless farmers in Sarawak. The Sarawak Alliance Government should tackle this problem, so that the maximum benefit can be derived from the large sums of money spent on road building.

A sum of \$9,833,500 has been allocated for the rubber planting scheme in 1968. In reply to a question asked by an Honourable Member from this side of the House, the Honourable Minister of Commerce and Industry stated that he thinks high-yielding rubber is still a good investment. I would only like to draw his attention to the fact that there are quite substantial areas of high-yielding rubber in various parts of Sarawak which are not tapped, because tappers cannot be found in the particular locality.

One further point that merits further consideration is that if a large number of people in the interior areas who are engaged in subsistence agriculture based on rice cultivation switched over to rubber, it can affect adversely rice cultivation. With world price for rice rising and the comparative poor returns from rubber at current price, should not greater emphasis be given to increasing the productivity of rice farmers? Should not also more funds be utilized for the diversification of agriculture?

The provision of only \$4,540,550 for expenditure under a large number of items numbered as Sub-heads 61 to 78 for agriculture and \$2 million for rural credit seems small when compared with that for one single crop such as rubber. Under the allocation of \$7,820,990 for the Ministry of Health (Sarawak), a sum of \$6,884,684 is provided for expenditure on the new Sarawak General Hospital at Kuching. This leaves only \$212,388 for rural health scheme, token provisions of \$10 each for extension to the Sibu Hospital and Miri Hospital, and only a petty sum of \$50,000 for capital grants to local

councils for maternity, child and health clinics. On these allocations, Sir, I wish to make the following observations.

The First is concerning the Sarawak General Hospital. If my information is correct, on completion of Stage I of the new hospital, the number of beds in the new hospital will be the same as that of the present old hospital in Kuching. As there is always a general shortage of beds, it seems that the old one will have to be kept going. From a staffing and administrative point of view, it would be more desirable, if the whole thing is housed under one roof in the new hospital and the old hospital buildings are used for some other purposes. I would urge the Honourable the Minister of Health to give serious consideration to building Stage II of the new hospital immediately after Stage I is completed. As all the contractors are already on site and have tendered for a unit price which is very favourable to the Government, considerable savings would thus be effected in the total scheme value of the project if the work is carried on and not stopped at Stage I.

Another observation, Sir, that I wish to make is on the rural health provision of \$212,388, which seems to me to be quite inadequate to meet the demand for medical and health facilities in the ulu or interior areas. People who are far away from the main centres are very badly served and many lives were saved largely due to the assistance of the Army who were able to help with the transport of emergency cases with helicopters. Can the Ministry consider having some improved means of communications from the district centres to the more remote areas?

Finally, Sir, a great deal is being done by local councils to provide maternity, child and health clinics with very little assistance from Government. The sum of \$250,000 under the Development Plan is totally inadequate, if we take into account the number of local councils in existence in Sarawak. The provision of \$50,000 in 1968 would certainly not go very far.

Sir, on the provision in the Development Estimates of \$6,700,000, more than half will be spent by the Education Department itself on new secondary schools, teacher training and technical and commercial education. Capital assistance to educational agencies will absorb \$2,100,000 for primary schools and \$585,410 for secondary schools. Sarawak is fortunate in that local councils play such an important role in the field of education. Without the participation of these local councils, the Federal Government will have to spend very much more. Capital grants vary from 30 per cent to 75 per cent. If we consider the overall average at 50 per cent, the capital cost of primary schools to the Federal Government will be at least double. I would like, therefore, to conclude with a plea for greater assistance to local councils to help with development. Local Councils assist the Government not only in primary education and in the running of maternity, child and health clinics, but in the case of Sibu and Kuching with the construction and maintenance of town roads and with the provision of parking for vehicles. In return, these two local councils get only a small grant representing a portion of the vehicle licences fees collected by the Government. Many of the old town roads are narrow, and not constructed to modern standards to take on heavy traffic. There are also many unmade-up roads in the kampong and suburban areas. I hope that the Government will provide some funds to enable the local councils to carry out such development work.

One final point which I wish to make in conclusion, Sir, is that the Federal Treasury should make it a point to speed up the release of funds once Parliament has approved them. I have been informed that sometimes funds are not made available until the latter part of the year, and it is then too late to carry out the work. Not only has permission to be sought from the Ministry concerned for a project to go out for tender, but after the Tenders Board has considered the tenders, permission has to be sought from the

Federal Treasury, to enter into a contract for this work. In most cases, permission came so late that the successful tenderer was able to dishonour his tender because the period allowed for acceptance had already lapsed. I hope that the Honourable Finance Minister will look into this.

Tuan Harun bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kelmari telah pun menyentoh boleh di-katakan semua sa-kali kemajuan² yang telah di-perolehi sa-lama 10 tahun yang lalu. Di-antara keterangan yang di-beri itu ada-lah berlipat ganda kemajuan² dalam tiap² satu jenis, umpama-nya, dalam Kementerian² Perdagangan, Galian dan Tanah, Pertanian, Kesihatan, dan berbagai² lagi. Kemajuan² sa-lama 10 tahun yang negara kita telah perolehi sa-lama ini tidak-lah boleh siapa² menafikan lagi, baik dalam segi apa sa-kali pun—dalam segi pelajaran, dalam segi ekonomi, dalam segi kesihatan dan sa-bagai-nya. Tetapi dalam segala usaha kita yang begitu chergas, yang begitu kuat, yang kita telah lancharkan sa-lama 10 tahun itu kita rasa lebih deras juga lagi keperluan² yang di-kehendaki oleh ra'ayat jelata di-sebabkan bertambah-nya ra'ayat dengan chepat-nya pada hari ini. Persedian² pekerjaan yang kita telah sediakan kepada ra'ayat dalam semua bidang, bidang perniagaan, bidang pertanian, buroh dan sa-bagai-nya; tetapi sa-hingga hari ini keperluan² itu belum menchukupi lagi, yang sentiasa kita dengar di-merata² kampong atau pun bandar terutama sa-kali pemuda² mengeloh kekurangan pekerjaan, kesuntokan dalam mata penghidupan. Matlamat ini-lah dan perkara ini-lah juga yang telah pun Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah berusaha daripada sa-masa ka-samasa untuk hendak mengimbangkan kemahuan² ra'ayat yang saya sebutkan tadi. Malang-nya, pada hari ini dalam usaha² kita hendak memajukan lebih deras lagi itu, sudah menjadi tabi'at dunia sa-berapa kuat yang kita usaha, sa-berapa kuat yang

kita jalankan kerja, maka lebih kuat juga lagi chabaran² yang menimpa kita: umpama-nya pada hari ini dalam usaha kita hendak membanyakkan penghasilan negara, hendak membanyakkan hasil mahsul negara, tetapi malang tidak berbau; harga getah telah pun meroskot dan harga² barang yang lain telah pun naik, tetapi hari ini kita sa-bagai ra'ayat yang ta'at setia kepada negara kita tidak akan undor barang sa-tapak pun, terutama sa-kali pemimpin² negara kita akan menjalankan segala usaha sa-berapa daya yang boleh supaya segala chabaran² yang datang itu kita akan dapat mengatasi.

Berhubung dengan kejatohan harga getah pada hari ini telah pun banyak lapangan yang telah merasai kesusahan² daripada-nya, terutama sa-kali ra'ayat jelata di-kampong² bahkan Kerajaan juga mengalami kekurangan hasil negara. Berhubung dengan ekonomi ra'ayat di-kampong berthabit dengan kejatohan harga getah ini seperti mana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kelmarin, harga getah telah jatuh lebih chepat daripada yang di-sangkakan. Pada pendapat saya untuk mengelakkan daripada kesusahan² ra'ayat berhubung dengan kejatohan harga getah ini saya rasa menjadi satu tanggungjawab yang besar kepada Kementerian Pertanian ia-itu di-antara-nya hendaklah menganika-ragamkan segala jenis tanaman dalam negara kita ini.

Saya mengshorkan supaya jenis² tanaman sa-lain daripada padi, sa-umpama buah²an, kopi, limau, mempelam dan sa-bagai-nya itu. Buah²an ini selalu dia mengambil masa yang panjang, umpama-nya rambutan atau durian dia bermusim sampai sa-tahun, baharu-lah kita dapat hasil buah²an itu. Sa-kira-nya dalam satu dusun atau dalam satu tapak yang kita hendak menanam pokok buah²an biar-lah di-ambil beneh² daripada tanaman itu yang musim-nya itu berlainan. Jadi tidak-lah ra'ayat itu menunggu sa-lama sa-tahun, umpama-nya saya mithalkan durian. Musim-nya selalu dia berbunga pada waktu ini, umpama-nya dalam

satu tempat pada bulan Februari, enam bulan daripada itu baharu-lah kita boleh mendapat buah-nya. Dalam dusun itu boleh-lah kita sulamkan pula dengan satu jenis tanaman yang lain yang musim buah-nya tidak sama dengan durian. Umpama-nya, mempelam satu jenis lagi dan satu jenis lagi, umpama-nya kopi pula kita anika-ragamkan dalam tapak itu juga. Jadi, petani atau pun orang yang mengusahakan tanaman itu dia boleh sentiasa mendapat hasil. Mungkin tiap² bulan dia boleh dapat, kalau enam jenis tanaman, kalau dia pandai menyiasat musim buah² itu keluar neschaya petani atau pun orang yang menanam itu mungkin tiap² bulan ia boleh mendapat hasil atau pun dua bulan sa-kali. Bulan ini dia mendapat hasil kopi, bulan yang akan datang dia akan mendapat hasil limau, bulan lagi sa-kali dia akan mendapat hasil mempelam, bulan lagi sa-kali dia akan mendapat hasil durian atau langsung dan sa-bagai-nya.

Saya rasa dalam negara kita saya tidak pernah lihat tanaman yang sa-umpama ini. Kalau sa-kira-nya Pegawai Pertanian chuba menjalankan ikhtiar yang umpama ini, jadi orang yang menanam atau pun petani yang menanam itu sentiasa boleh dapat perolehan² daripada usaha² mereka itu, yang tidak jadi pula macham kaedah lama kita menanam, umpama-nya durian atau pun langsung sa-bagai-nya, bukan tentu tiap² tahun buah² itu jadi, mungkin sa-hingga dua tahun pun tidak jadi. Jadi dengan kaedah baharu, dengan chara baharu ini saya rasa segala kesulitan kewangan yang dirasai oleh ra'ayat di-kampong itu berthabit dengan kekurangan atau pun murah-nya harga getah ini akan dapat menampong balek segala kesusahan² mereka itu.

Saya rasa pandangan yang saya kemukakan pada hari ini telah pun ada di-pengetahuan Pegawai² Pertanian kita, tetapi belum lagi saya nampak tempat² atau pun nasihat² yang di-beri oleh pegawai² tersebut berhubung dengan perkara yang saya sebutkan tadi. Sa-lain daripada itu untuk hendak menampong balek penghasilan negara kita berthabit

dengan kejatohan harga getah ini perlu sa-kali Kementerian Tanah dan Galian dengan sa-berapa usaha-nya memper-cheptakan lagi menyiasat, mengkaji segala hasil bumi negara kita. Saya dukachita sa-kali walau pun telah banyak Kementerian ini berusaha hendak menchari segala hasil bumi negara kita ini, tetapi sa-panjang yang kita dengar daripada kelohan ra'ayat lambat sa-suatu permohonan² itu diperolehi. Kalau sa-kira-nya kita lambat menchari jalan untuk menampong balek segala kekurangan perolehan negara kita lambat laun satu masa yang akan datang kemajuan² tidak dapat di-buat dengan chukup sempurna, kerana sama² kita tahu dengan kekuatan kewangan sahaja negara kita akan bergerak dengan maju.

Saya mengshorkan dalam usaha hendak menchari bijeh, besi, minyak, tembaga, logam dan sa-bagai-nya dalam negara kita ini, mustahak kerajaan hari ini memberi peruntukan yang lebeh kepada Kementerian ini supaya dengan sa-berapa lekas kita hendak tahu apa ada dalam bumi kita, kita hendak tahu apa ada hasil dalam bumi kita. Mungkin ada benda² yang kita tidak sangka² yang boleh kita dapati. Jadi dengan sebab lambat kita hendak mengusahakan menchari penghasilan dalam bumi kita itu, maka ini boleh jadi saya bimbang tidak akan dapat kita hendak menampong balek segala kerugian² kita berthabit dengan kejatohan harga getah dan sa-bagai-nya.

Saya ingat perkara ini pun telah ada dalam pengetahuan pegawai² atau pun Kementerian yang berkenaan, tetapi saya sunggoh² berkeyakinan, saya rasa dalam negara kita ini pun tidak kurang hasil bumi sebab negara kita pun tidak kurang daripada negara² lain. Yang tiada itu ia-lah ikhtiar daripada kita menchari-nya.

Sa-lain daripada itu yang menjadi kesulitan kepada ra'ayat hari ini—saya berbalek kepada pertanian lagi—Pegawai² Pertanian. Kita tidak nafikan Pegawai² Pertanian kita telah berusaha dengan bersusah payah memberi penerangan tunjok ajar kepada orang² di-kampung. Kita chukup puas hati segala usaha yang di-buatkan oleh pegawai²

kita di-kampung² dengan sunggoh² mereka itu mendampingi ra'ayat; tetapi dalam pada itu pun saya nampak ada satu dua perkara yang ra'ayat tidak boleh hendak berjalan, sebab²-nya pertama² sa-kali kesusahan tapak yang mereka itu hendak menanam. Apa yang di-suruh oleh Pegawai Pertanian itu, walau pun kita nampak, pegawai² akan nampak tanah lama sudah tidak bertanam, kemudian ra'ayat gadoh berkehendakkan tanah baharu lagi. Jadi, satu perkara yang berlawanan. Ra'ayat kata kami tidak ada tanah, hendak berusaha berchuchok tanam; Pegawai Kerajaan kata, kamu tidak berapa usaha kerana kampung² kamu semak-samun. Jadi, dua pertentangan yang ada: Pegawai Kerajaan kata kepada orang kampung bagini; orang kampung kata pegawai bagini; orang kampung berkehendakkan tanah; Pegawai Kerajaan kata tanah sudah banyak kamu tidak usaha. Ini selalu terjadi di-kampung². Jadi menjadi olok² kepada orang² kampung kadang², saya suka-lah bercheloteh juga: "Pegawai Kerajaan boleh-lah dengan ayer lior sahaja, dia kata dia datang ka-kampung begitu bagini, dia tidak tahu kesusahan ra'ayat mereka boleh-lah buat ranchangan² atas meja. Kami bekerja daripada pagi, daripada pukul 5.00 atau 6.00 pagi sampai kapetang, sampai ka-malam—Benar atau tidak perkara ini? Saya datang daripada kampung. Sa-benar-nya sa-bahagian² boleh juga kita menyalahkan kepada orang² kampung, kata mereka itu lalai mengusahakan tanah mereka itu, tetapi sa-bahagian besar tidak, walau pun kita nampak tanah itu hutan begitu sahaja dengan tanaman² lama, sebab²-nya tanah itu jadi begitu ia-lah kerana tanah² itu tanah yang di-dalam kuasa saperti mana yang sama² kita tahu tanah lama daripada datok nenek mereka itu lagi yang belum di-pechah milek. Jadi, warith ini pun tidak berani hendak masuk usaha, jadi mereka dudok berpakat², tengok begitu sahaja, rugi sahaja tanah itu dengan tidak bertanam; anak chuchu di-dalam kesusahan.

Jadi apa yang patut kita buat pada hari ini mengenai tanah ini, kalau ada pun Pegawai² Pertanian memberi

nasihat beri benih limau, beri benih mempelam, beri benih itu, beri benih ini, chuma dapat di-tanam dalam tiga empat pokok, lima enam pokok sahaja. Ada-kah ini boleh menjamin kema'amoran, boleh menjamin kebaikan ekonomi dia, dengan lima pokok dengan 10 orang anak—tidak boleh jual, habis makan begitu sahaja. Jadi tidak nampak kejayaan yang kita tengok yang sa-benar²-nya. Begitu-lah kebanyakan-nya ada di-kampung² hari ini. Nasihat Pegawai Pertanian dia terima; bawa benih itu, benih ini dia terima, tetapi sa-takat berapa, macham saya kata tadi 3 pokok, 4 pokok, 5 pokok; apa yang hendak jadi dengan tiga empat pokok itu? Tentu-lah tidak sampai ka-mana, hendak menolong mendapat tambah perolehan dengan jualan dia tidak dapat, habis dengan anak chuchu dia begitu sahaja. Jadi, musim buah²an ghaib begitu, hilang masa berkhidmat begitu dengan hasil yang tidak dapat. Ini satu daripada usaha yang tidak dapat perolehan yang sa-benar²-nya sa-bagaimana yang kita kehendaki.

Jadi, pada hari ini saya rasa elok-lah Kerajaan kaji sa-mula mana² tanah sa-bagaimana yang telah di-rayukan oleh sahabat² yang berchakap dahulu daripada ini—mana² tanah kosong hak Kerajaan, tetapi dalam kawasan saya boleh di-katakan tanah itu sudah habis, hendak atau tidak hendak kena keluarkan-lah hutan simpan sedikit sa-banyak untok ra'ayat menanam. Dengan chara ini sahaja boleh kita menolong ra'ayat² atau pun pemuda² yang berkehendakkan pekerjaan.

Lagi satu yang menjadi kesusahan kapada ra'ayat negeri ini sistem negara kita ini sistem bebas-lah, bebas membawa masuk barang dan bawa keluar barang. Jadi masaalah pasaran dalam negara kita ini pun satu perkara yang patut juga kita kaji. Kalau kita berkehendakkan usaha² ra'ayat itu maju dan berlamaan, jenis² buah²an atau pun lain² lagi yang boleh di-dapati dalam negara kita hari ini Kementerian ini patut-lah mengkaji sa-mula supaya barang² yang di-bawa masuk dalam negara kita ini patut-lah di-sekat balek. Kita belum nampak sa-lepas kita

merdeka belum lagi kita buat sa-kali dalam dasar memasokkan barang² ini, chuma yang kita nampak ada-lah barang² lain, tetapi dalam bidang pertanian, saya tidak nampak lagi. Jadi, kalau kita tengok dalam negeri Siam (Negeri Thai) mereka itu menjaga sangat kepentingan usaha² daripada petani² mereka itu. Buah²an barangkali sama² kita tahu dalam negeri Siam tidak-lah begitu banyak buah² daripada negeri luar masok ka-dalam negeri itu, umpama-nya, macham limau, anggor, apple dan sa-bagai-nya. Jadi mereka lebih bangga memakan buah²an yang di-tanam oleh mereka itu sendiri. Jadi, dengan sendiri-nya harga yang di-dapati oleh kaum tani atau pun orang yang menjalankan usaha itu boleh dapat harga yang baik. Kita boleh dapat melihat dalam majlis kera'ian, majlis² yang kita kata yang besar di-hidangkan dengan buah²-an dalam negeri itu sendiri di-perbesar-kan buah²-nya atau pun tanaman yang di-dapati oleh anak negeri itu sendiri. Tetapi berbanding dengan kita di-sini, tetapi mungkin pula orang kata jika tidak bawa masok barang² daripada luar neschaya barang² di-sini lebih mahal. Boleh kita atorkan dengan tujuan kita hendak menggalakkan bagi memberi sa-imbang tenaga kaum² tani yang berusaha mengeluarkan buah²an itu, mengeluarkan hasil tani mereka itu dengan harga yang di-dapati. Chuba kita lihat pada hari ini, apa yang telah di-dapati oleh FAMA, yang di-buat oleh Kementerian ini juga, hasil padi hari ini telah pun mahal sedikit dan kaum² tani telah pun mendapat perolehan yang sa-imbang dengan titik peloh mereka itu. Kalau di-buat kapada tanaman² yang lain saya rasa tentu-lah boleh berjaya sa-umpama itu juga. Mungkin orang² dalam negara kita berfikir jika buat langkah yang sa-umpama itu boleh memajukan negara kita ini sa-tapak ka-hadapan dua tapak ka-belakang, dia memikirkan begitu pula, sebab kita telah mewah dengan barang² di-luar negeri. Kalau dasar kita mengikut sa-bagaimana dasar yang di-buat oleh penjajah dahulu saya was² kema'amoran ra'ayat dalam negara kita ini akan dapat sa-timbal balek sa-bagaimana yang mereka dapati pada masa dahulu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara haiwan—ternakan haiwan, kerbau, lembu dan sa-bagai-nya. Dalam Budget ini ada menunjukkan, tetapi peruntukan wang-nya tidak ada, ia itu hendak berikhtiar bagi mengadakan supaya dapat penghasilan susu dalam negara kita. Dalam negeri kita ini terutama sa-kali kerbau atau lembu sa-mata² ra'ayat jelata bela dengan memakan daging sahaja dan susu²-nya kita tidak berikhtiar mengadakan susu itu di-dalam negara kita sendiri. Sebab²-nya yang ra'ayat sendiri mengabaikan benda ini yang telah tentu mendapat hasil, mendapat harga yang baik, kerana barang² daripada luar juga masuk begitu banyak, umpama susu daripada Australia dan lain² lagi. Jadi kalau kita menyekat sedikit susu daripada luar dan kita chuba ikhtiar buat susu dalam negara daripada kerbau lembu yang ada dalam negara kita ini, kita buat sa-bagaimana yang di-buat dalam negeri² lain juga, kita tunjok dan ajarkan kepada ra'ayat, maka tentu-lah perolehan² yang didapati daripada hasil ternakan kita itu akan bertambah dan akan menambah perolehan² ra'ayat masing². Kedudukan kita hari ini saya bimbang benar; kedudukan ra'ayat kita hari ini bila kita kaji daripada Pegawai² Kerajaan semenjak lepas merdeka ini, saya rasa Pegawai² Kerajaan daripada sa-tinggi² sa-hingga ka-bawah boleh kata penghidupan mereka itu telah lumayan. Demikian juga orang² perniagaan dan perusahaan peluang atau nasib mereka telah baik sa-bagai mana yang kita tengok pada hari ini.

Kalau kita melawat di-gudang² dan melawat di-tempat² perniagaan, kita lihat sama taraf mereka itu dengan taraf yang di-buat oleh Kerajaan juga dengan motokar² dengan kerusi-meja yang baik, berhawa sejok dan sa-bagai-nya, bererti perolehan daripada perniagaan atau pun perusahaan mereka itu telah maju dan mendapat hasil yang banyak. Apa yang saya bimbangkan pertama sa-kali nasib kaum nelayan, penoreh getah, pekebun kechil, ra'ayat ini-lah yang banyak sa-kali dan dalam kalangan ini-lah yang banyak sa-kali dalam negara kita ini. Mereka ini

bukan-nya melebihi perolehan-nya bahkan chara tidak berselindung lagi kenyataan yang telah menunjukkan hari ini telah merosot. Orang² ini-lah menjadi orang yang ta'at setia kepada negara kita ini. Jadi, saya rasa bimbang benar-lah kepada ra'ayat dalam golongan ini, jika kita tidak perbaiki penghidupan mereka itu oleh kaum bijak pandai kita terutama sa-kali penganjur² kita. Jadi ka-arrah ini-lah saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri² yang lain pun sama pendapat dengan saya yang mereka itu perahkan otak fikiran mereka itu sa-hari² sama ada mendapat kejayaan, kita boleh dapat menyelesaikan masalah ini atau tidak, sama²-lah kita saksikan pada masa hadapan. Walau bagaimana pun kita tidak dapat-lah hendak menyenangkan semua ra'ayat, sa-lagi di-katakan dunia, mesti ada miskin, mesti ada kaya, tidak upaya kita hendak buat, datang-lah Kerajaan mana sa-kali pun, sa-lagi di-katakan manusia tidak upaya kita hendak lari, mesti ada kaya, mesti ada miskin sa-bagaimana yang kita hendak usahakan ini, sa-bagaimana yang selalu kita dengar-lah jangan ada perbezaan antara satu pihak itu dengan satu pihak. Jadi, keselamatan negara kita, ketenteraman negara kita kepada ra'ayat ini-lah yang kita bergantung. Berbalek

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Ahli Yang Berhormat hendak berchakap.

Tuan Harun bin Abdullah: Sadikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam dua minit lagi. Tentang pertahanan pula saya tidak-lah hendak berchakap berkenaan dengan jenis² alat² peperangan. Hari ini kita sama² dengar peperangan di-Vietnam chukup kenchang, yang jauh-nya chuma selang satu negeri lagi dengan negara kita, bukan-lah bererti pula yang negara kita ini akan di-serang tetapi malang tidak berbau, kita tidak mahu-lah terjadi sa-bagaimana peperangan Jepun dahulu. Apa yang mustahak sa-kali yang kita mesti beringat dalam perkara ini sa-lain daripada pertahanan sa-bagaimana yang di-terangkan oleh sahabat² saya

tadi, saya juga tidak dapat hendak menentukan sama ada harga beras ini sama harga-nya dengan harga ini juga berthabit dengan peperangan ini, atau pun akan lebih lagi. Saya bimbang dengan peperangan ini boleh jadi keadaan dalam negeri Siam, jika terlibat sama, boleh jadi-lah negara kita ini akan lagi sa-kali menimpa sa-bagaimana masa Jepun dahulu juga yang ra'ayat kita ini akan mengalami kesusahan² beras yang amat terok, dan mati kelaparan. Jadi, dalam masalah ini juga dalam hal kita hendak menjaga bahaya yang mungkin akan terjadi dalam negara kita ini yang perlu sa-kali perpaduan. Perpaduan di-antara kita sama kita yang mustahak sa-kali di-antara lain² yang kita kena fikirkan dalam masa musuh atau pun pergaduhan yang akan datang perpaduan sa-masa kita dalam negara kita ini mesti-lah di-awasi sa-kurang²-nya kalau kita dapat bersatu sa-bagaimana kita bersatu sa-masa konfrantasi dahulu. Kejatohan sa-sabuah negeri, atau pun kejatohan sa-sabuah negara berthabit dengan peperangan bukan hanya bergantung kepada alat peperangan sa-mata², tetapi perpaduan ra'ayat dalam negeri itu sendiri mesti-lah di-awasi. Sa-kira-nya tiada perpaduan di-antara kita sama kita, di-antara ra'ayat sama ra'ayat, musuh² akan senang sahaja menjatuhkan Kerajaan yang ada pada hari ini. Jadi, dengan sebab itu perpaduan mustahak sa-kali dalam keadaan seperti hari ini mesti-lah di-jaga supaya keutuhan negara kita ini kuat dan boleh mendapat keamanan sa-lama²-nya. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, tuan, saya ingin turut sama mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan pembangunan bagi tahun ini. Memandangkan kepada peruntukan yang ada di-hadapan kita hari ini banyak-nya bertambah peruntukan ini daripada tahun² yang lepas, ada-lah menunjukkan bertambah-nya keyakinan Kerajaan terhadap pelaksanaan pembangunan bagi negara kita ini di-tahun² yang lepas. Saya, Tuan Yang di-Pertua,

ingin menyentuh beberapa masalah dalam Anggaran Pembangunan ini.

Dalam masalah pembukaan tanah yang mana satu peruntukan besar diadakan dalam Anggaran Pembangunan ini, ia-itu satu peruntukan sa-banyak \$63 juta di-untukkan kepada Rancangan Pembukaan Tanah atau pun F.L.D.A. Nampak-nya dasar pembukaan tanah kita sekarang ini maseh juga lagi mengambil berat bahkan boleh di-katakan 90% daripada masalah pembukaan tanah kita di-tujukan kepada getah sa-mata². Hanya sedikit sahaja di-tujukan kepada benda² lain umpama-nya kelapa sawit. Sedangkan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang kita tahu di-antara ladang² getah yang di-buka di-bawah rancangan F.L.D.A. dan juga ladang² kelapa sawit yang luas itu, terbentang pula paya² yang luas yang mana paya² ini di-tinggalkan penoh dengan semak samun begitu sahaja. Di-sabalek bersehnya saya tengok bukit² di-tanam dengan getah² dan kelapa sawit, tetapi kedatangan di-seluruh negara kita ini semak samun yang memenohi paya², sedang paya², yang luas ini kalau diterangkan, kalau di-berseuhkan untuk di-jadikan sawah padi memang-lah satu perkara yang amat baik sa-kali. Kalau kita tengok rancangan Kerajaan sekarang ini nampak-nya dalam menambah pengeluaran hasil padi hanya menuju ka-arrah membuat dan membena parit² dan taliayer ya'ani untuk menambah hasil bagi tanah yang sudah sedia ada sahaja ya'ani melipatgandakan umpama-nya supaya dapat di-tanam padi dua kali sa-tahun atau pun kalau boleh tiga kali sa-tahun, tetapi nampak-nya Kerajaan tidak begitu berikhtiar untuk meluaskan lagi, menambah kawasan² untuk bersawah padi ini sedang kawasan² untuk bersawah padi memang luas ada dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga sedikit dalam masalah satu perusahaan yang nampak-nya menarek minat yang besar di-kalangan kaum bumiputra sekarang ini ia-lah perusahaan membalak kayu. Tuan Yang di-Pertua, perusahaan ini kita tengok di-Kelantan, di-Trengganu, di-Johor dan terutama-nya di-Pahang

boleh di-katakan perusahaan mem-balak kayu sekarang ini satu per-usahaan baharu yang sangat di-minati oleh peniaga² atau pun pengusaha² daripada bumiputra, tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang berlaku terutama sa-kali di-Kelantan ia-itu kesulitan bagi pem-balak² bumiputra ini untuk mendapat lesen² eksport untuk mengeksport kayu² balak ka-negeri² luar. Sa-tahu saya dalam tahun lepas sahaja berpuluh² buah kampeni² daripada bumiputra meminta lesen² eksport ini, tetapi hanya-lah satu atau dua kampeni sahaja yang dapat lesen² eksport ini. Satu daripada kampeni yang besar juga, ia-itu-lah ahli-nya daripada bumi-putra yang telah mendapat kontrak lebih 100,000 tan sa-tahun daripada negeri Jepun, tetapi kampeni ini tidak mendapat permit eksport atau lesen eksport. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ini boleh jadi bagaima-na kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan baharu² ini boleh jadi pembalak itu tidak ada pengalaman-kah atau pun macham mana saya pun tidak tahu, tetapi kalau dia tidak ada pengalaman tentu-lah sulit bagi-nya untuk mendapatkan kontrak daripada Jepun sampai beratus ribu tan dan mendapat keperchayaan daripada kampeni² dari Jepun, tetapi hingga sekarang ini kampeni itu tidak dapat lesen eksport untuk mengeksport kayu² balak ini. Jadi kayu² balak yang di-keluarkan daripada hutan itu terpaksa-lah di-longgokkan bertimbun² di-tepi² jalan, dia tidak tahu ka-mana hendak bawa pergi, sedangkan kayu itu banyak untuk di-gunakan dalam negeri ini sudah melebihi daripada keperluan negeri ini. Jadi, saya berharap-lah supaya Kementerian yang berkenaan menimbangkan sa-boleh-nya memberi pertimbangan yang adil untuk memberi lesen² eksport pada pembalak² bumi-putra ini untuk menggalakkan lagi pembalak² bumiputra ini mengambil bahagian yang cergas lagi dalam per-niagaan dan perusahaan di-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula dalam masa-lah pelajaran. Kerajaan kita tiap² tahun telah membelanjakan berpuluh² juta ringgit untuk projek membena bangunan² baharu di-sekolah² di-seluruh tanah

ayer kita ini yang mana kalau kita berjalan di-merata² tanah ayer kita ini kita akan melihat bangunan sekolah² yang baharu indah tersergam. Tetapi di-sebalek keindahan bangunan² sekolah itu nampak-nya pehak Kerajaan kita telah menchuaikan satu perkara yang amat penting sa-kali ia-itu-lah mata pelajaran yang di-ajar dalam sekolah² itu sendiri. Nampak-nya dasar Kerajaan kita sekarang ini mengutama-kan keindahan bangunan² sekolah, tidak mengutamakan masalaah pelajaran² dalam sekolah² itu. Saya memberi beberapa chontoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu-lah dalam masalaah ke-kurangan guru² yang di-hadapi oleh sekolah² di-seluruh tanah ayer kita sekarang ini. Umpama-nya mengikut dasar pelajaran sekarang ini arahan² telah di-keluarkan dari Kementerian Pelajaran ia-itu tiap² sekolah berhak mendapat peruntukan guru dengan kadar 1.2 guru bagi darjah² yang ada di-dalam sekolah itu. Dahulu dasar ini juga di-amalkan, tetapi ada sedikit perbedzaan. Dahulu dasar 1.2 ini ia-lah bagi darjah² ini tidak termasuk guru besar dan guru agama, tetapi sekarang ini dasar 1.2 ini termasuk guru besar dan guru agama sama. Saya beri, chontoh, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya sekolah yang ada 13 darjah yang mendapat peruntukan guru 1.2 bagi darjah² itu, maka dari perhentongan itu patut-nya dia mendapat 15.6 guru—selalu di-potong .6 itu di-kira 15 orang guru. Bahulu 15 orang guru ini tidak termasuk guru besar dan guru agama, tetapi sekarang ini 15 orang guru ini termasuk guru besar dan guru agama. Bererti dalam sa-buah sekolah yang mempunyai 13 kelas berhak mendapat 15 orang guru. Jadi bererti satu orang guru besar, dua orang guru agama dan hanya 12 orang guru lain. Ini bererti salah sa-orang daripada guru agama terpaksa memegang kelas. Ini-lah kesulitan² sekarang ini yang di-hadapi oleh semua sekolah² terutama sekolah rendah di-seluruh tanah ayer kita ini. Jadi bagaimana-lah, Tuan Yang di-Pertua, satu orang guru agama yang tugas-nya selalu mengajar mata pelajaran agama sahaja, tetapi sekarang ini telah di-tambah tugas-nya memegang

kelas, memegang darjah dan terpaksa mengajar mata² pelajaran yang lain. Walau pun sa-tengah² guru agama itu memang-lah mempunyai kebolehan akademik, sa-tengah²-nya lulus F.M.C. atau pun L.C.E., tetapi mereka ini tidak mempunyai kebolehan mengajar, tidak mempunyai latehan mengajar, tidak mempunyai pengalaman mengajar dalam pelajaran² lain daripada pelajaran agama itu. Akibat-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa kejadian yang saya dapat tahu guru² itu sendiri datang jumpa saya, beberapa orang guru agama yang sa-tengah-nya terpaksa mengajar bahasa Inggeris di-sekolah Inggeris. Sa-tengah-nya pula baharu dua tiga hari ini sa-orang guru agama datang jumpa saya, kata-nya dia terpaksa mengajar seni lukis di-sabuah sekolah rendah. Mashaallah, kata dia sa-umur hidup-nya tidak pernah kenal apa itu seni lukis, di-suruh mengajar ilmu seni lukis. Kalau lukis chaching mengerti-lah dia, kalau hendak lukis yang lain tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, apa-lah akan jadi kepada sekolah² kita ini, apa-lah akan jadi kepada anak² kita ini, kalau guru² yang tidak tahu dalam masaalah itu terpaksa mengajar dalam masaalah itu. Ini-lah saya katakan masaalah kekurangan guru² yang saya rasa di-rasai oleh seluruh sekolah² di-dalam negara kita ini.

Sa-lain daripada itu sa-bagaimana saya katakan tadi kalau sa-orang guru agama terpaksa memegang darjah, dia terpaksa mengajar pelajaran yang dia tidak tahu atau pun tidak ada pengalaman mengajar dalam pelajaran itu, dia boleh mengajar pelajaran agama sendiri yang di-darjah² lain itu tidak mendapat masa yang sa-penoh-nya yang menyebabkan kalau guru lain, guru darjah itu tahu mengajar agama ta' apa-lah; tetapi kalau guru darjah tidak mahu mengajar agama, maka pelajaran agama di-darjah² lain pula terkurban. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua; dan bukan sahaja sa-takat itu berlaku-nya kekurangan guru² ini, saya beri chontoh dalam sa-buah sekolah ia-itu-lah Sekolah Kebangsaan Gemang, jajahan Tanah Merah di-Kelantan. Sekolah

ini ada enam darjah; guru di-sekolah ini ada empat orang termasuk guru agama dan guru besar—bererti dua orang guru lain, satu orang guru agama, dan satu orang guru besar. Guru besar sekolah itu memerentahkan guru agama-nya supaya memegang darjah satu sedangkan kita tahu darjah satu ini menghendaki guru yang betul² berpengalaman, guru yang betul² berkelulusan yang mempunyai pengalaman mengajar dan latehan mengajar yang chukup—tetapi guru agama terpaksa pegang darjah satu. Benar² kejadian ini berlaku di-Sekolah Kebangsaan Gemang, Jajahan Tanah Merah. Ini-lah saya rasa perkara² yang sangat menchochok mata kalau kita tengok dalam sekolah² kita sekarang ini.

Jadi, memandang kepada masaalah kekurangan guru² ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan kepada pehak Kementerian ini patut-lah Kementerian ini mengkaji sa-mula dasar-nya hendak memberhentikan guru² sementara sa-bagaimana yang di-nyatakan baharu² ini yang mana sa-tengah² daripada guru sementara itu telah pun menerima notice²-nya, notice² supaya berhenti kerja dan guru² sementara yang di-ambil tidak begitu banyak pada tahun ini. Sa-tahu saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah² daripada guru² sementara ini telah pun mengajar daripada 8 tahun hingga 10 tahun. Mereka ini telah menchurahkan sa-bahagian besar daripada minat dan umur-nya dalam masaalah pelajaran ini, tetapi manakala mereka di-berhentikan kerja, maka sudah tentu-lah minat mereka, umur mereka yang sudah di-churahkan dalam masaalah pelajaran ini telah di-buang begitu sahaja, dan ini akan bertambah lagi penganggoran dalam negara kita ini. Saya berharap-lah kepada pehak Kementerian ini kalau boleh guru² sementara ini ta' usah-lah di-buang, tetapi di-beri latehan yang sa-chukup-nya supaya guru² ini dapat menjadi guru yang tetap dan menchukupi keperluan guru di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya hendak menyentuh sedikit dalam masaalah perikanan dalam negeri ini. Dalam peruntukan yang ada di-hadapan

kita ini ada di-untokkan sa-banyak \$500,000 untok perusahaan membaiki perusahaan perikanan dalam negeri kita ini. Dan sekarang ini saya dapat tahu satu projek besar²an di-lancharkan di-kawasan perayeran Pantai Timor, ia-itu projek perchubaan menggunakan pukat tunda. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa Kementerian ini akan menghalalkan penggunaan pukat tunda ini, ia-itu jenis kechil di-perayeran Pantai Timor, jenis pukat tunda yang di-tarek oleh motobot² yang tidak lebeh daripada 10 horse power. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ranchangan itu tidak-lah ekonomik, kerana bagaimanakah satu pukat tunda yang hendak di-tarek oleh motobot yang hanya 10 horse power itu—tentu-lah tidak memadai, barangkali pukat itu dua depa atau tiga depa sahaja. Jadi, saya suka-lah mengshorkan kepada Kementerian ini supaya menghalalkan terus penggunaan pukat tunda ini di-Pantai Barat atau pun di-Pantai Timor memandangkan kapada perubahan chara berfikir nelayan² kita sekarang ini. Saya perchaya memang-lah dahulu banyak nelayan² kita yang menentang penggunaan pukat tunda ini, terutama sa-kali nelayan² di-Pantai Timor dan juga di-Pantai Barat, umpama-nya, di-kawasan saya, kawasan Tumpat; dahulu boleh di-katakan hendak berperang-lah kalau orang hendak gunakan pukat tunda ini, kerana pada masa itu banyak nelayan² kita menggunakan pukat merentang, ya'ani pukat hanyut, tetapi sekarang ini perubahan chara berfikir nelayan² kita pun maju juga oleh sebab kaedah lama yang mereka gunakan sa-lama ini dengan menggunakan pukat sa-chara merentang tidak mendatangkan hasil yang banyak. Mereka pun mula chuba menggunakan pukat tunda ini chara kechil², itu-lah pukat tunda yang di-tarek oleh motobot 10 horse power, 20 horse power dan 30 horse power. Tetapi, nampak-nya, hasil yang di-dapati daripada pukat tunda ini amat-lah lumayan. Jadi, datang-lah perubahan berfikir kapada mereka itu dan boleh di-katakan sekarang ini hampir sa-tiap motobot² nelayan yang ada di-Pantai Timor mempunyai pukat² tunda, tetapi jenis kechil, chuma yang terhenti sekarang ini ia-lah larangan Kerajaan tidak membenarkan, tidak

membebaskan penggunaan pukat tunda ini, tetapi terpaksa-lah nelayan² itu menggunakan pukat tunda ini walau pun Kerajaan tidak benarkan, dia gunakan juga sa-chara churi. Jadi, saya rasa kalau-lah pehak Kementerian ini dapat menghalalkan penggunaan pukat tunda ini dan memberi bantuan² kapada nelayan, memberi pengajaran chara menggunakan pukat tunda ini dan memberi bantuan pukat dan sa-bagai-nya, saya rasa ini ada-lah mendatangkan hasil yang besar dan menambahkan hasil negara kita ini sekurang²-nya mengurangkan jumlah ikan² yang di-import ka-dalam negara kita ini. Tetapi, satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam menghalalkan penggunaan pukat tunda ini bagi perayeran di-Pantai Timor-lah. Saya rasa, saya tahu sedikit sa-banyak-nya patut-lah pehak Kementerian ini menghalalkan dengan chara berperingkat² ia-itu kalau-lah sekarang ini di-halalkan dengan tidak bersharat bagitu sahaja neschaya saya rasa kapitalis²-lah yang akan dapat untong yang banyak, kerana mereka ini dapat menyediakan motobot² yang besar, 200 atau 300 horse power. Saya rasa patut-lah di-halalkan sa-chara peringkat². Peringkat pertama ini di-benarkan menggunakan pukat tunda sa-takat 40 horse power, umpama-nya, yang mana boleh di-katakan kebanyakan daripada nelayan² Pantai Timor mempunyai motobot² ka-bawah daripada 40 horse power. Jadi, sa-telah mereka itu berpengalaman dalam menggunakan pukat tunda ini dengan motobot 40 horse power ka-bawah maka patut-lah pula Kementerian ini memberi peringkat lain, umpama, sampai 100 horse power lepas itu baharu-lah dibuka sa-luas²-nya. Ini sa-bagai satu chara hendak mengajar menggunakan pukat tunda ini dan melateh nelayan² kita menggunakan pukat tunda ini yang mana pukat tunda ini mengikut pengalaman saya sendiri pernah juga mengambil tahu dalam masaalah ini ada-lah mendatangkan hasil yang baik kapada nelayan² kita.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian menyertai menyokong Anggaran Pembangunan

tahun 1968 yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri petang sa-malam. Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah khas-nya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, 'am-nya Kerajaan Perikatan yang mana satu daripadanya ada-lah di-atas jaya-nya mengadakan Ranchangan Pembangunan untuk kemajuan negara dan ra'ayat seluroh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sa-bagai ra'ayat Malaysia atau warganegara, patut-lah rasa-nya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada teraju kita menjalankan pentadbiran dengan adil dan saksama, tidak kira kawan dan lawan. Semua kita anggapkan sa-rupa sahaja. Kerajaan Perikatan sa-lama memerintah negeri ini telah tidak memandang pileh kaseh kepada negeri², sungguh pun negeri itu dari Parti Lawan, tetapi di-beri-nya juga bantuan. Itu pun sudah nyawa ikan baharu negeri itu meminta S.O.S. kepada kita, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sa-kira-nya sa-belum nyawa ikan kira-nya dia meminta bantuan kita sanggup memberi bantuan tetapi apa hendak buat dia hendak menunjokkan jagoh-nya atas pemerintahan intelektual, kata dia. Apa boleh buat, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam pada itu pun kita banyak juga di-katakan pemerintah tidak adil, pembangunan tidak ada, tetapi saya rasa segala kata² dusta yang di-keluarkan, yang di-hembuskan itu semua kenyataan sahaja yang dapat menentukan apa-kah hasil-nya. Buat pepatah orang tua² kata saperti mana bapa ayam berkokok berderai², ekor-nya berlumoran penoh dengan tahi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu suka saya membawa terutama sa-kali masaaalah pekerjaan. Di-samping saya menyokong peruntukan ini juga saya bersetuju apa² pendapat yang telah di-beri oleh rakan sa-jawat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang telah berchakap sa-belah pagi tadi. Dalam negeri kita yang merdeka sa-lama 10 tahun dan banyak ranchangan², peluang² pekerjaan telah dapat di-adakan dan yang

aneh-nya sungguh pun banyak peluang² pekerjaan dalam negara kita, tetapi tidak dapat di-hadapi oleh ra'ayat kita terutama sa-kali bagi belia² kita, pemuda² kita, Tuan Yang di-Pertua.

Belia² kita yang makin hari makin bertambah dari berbagai² jurusan sekolah, chuma peluang itu sahaja di-dengari bertubi² dan mengarahkan belia² kita atau ra'ayat kita. Apa yang kita buat ia-lah banyak sangat menggunakan chara international hingga orang² kita yang wajib di-beri penghidupan untuk berdiri di-atas kuki-nya sendiri itu pun di-lupakan sama sa-kali. Untuk mendapatkan pekerjaan di-utamakan orang² kemasokan atau orang² yang mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat orang² kita yang makan gaji di-tempat lain di-usir-nya keluar dan pada tahun ini lebeh kurang 60,000 orang kita yang semenjak turun temurun-nya bekerja menchari makan akan di-halau keluar kerana tidak mendapat work permit sa-lain daripada orang² kita yang bekerja dengan Tentera British. Yang saya katakan lebeh kurang 60,000 orang kita yang akan hilang pekerjaan atau mata pencharian mereka² itu sudah di-ramalkan oleh Kerajaan yang kita memerdekakan mereka. Jadi sa-bagaimana saya kata tadi dengan kerana kita ini banyak terikut² sangat undang² international, maka kita lupakan orang² kita yang banyak tidak mempunyai pekerjaan. Mengikut rekod negara kita belum ada lagi manusia² ra'ayat kita yang mati kelaparan, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir system atau dasar mengambil orang² bekerja di-negeri kita ini hendak-lah kita ubah kepada work permit kepada orang² yang bukan warganegara yang berpendapatan \$700 ka-bawah hendak-lah di-keluarkan, dan pekerjaan yang berpendapatan \$700 ka-bawah ini hendak-lah di-beri peluang kepada kad pengenalan biru sahaja. Kalau sa-kira-nya pintu maseh di-buka dengan tidak di-jaga, maka sa-lama itu-lah ra'ayat kita akan menderita. Bak kata pepatah, "kera di-hutan di-beri susu, anak kandongan sendiri di-biarkan".

Sambil saya berchakap dalam masa-alah perburohan atau pekerjaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberi pandangan kepada Tuan Yang di-Pertua, mithalan pekerja² M.S.A. Kedua² Kerajaan telah berkongsi berniaga, tetapi di-dalam soal pekerjaan ini kita telah mengalah hinggakan orang² yang dari sa-belah sana di-hantar-nya sa-belah sini, kata-nya transfer. Kalau orang² kita hendak bekerja di-sana, dia tidak beri, work permit tidak di-keluarkan dan terpaksa kita mengalah. Jadi kalau-lah pekerjaan perkongsian yang sa-macham ini apa-lah salah-nya kalau orang² yang dari sini bekerja dengan M.S.A. di-Singapura, apa-lah salah-nya dia itu boleh mendapat work permit dengan sa-chara automatic—kata kedua² Kerajaan berkongsi. Jadi apa-lah ma'ana perkongsian yang sa-macham ini, orang dia boleh bekerja di-sini, orang kita tidak boleh bekerja di-sana. Jadi saya harap masalaah pekerjaan atau perburohan ini patut-lah di-fikirkan dengan sa-halus²-nya. Kalau di-biarkan sahaja permintaan ra'ayat yang bertalu² untuk menyekat orang² luar masuk menchari kerja di-sini tidak di-endahkan, maka saya pun tidak tahu apa hendak di-katakan.

Tuan Yang di-Pertua, masalaah pekerjaan di-Jabatan Perang British bagitu juga. Kita hendak-lah mempunyai satu dasar yang positive di-dalam perkara pembuangan kerja ini kelak. Orang² yang bukan warga-negara hendak-lah di-jamin berhenti dahulu tidak kira berapa lama service-nya dan sa-lepas itu hendak-lah di-jamin juga keluar-nya dari negara kita dengan sertamerta. Kalau di-biarkan di-sini lama-kelamaan akan menjadi bebanan kepada kita semua atau menyekat kemajuan anak² muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu perkara² yang saya sebutkan tadi ia-itu yang boleh mendatangkan maksiat dan gangster² bermaharajalela kerana banyak Bar² dan Restaurent². Ini kalau tidak salah saya dia di-protectkan oleh gangster² bukan sahaja kepada bar² dan restaurent² tetapi juga kepada pekerja². Jadi

banyak-nya bar² dan restaurent², berkembang-lah wang protection gangster. Jadi kita harus jaga kira-nya ada berlaku sa-demikian hendak-lah pehak yang berwajib mengambil tindakan. Saya tunjukkan satu mithalan, Tuan Yang di-Pertua, di-Ipoh banyak sangat restaurent² atau bar² di-buka di-sana dan di-tempat itu juga ada pelachor² dan ada bermacham² perkara dan ini patut-lah di-ambil perhatian oleh pehak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-terus-nya mengenai tanah juga, saya suka hendak sentoh sa-bagaimana rakan² saya. Kita tahu tanah ini saperti saya kata tadi maseh banyak tanah yang belum di-kerjakan dan ada pula tanah yang tidak di-kerjakan. Tanah² ini boleh di-kerjakan, tetapi tidak hendak di-kerjakan. Jadi, saya harap pehak yang tertentu mengambil tindakan kepada tuan² punya tanah yang tidak hendak di-kerjakan dengan segera. Kira-nya kita biarkan tanah² yang ada tidak di-kerjakan, maka matalamat kita berdiri di-atas kaki sendiri mungkin juga terbantut, bukan kerja kita tidak betul, tetapi petualang yang suka melihat kejadian ini berlaku. Jadi, masalaah soal tanah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menyebutkan chontoh-nya dalam negeri Perak, buat kata sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, Kerajaan Negeri ada menguntokkan wang sa-banyak \$400,000 bagi melancarkan Ranchangan Tanah Belia di-Negeri Perak dan di-harap Kerajaan Pusat juga tidak ketinggalan memberi bantuan memandang kepada dalam Negeri Perak ada mempunyai enam ratus kampong lebeh yang hendak di-kumpulkan, dan kita minta kalau boleh pehak Yang Berhormat Menteri memberi \$200,000 sa-bagai tambahan kepada ranchangan itu untuk mengelakkan daripada banyak-nya penganggor² yang berlaku dalam negeri kita ini khas-nya pemuda² yang berumur di-antara 17 tahun ka-24 tahun, oleh kerana mereka ini di-gunakan oleh pehak² yang tidak bertanggung-jawab, sebab mereka ini pada masa kita merdeka dahulu belum kenal lagi kemerdekaan, belum tahu lagi apa

yang telah di-buat oleh pemimpin² kita. Jadi, senang sahaja-lah anasir² itu masuk kepada mereka itu. Oleh itu rancangan ini hendak-lah di-jalankan dengan tegas dan bukan sahaja di-dalam Negeri Perak, bahkan hendak-lah di-adakan di-tiap² Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dalam hal tanah ini, suka saya membawa sedikit pandangan berkenaan dengan tanah² yang sudah di-kerjakan dan terbiar begitu sahaja. Masaalah-nya tanah² lombong. Saya suka menarek perhatian Menteri Tanah dan Galian, kita tahu negara kita ada-lah terkenal dengan kekayaan bijeh timah, tetapi boleh juga di-katakan kaya dengan tanah² lombong yang tertinggal begitu sahaja, yang mana terbiar begitu sahaja, berlombong di-sana, berlombong di-sini, pendek kata kalau-lah pelanchong tengok lagi dari atas daripada kapal terbang, kalau-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita naik kapal terbang daripada Subang pergi ka-Ipoh Airport, kita nampak dan di-ingatkan dia sudah sampai ka-planet—planet di-angkasa lepas; jadi kita hendak-lah menggunakan akal supaya taukeh² lombong ini jangan sahaja hendak menchari kekayaan, tetapi juga hendak-lah berusaha menimbus segala lombong² planet² dari mana hasil² kekayaan-nya telah di-keluarkan. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap buat masa hadapan ini hendak-lah di-buat syarat supaya sa-lepas sahaja kekayaan tanah ini di-keluarkan hendak-lah di-jamin tanah itu seperti biasa balek rata supaya boleh di-gunakan untuk sesuatu.

Dalam hal pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi sa-patah dua kata—kita sekarang ada keretapi. Kita semua tahu perkhidmatan pengangkutan ini tidak banyak menguntungkan dan juga kita ada kapal terbang dan kapal terbang ini juga saya dan banyak rakan² saya berfikir banyak tidak menguntungkan kepada kita. Sunggoh pun dahulu-nya Malayan Airways, tetapi sekarang sudah dua negara dapat menyebarkan bendera-nya dan faedah-nya lain yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan pekerja² ini, saya membawa

kapada masaalah lain pula, sa-lain daripada ini sa-bagaimana ucapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-malam dalam masaalah memperkatakan hal pekerjaan ini, suka saya membawa kapada pekerjaan masaalah pemuda² atau belia² kita mengalir ka-bandar². Saya suka memberi chontoh di-mana Negeri Perak telah mengestetkan satu skim bagi menyekatkan belia² kita bergerak menuju ka-bandar. Oleh kerana kita banyak lagi tanah² kosong yang belum di-usahakan, maka hendak-lah kita lot²kan tanah kapada belia² kita yang mana laparkan pekerjaan, laparkan menchari kerja untuk berdiri di-atas kaki sendiri, kerana mereka ini sudah besar; chuba kita fikir, kita telah merdeka 10 tahun lebeh, kalau-lah sa-kira dahulu dia berumur 10 tahun sekarang sudah 20 tahun. Jadi, sudah tentu-lah mereka sudah besar, sudah berakal. Jadi, kita allotkan tanah itu, di-beri kerja kapada mereka, buat skim bagaimana chara mereka akan gunakan tanah itu untuk faedah penghidupan; dalam pada itu mereka akan menanam berbagai² jenis tanaman yang mendatangkan faedah dan keperluan seperti ubi kayu, kacang tanah, jagong, tebu, dan lain² jenis tanaman yang boleh mendatangkan mata benda kapada mereka, dan Kerajaan boleh membantu apakala mereka usahakan atas tanah² itu dengan bantuan wang yang berpatutan. Saya berharap dapat-lah tiap² pekerjaan hendak menahan belia² yang kehausan kerja² sendiri buat satu skim yang di-buat daya usaha oleh Negeri Perak, bukan-lah saya hendak membanggakan diri saya, tetapi untuk Kerajaan berikhtiar chari jalan bagaimana boleh menahan belia² kita mengalir ka-bandar dan Perak telah menchari jalan sa-bagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah bandar semenjak kita merdeka telah tumbuh macham chendawan seperti yang di-ramalkan oleh kita dahulu, telah dapat berjalan lebeh daripada apa yang di-sangkalan, tetapi sunggoh pun banyak rumah² yang indah² didirikan seperti di-Ipoh banyak yang

tidak mendatangkan kegunaan kepada masyarakat, bahkan merugikan masyarakat yang telah terkenal dengan kebudayaan seni timor. Bangunan², bandar² yang besar di-Ipoh memang kita puji, bukan sahaja di-Ipoh bahkan di-mana² juga bandar patut-lah kita puji, tetapi apa yang tidak kita puji ia-lah bangunan² yang di-gunakan oleh taukeh² atau lintah² darat bagi menchari wang dengan jalan senang umpama-nya bangunan sa-bagai bar, restoran di-mana kita dapati banyak pelayan² yang berpakaian menjolok mata dengan lampu² yang indah².

Tuan Yang di-Pertua, dengan banyak-nya bar², restoran di-bangunkan, maka sudah tentu-lah banyak pelayan² di-ambil dan dari sana-lah jatuh-nya moral. Jadi saya harap hendak-lah di-sekat sedikit tumbohnya bar², restoran² yang mana kita fikirkan boleh—dan saya ingat apalah salah-nya kita buat satu priority scheme mengubah satu jalan yang baik?

Sa-lain daripada itu saya suka berchakap sedikit dalam masaalah perkhidmatan udara, ini mungkin-lah juga kita tidak akan mendapat kerugian dari segi perkhidmatan-nya kepada negara kita dan ra'ayat. Kita tahu sekarang sahabat perkongsian kita hanya mempunyai satu sahaja lapangan kapal terbang, tetapi kita ada beberapa lapangan terbang di-negara kita. Jadi, banyak-lah keuntungan daripada lapangan² terbang national kita pergi ka-tempat² yang lain. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menaja satu Perkhidmatan Udara National kita ini boleh kita dapat bantuan daripada ra'ayat kita mana² sekarang mendapat peransang atau galakan mencheborkan diri di-dalam lapangan perniagaan, terutama sa-kali dalam lapangan yang boleh di-katakan international. Saya harap sangat² kepada Kerajaan satu Perkhidmatan Udara National ini di-beri priority programme, boleh-kah di-jalankan atau pun tidak—kalau tidak boleh, saya mahu tahu mengapa tidak boleh.

Dalam perusahaan dan perindustrian, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat

kita berasa sungguh bertuah kerana galakan daripada Kerajaan terutama sa-kali bumiputera mencheborkan diri dalam lapangan ini. Semenjak kita merdeka baharu-lah bumiputera ini membuka mata-nya dan dapat Peluang bersama² sahabat-nya berchampor-gaul. Saperti juga di-dalam Parlimen ini daripada semua keturunan sa-telah ada-nya galakan dan perangsang, maka banyak dan ramai bumiputera telah memasoki lapangan ini. Apa yang termushkil di-hati saya dan di-harap sa-telah ada perangsang dan galakan ini maseh juga ada 10 peratus sahaja yang boleh di-beli oleh bumiputera; ini hendak-lah pehak Kerajaan menchari daya usaha bagaimana-kah bumiputera ini dapat memajukan dalam hal yang saya sebutkan itu, ia-itu hak² istimewa bumiputera. Saya fikir elok di-anjak sedikit menjadi 25 peratus di-untukkan kepada bumiputera ia-itu mengikut perkembangan. Dahulu boleh-lah 10 peratus, tetapi sekarang 10 peratus itu sudah tidak memadai, kerana banyak bumiputera yang chenderong dalam lapangan ini dan sedar dalam penghidupan-nya sa-hari² mengiktiraf dan meninggikan penghidupan mereka itu. Jadi saya harap apa-lah salah-nya di-naikkan daripada 10 peratus itu dan tidak-lah sa-bagini sahaja sa-lama²-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan saya, suka-lah saya mengambil peluang sedikit berhubung dengan soal yang saya sebutkan yang mana bumiputera² hendak mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan saperti mana kata Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi dan ada membuat tuduhan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga pada masa dahulu saya maseh ingat Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan Perdana Menteri kita sa-bagaimana haiwan², lembu dan sa-bagai-nya. Ini tidak patut-lah dalam Majlis yang sa-bagini mulia dan dihormati khas-nya oleh ra'ayat dalam negeri ini dan ra'ayat di-luar mengeluarkan kata² yang boleh merendahkan pemimpin yang telah membuat jasa kepada negara kita.

Mudah²an dengan ranchangan pembangunan yang di-buat ini kita bersama² berdo'a, memandang ra'ayat bagi masa yang akan datang akan menjadi chemerlang dan kebaikan kapada mereka itu. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 6.15 malam.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 6.30 malam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di sambong sa-mula.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Ulu): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kaseh di-atas keizinan Tuan memberi saya berchakap tentang Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1968 ini. Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1968 pada asasnya saya menyokong, tetapi pada detail-nya tidak-lah saya bersetuju kerana beberapa sebab yang akan saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong pendapat sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh apabila beliau menyentoh bahawa pembenaan pembangunan jangan-lah berbau politik, kerana jikalau pembangunan berbau politik, maka pehak yang akan menderita ia-lah ra'ayat, tidak kira sama ada mereka menyokong Perikatan atau pun sa-balek-nya. Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya yang tidak mahir di-dalam politik saperti Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sana, peruntokan pembangunan dan taboran pembangunan mesti-lah mengatasi politik dalam perhitongan jangka pendek saperti apa yang telah di-amalkan oleh Kerajaan Perikatan di-masa² yang lepas, kerana amalan saperti ini akan menerajang balek kapada pehak yang mengatorkan-nya di-dalam jangka panjang, dan di-dalam analisa yang terakhir ra'ayat juga yang akan menderita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh sadikit tentang peruntokan kapada Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Mengikut peruntokan kapada Kementerian Penerangan dan Penyiaran, peruntokan itu telah di-buat ka-atas pengeluaran filem pembangunan, unit² berkereta dan studio² Filem Negara di-Kuala Lumpur. Mengikut pandangan saya ka-atas kerja² Filem Negara yang telah sudah² Filem Negara dari segi pengeluaran memang-lah tidak patut lagi di-beri peruntokan, kerana Filem Negara sekarang merupakan satu liability kapada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Dewan ini telah ma'alum pada satu masa yang lepas Filem Negara pernah di-jadikan soal perbahathan yang hangat di-dalam Dewan yang mulia ini kerana kegagalan-nya mengeluarkan filem Sokan S.E.A.P. yang berlalu di-Bangkok pada tahun 1965. Hari ini sa-lepas Sokan S.E.A.P. tahun 1967 telah berlalu filem untuk Sokan tahun 1965 maseh lagi belum di-keluarkan. Ini-kah yang di-namakan kebolehan dan kejayaan Filem Negara yang di-agong²kan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran di-dalam masa beliau menggulongkan ucapan beliau sa-masa mengemukakan perbelanjaan Kementerian-nya bagi tahun ini. Filem Negara juga telah gagal mengeluarkan beberapa buah filem lagi yang sa-patut-nya di-keluarkan pada bulan dahulu. Menteri Penerangan sendiri ada-lah terlebih ma'alum tentang hal ini. Berkait dengan pengeluaran filem² pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ra'ayat jelata akan lebeh mendapat faedah jika Kementerian dapat mengadakan filem² yang dapat mengajar orang² kampong chara² dan teknik² moden yang di-gunakan untuk meninggalkan daya pengeluaran pertanian petani² dan juga penangkap² ikan kita. Sa-lain daripada itu, ra'ayat juga akan mendapat faedah jika filem² saperti ini di-adakan untuk menambah taraf kesihatan luar bandar, ra'ayat luar bandar dengan chara mengajar, membena membuat tandas, telaga² sa-chara moden tetapi dengan memakan perbelanjaan yang kechil. Pada pengalaman saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua,

sa-hingga hari ini apa yang di-tayangkan oleh yunit² berkereta ada-lah filem² yang telah lapok saperti lawatan² yang di-buat oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita ka-luar negeri dan lain² lagi, tetapi filem² yang sangat² mustahak di-tayangkan kapada ra'ayat yang luar bandar ia-itu menghadapi conflict yang di-bawa oleh pembangunan tidak pula di-tayangkan. Saya berharap-lah kapada Menteri yang berkenaan akan dapat memahami tugas² penerangan dan chabaran 'am dalam sa-sabuah negara yang sedang membangun, kerana hanya dengan memahami tugas² ini baharu-lah beliau dapat mengambil peranan yang positive di-dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyentuh tentang Kementerian Pertahanan. Dengan pengundoran Tentera² British dari dunia sa-belah sini pertahanan negara kita akan terserah kapada Angkatan Bersenjata kita sendiri, dengan demikian nyata-lah bahawa peranan yang akan dimainkan oleh mereka berlipat kali ganda, terutama sa-kali untok menentang anchaman² sabversif dari luar dan dari dalam negeri. Tetapi memandangkan kapada kemelesetan ekonomi yang sedang di-alami oleh Malaysia pada hari ini sa-lain dari keutamaan yang di-beri kapada pembangunan, maka Angkatan Tentera kita tidak-lah akan dapat menerima peruntukan yang besar. Dan mengikut pengumuman yang di-buat oleh Menteri Pertahanan pula kita tidak akan mementingkan kapada kelengkapan moden (sophisticated weapon) saperti mana yang di-buat oleh Singapura, kerana Malaysia mempunyai harapan penoh kapada kejayaan rangka pertahanan-nya; memang-lah menakjubkan saya, Tuan Yang di-Pertua, mendengar pengumuman yang di-buat oleh Menteri Pertahanan itu. Kapada saya beliau ada-lah sa-mata² berharap bahawa rangka pertahanan yang akan di-kemukakan oleh Malaysia itu akan berjaya. Saya bimbang kerana mengikut sejarah peperangan dunia yang lepas telah beberapa banyak perjanjian² tidak mencherobohi telah di-noda² oleh negara² yang berkuasa. Ada-kah Menteri Pertahanan berpendapat

bahawa sejarah tidak akan berulang jika perjanjian tidak mencheroboh itu di-pelupori oleh Malaysia. Boleh-kah Menteri Pertahanan memberi jaminan bahawa peristiwa Israel/Masir tidak akan berlaku di-kawasan ini? Dan jika Menteri itu berfikir bahawa jika ada pencherobohan dari luar berlaku ka-tas Malaysia bahawa pencherobohan itu akan menjadi conflict dunia, maka saya suka-lah mengatakan bahawa fikiran beliau itu ada-lah salah sa-mata², kerana apa yang kita saksikan di-Timor Tengah baharu² ini menunjukkan fikiran saperti itu tidak berlaku. Dengan demikian saya suka mengshorkan kapada Kerajaan kita supaya menggunakan kelengkapan² yang moden saperti peluru² berpandu, kapal² terbang yang handal dan yang lain² lagi, sa-tanding jika tidak lebeh daripada jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka shorkan kapada Kerajaan supaya membeli kapal² terbang M.I.Gs. yang lebeh handal lagi daripada kapal² terbang lightning dari Russia serta peluru² berpandu dari Amerika. Biar-lah kita mempunyai jumlah Angkatan Tentera Berjalan Kaki yang sadikit asalkan Angkatan Tentera Udara kita moden dan lengkap. Kita mesti sentiasa beringat bahawa dunia hari ini tidak-lah kurang dengan pemimpin² yang liar dan jahat dan mabok dengan kuasa. Jadi kita mesti-lah berjaga² sa-belum kita di-ancham. Kemenangan sa-suatu peperangan di-dunia ini ada-lah bergantung kapada kecekapan Tentera Udara-nya maka dengan itu nyata-lah bagaimana penting-nya, Tuan Yang di-Pertua, Tentera Udara kita di-permodenkan. Sementara itu pula Tentera Berjalan Kaki kita mesti-lah di-latehkan dengan sa-chukup-nya di-dalam guerilla tactic dan jungle warfare dengan memberi sa-chukup latehan maka dapat-lah tentera² kita menentang musuh² yang akan chuba mencherobohi negara kita. Memandangkan kapada keadaan dunia terutama sa-kali di-Vietnam pada masa sekarang kita mesti-lah beringat, kerana Vietnam tidak berapa jauh daripada negeri kita. Jika sa-kira-nya pengaruh mereka, pengaruh komunis terus merebak dan Vietnam jatuh ka-tangan mereka, maka

keselamatan negeri kita neschaya akan terancham.

Kapada saya, Tuan Yang di-Pertua, quantity di-dalam tentera, kita tidak kira Tentera Udara, Tentera Berjalan Kaki atau pun Tentera Laut tidak lagi perlu, tetapi apa yang perlu ia-lah quality dan kemodenan.

Menyentuh fasal latehan, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kapada Kementerian Pertahanan akan memberi sa-berapa banyak latehan dan kelengkapan² supaya dapat tentera² kita membuat latehan yang betul, kerana pada pendapat saya tiap² kali tentera² kita hendak buat training kadang² kita tidak menchukupi berbagai alatan. Saya suka beri chontoh satu daripada alatannya ia-lah poncho. Poncho yang mustahak di-adakan oleh tentera² kita untuk membuat kemah dan sa-bagai-nya tidak menchukupi. Kebanyakan poncho² burok yang di-pakai untuk buat training. Saya suka juga dan berharap kapada Menteri yang berkenaan akan dapat menaikkan pangkat² pegawai yang berkebolehan dan bukan berdasar kapada mereka yang telah lama menjadi tentera atau pun daripada conflict² P.J.K.

Saya maseh teringat lagi, Tuan Yang di-Pertua, di-sini sa-belum saya memanjangkan, saya suka memberi tahu Tuan Yang di-Pertua bukan-lah niat saya untuk mengambil kesempatan keistimewaan sa-bagai Ahli Dewan untuk menyentoh kebolehan sa-saorang Pegawai Tinggi Tentera kita, jikalau perkara itu terkeluar itu chuma kebetulan sahaja. Maksud saya yang saya suka bercherita di-sini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana keharuman nama tentera kita telah di-noda² oleh sa-orang Pegawai Tinggi kita yang telah pergi menghadziri exercise di-seberang laut. Rasa saya yang di-hadziri oleh Pegawai² Tinggi daripada beberapa buah negara Commonwealth yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan semalam yang berlaku pada dua kali sa-tahun. Tiap² peserta ada-lah berlumba² dan berebut² untuk memberi pendapat mereka serta pandangan mereka terhadap beberapa soal strategy di-dalam tentera, tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua,

peserta dari Malaysia yang konon-nya menjadi brain atau otak tentera kita itu telah menchari jalan yang senang untuk memberi pandangan beliau kapada rakan² beliau yang menghadziri exercise itu. Jalan yang mudah dan senang ia-lah sa-chara mendiamkan diri dan menggigit kuku-nya. Mungkin pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, pegawai itu tidak memahami langsung apa yang di-persoalkan di-dalam exercise itu. Kehadziran beliau ia-lah boleh di-anggapkan sa-bagai lamp post.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pegawai itu Pegawai Angkatan Bersenjata, itu tidak boleh di-sentoh, sebab dia tidak dapat menjawab.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Minta ma'af, saya sudah berchakap tadi, saya bukan-lah hendak menyentoh, Tuan Yang di-Pertua, chuma kebetulan.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tidak ada dalam anggaran perbelanjaan ini.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Lepas itu, saya suka juga menyentoh tentang Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa menafikan bahawa peruntokan kapada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini tidak menasabah dan tujuan Kerajaan untuk terus memberi keutamaan kapada pembangunan ka-arrah ini mesti-lah di-beri pujian, tetapi saya rasa peruntokan ka-arrah ini tidak menchukupi. Saya rasa Kerajaan perlu menambahkan lagi peruntokan pembangunan luar bandar ini, kerana pembangunan luar bandar ini penting di-dalam negara kita hari ini.

Sa-bagaimana kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa gaong atau pun gap ra'ayat yang berada dengan ra'ayat yang tidak berada ada-lah maseh luas lagi. Dengan gap atau pun gaong yang luas ini ada-lah merupakan satu chabaran yang terbesar sa-kali yang di-hadapi oleh negara kita hari ini. Sa-lain daripada itu gap ini juga atau pun gaong ini juga merupakan bahaya yang besar yang akan mengancham negara kita kelak.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk² kita juga bertambah dengan lebih cepat dari apa yang di-jangkakan dan tiga per empat daripada orang² yang tidak berada itu ada-lah kebetulan-nya terdiri daripada bumiputra yang mempunyai taraf hidup yang malu hendak di-kaji jika di-bandingkan dengan kemajuan² yang di-dapati di-kawasan bandar di-negeri ini. Kedudukan ini memang-lah buruk, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sabalek keburokan ini, kedudukan ini pada hakikat-nya ada-lah sangat merbahaya dan membimbangkan apa-tah lagi dengan tambahan penduduk luar bandar yang cepat itu. Mereka itu akan terus menerus menderita dengan taraf hidup yang rendah dan jika keadaan ini di-panjangkan oleh Kerajaan dengan tidak sa-chara langsung maka akibat-nya ada-lah lebih merbahaya lagi daripada jenis² bom yang merbahaya yang kita bimbangkan. Anchaman dari ada-nya gaong atau pun gap ini tidak-lah nyata sekarang ini, tetapi anchaman pada masa yang akan datang ada-lah merbahaya dan membimbangkan melainkan langkah² tegas dan positive di-lakukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, gap atau pun gaong ini ada-lah menjadi tanggung-jawab moral kepada orang² yang berada untuk mereka membetulkan bukan sahaja geong ini menjadi tanggung-jawab moral mereka, tetapi juga ada-lah untuk kepentingan mereka dan keturunan mereka. Pada fikiran saya satu-nya anchaman kepada keamanan kesetebelan (stable) negara kita hari ini ia-lah perbezaan di-antara orang² yang berada dengan orang² yang tidak berada yang sentiasa berkembang di-negeri kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli² Yang Berhormat semua akan berpendapat seperti saya bahawa demokrasi dan kebebasan negara ini tidak akan terjamin jika kita tidak berjaya melaksanakan masalah perbezaan di-antara ra'ayat yang berada dengan ra'ayat yang tidak berada. Kita tidak boleh makan kemerdekaan kita. Kita tidak boleh menjadikan kemerdekaan kain baju kita, begitu juga kita tidak boleh menjadikan kemerdekaan rumah-tangga kita. Ra'ayat yang tidak berada mesti-lah di-beri jaminan masa

hadapan mereka dan lepaskan mereka dari belenggu kemiskinan kerana hanya melalui jalan ini mereka akan dapat memikul tanggung-jawab² mereka sebagai sa-orang warganegara di-dalam negeri yang demokrasi. Terima kasih.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak):
Mr Speaker, Sir, as a Member from Sarawak myself in this House, I should say something in this debate on the Development Estimates, 1968, regarding Agriculture, Telecommunications, Royal Customs and Excise, Judicial and Education, as otherwise I may not be called a representative in this House. I hope any criticisms put forward would be intelligent ones and ones that will be for the benefit of the country as a whole.

Sir, first I speak on Agriculture. I think the Government will find that the greatest stability of our economy and our society could be best achieved by concentrating on rice production and other subsidiary food crops. If the world is threatened with a population explosion, food, particularly rice, the staple food of a large part of Asia, will be in short supply. We cannot go wrong if we concentrate on rice production. Our country may not become wealthy growing rice but we will have a well-fed and contented people at least. Sir, I wonder whether it would not be expedient to increase the subsidies and credit facilities to improve the lot of rice farmers and improve their present holdings. To alleviate the rice shortage caused by pest, I think provision should be made to assist hill padi farmers with more fertilizers to have increased padi yield. I strongly suggest that the Government should give serious consideration to what I have said and in this respect, Sir, they should also see a way to assist in the rehabilitation of pig breeders who have been hit by the recent swine fever in Sarawak.

Sir, the development here seems to have bypassed a certain community, particularly the Melanau people, with regard to sago planting. One can see that there is no provision in these Estimates for a sago planting scheme. If the Government thinks properly, sago is the sole means of livelihood of the

Melanau people as food as well as cash crop—not only for the Melanau people, but also for the ulu Iban people, who are now buying sago as their food due to shortage of rice. Sago is a long-term wealth, as I have said before, for the nation and it ought not to be ignored. I would point out, Sir, that most of the concave tidal swamp areas between the coasts and the shallower up-river swamps in Sarawak are of little use for any crops but suitable for sago planting. Therefore, I would like to recommend this area for a sago planting scheme, to which I hope the Government will give its fullest consideration.

Now I come to Telecommunications. Sarawak must take the prize for the worst telephone service in Malaysia. Whilst the town services are satisfactory and good, the inter-district and inter-division services are hopeless. At most times when one wants to phone the telephone subscribers in other districts or other divisions in Sarawak, it is either out of order or one has to shout to make oneself heard. Sir, if one is hard on hearing then it is a real torture. We are not on the SEACOMS like Sabah. I understand the Government is investigating into the scatter system. I hope that this installation will be done as soon as possible, so that one can telephone all parts of Malaysia and speak with ease. Sir, the importance of our telephone system should be one of our top priorities.

Now, I come to Royal Customs and Excise. If one had listened carefully to the Budget speech made by the Minister of Finance on 18th January, 1968, the main concentration was on cars and on harmonisation of the import duties, with particular emphasis on the protection of West Malaysia's industries. Sir, in the exercise of the harmonisation of taxes, some States will have to make sacrifices, and in this context East Malaysian States, which hitherto have been enjoying a lower level of import duties on certain commodities, will have to adjust themselves to harmonise with the duties of West Malaysia. I regret to say, Sir, that if it is the intention of the Government to introduce legislation to bring the rates of tariffs in Sarawak immediately into line with

West Malaysia, we in Sarawak must view the proposed action with considerable concern, because although it is desirable in the interest of uniformity that the duty rates should be common in the West and East Malaysian States, Sir, the conditions in Sarawak seem to warrant different treatment. In Sarawak, Sir, the cost of living is horribly high and the consequences of any increase in the rates of tariff must mean a further increase in the cost of living there. So, while I agree that there should be uniformity of tariffs, I hope the Government will see to it to introduce changes of taxes as slowly as possible, having regard to the circumstances and difficulties of the people in certain places in Sarawak.

Sir, I wish to speak now on Courts—Judicial. Sir, with regard to the Courts in Sarawak, there have been improvements to some court building, but there are a large number of courts which still almost look like cattle-sheds with half-broken chairs which are almost on the point of collapse. There are also numerous deteriorating buildings which are not properly maintained. I would like to urge the Government to consider erecting proper courts and providing better furniture and facilities.

Education—It has been said that Sarawak, after becoming a part of Malaysia, has greatly benefited in all aspects, as the Minister of Finance has said in his Budget Speech. May I ask how far it is true? As far as education is concerned, Sarawak is not treated fairly or equally by the Government.

Sir, the comprehensive school system of education had been introduced in West Malaysia in 1965 after the announcement of the King in 1964, but this system has not been extended to Sarawak even this year. I think there may be disagreement over the two education policies; these are the West Malaysia Education Policy and the Sarawak Education Policy. But, Sir, we must remember that the Sarawak Education Policy is stipulated in the Inter-Governmental Committee Report which has to be maintained for a period of ten years—until the Sarawak Council Negri decides otherwise. Sir,

the question of implementation of the comprehensive school system of education in Sarawak and the adoption of the Education Policy should not be mixed up together to puzzle the public, because these two policies should be maintained separately, as Sarawak's independence within Malaysia is just only four years and not ten years yet as stated in the provisions of the London Agreement. As I have said before, this is to ensure that no drastic changes are made in respect of the medium of instruction in Sarawak schools and the representatives of the Malayan Government had readily agreed, because they knew it took Malaya ten years to make the necessary changes to switch from English to Malay.

Sir, on the Government's financing of education in Sarawak, during the Budget Estimates meeting of my District Council in October last year, it was understood that the Government's grant to all Local Council primary school development projects had been cut by 30 per cent. This of course, will affect the primary education greatly in Sarawak and the expansion programme of building more primary schools for the needs of the children there. If Sarawak is regarded as having the same status as the other States in Malaysia, why should it be deprived of what the other States enjoy? Therefore, Sir, I urge the Government to treat Sarawak fairly and equally—the same way as the other States. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan D. A. Dago anak Randan (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I would like to welcome the Honourable Minister of National and Rural Development's speech delivered in this Honourable House yesterday afternoon.

Mr Speaker, Sir, now there is no doubt that the people in Sarawak feel a little bit fresh and happy after the Indonesian confrontation has come to an end, especially those living along the Sarawak/Indonesian border who had suffered badly during the last few years. Several lives of the civilians have gone and their farms damaged. These people were often asked to stay indoors

for weeks because of the curfews being enforced for security reasons. Now, there are quite a number of villagers still suffering from internal troubles and find it difficult to earn their living. Mr Speaker, Sir, it is of paramount importance that the lives of the people in the country, especially in the rural areas, should be well and continuously protected and all sorts of help and assistance should be given to them as top priority.

Mr Speaker, Sir, the Security Forces and the Border Scouts have done, and are still doing, a very good job in protecting the lives of the people, especially of those who are living in the rural areas. The people strongly feel that the Border Scouts are still useful in assisting our Security Forces for many years to come as they are local people who know very well their own areas. So, I sincerely appeal to the Government that their jobs should be continued for many years to come.

Mr Speaker, Sir, it is very encouraging to note that the provision allocated to Rubber Planting Schemes for 1968 amounts to \$9,833,500 for the State of Sarawak. It shows that the Alliance Government does not lose hope although the price of rubber has dropped considerably. Mr Speaker, Sir, there are thousands of acres under the rubber replanting schemes which have remained untapped because the price of rubber has declined. Rubber tappers prefer to go around to look for other jobs. Therefore, Mr Speaker, Sir, I appeal to the Government to do everything possible in order to increase the price of rubber.

Mr Speaker, Sir, on assistance to padi planters, it is indeed heartening to see in the Draft Development Estimates for 1968, a provision amounting to \$712,500 for assistance to padi planters. Since rice is the chief food of the people in this part of the world, so it is wise and fair for the Government to do everything possible to encourage, help and assist our padi farmers by improving their existing padi land as soon as possible. If this can be done, Mr Speaker, Sir, I am confident that

there will be no shortage of rice in the near future.

Mr Speaker, Sir, on Education Allowances for Mission Aided school teachers, I did raise this matter at the Committee stage on the Ordinary Estimates for 1968, on Monday, 12th February, 1968—that I would like to know whether the teachers teaching in Mission Aided schools are eligible for the education allowances; and I did ask further, if not, why? Mr Speaker, Sir, I very much regretted that the Assistant Minister concerned did not reply. Mr Speaker, Sir, I would like to make it clear in this very Honourable House that many of these teachers teaching in the Mission Aided schools had undergone training and attended courses in colleges for some years with their fellow-teachers teaching in Government and District Council schools. Their services are also for the good of the people and country as a whole. I, therefore, Mr Speaker, Sir, sincerely appeal to the Government to give a fair deal or treatment to them. In other words, there should be no distinction whatsoever.

Mr Speaker, Sir rural electrification: I regret to note that there is no provision provided under this Head for the year 1968. I suggest to the Minister concerned to review the matter seriously. It is our main aim to make the rural areas pleasant places to live in. Therefore, I consider that it is high time now for the Government to extend rural electrification to the people living in the rural areas.

Mr Speaker, Sir, on development funds, I would urge the Government to send such funds as early as possible to Sarawak each year so that the various development projects can be carried out more smoothly and accordingly.

Mr Speaker, Sir, Radio: I also would like to appeal to the Government to do everything possible to improve the Land Dayak Section of Radio Malaysia Sarawak, as at the present time the reception is very poor. The sound system is being disturbed by other stations.

Mr Speaker, Sir, on the General Election in Sarawak, I do not understand why the Honourable Member from Sarawak, Mr Edmund Langgu keeps on insisting for an early election in Sarawak early this year. Mr Speaker, Sir, I would like to make it clear in this Honourable House that when Dato' Stephen Kalong Ningkan was Chief Minister of Sarawak as well as Chairman of SNAP, he officially announced in the Council Negri, Sarawak Legislative Council, that the General Election would be held late in 1969 at the earliest. Now, why the Honourable Member, who represents SNAP, insists in having an election early this year? Is it because Dato' Stephen Kalong Ningkan is no more the Chief Minister? If this is the case, it is very unfair. It shows clearly that it is only for one person's interest, but not for the interest of the people and the country. I am fed up of hearing him keeping on asking for an early general election in Sarawak. I would advice him not to talk on this subject in this Honourable House anymore.

Mr Speaker, Sir, we are very lucky to have the Honourable Tun Abdul Razak as the National and Rural Development Minister. He is really full of zeal and enthusiasm. He has done a lot of good work, is still doing and will be doing the same for many years to come, and he is a credit to the people and the nation as a whole. Mr Speaker, Sir, may I offer my heartiest congratulation to the Honourable Minister for National and Rural Development for his courage and determination in presenting these Development Estimates for 1968. Mr Speaker, Sir, the Alliance Government has done, is still doing, and will be doing a very good job for the wellbeing of the people and country as a whole.

Mr Speaker, Sir, we have full faith and confidence in the Alliance Government under the leadership of the Honourable Prime Minister and the Honourable Deputy Prime Minister. The people and country owe them a deep debt of gratitude and appreciation for the valuable services they have done in making Malaysia the success and

what it is today. I give my fullest support to the proposals. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in supporting the provision of \$887.89 million for the Development Estimates for 1968, I would like to congratulate the Honourable Minister for the dynamic progress we have made in all fields of endeavour with particular emphasis on rural development during the last decade. Our country has won high praise from all foreign dignitaries who have visited our country, and we are indeed proud that many countries are, not only taken up with our National Operations Room but are emulating our work. Internally, we are proud that millions of our people in rural areas are already feeling and relishing the benefits of these developments that have been planned so wisely for them.

Sir, with all the improvement we see around us, it is sad indeed to see that the only shipbuilding yard we have in our country known as the Sharikat Kris Perkapalan, or the Sungei Nyor Dockyard, in Butterworth, is closing down. I am informed that this company is being sold and the new company intends to convert this area for the manufacture of steel pipes instead of continuing the business of shipbuilding. Sir, it is indeed ironical that our country spends annually some millions of dollars ordering our ships, launches, tugs and lighters from Singapore and Hongkong, yet this country is without a shipbuilding yard of its own. I am told Sir, that even the Ministry of Defence had placed orders for several launches for the Royal Marines with Singapore, and I feel, Sir, that it is high time that the Government should consider establishing a proper shipbuilding yard to save our country of much money going abroad and to give employment and training to our young people. After all, Sir, the Government will be launching a shipping service with the two ships given by the Japanese Government soon and it would be timely now for our Government to

consider establishing a shipbuilding yard of some size, so that we could repair and make ships of fairly large size in our own country. Singapore, Sir, have several shipbuilding yards, and surely our Government is not lacking in energy and foresight to sit tight and concede all shipping business to Singapore; or is it because we love Singapore so much that we do not wish to tread on their toes?

I am told, Sir, that many entrepreneurs from foreign countries were prepared to establish shipping companies in our country but sad enough, Sir, no encouragement as well as assistance was given them to make it worthwhile for them to launch such a company. If the Government does not intend to establish a shipbuilding yard of its own, I hope the Government would give all encouragement and assistance to foreign entrepreneurs who are prepared to launch such a company in our country.

Sir, the Honourable Member for Tanjong has just this morning said that in keeping with the present international shipping demands the Penang Port Commission has converted two of its five deep-sea wharves into containerisation berths. For this, Sir, credit must go to the Penang Port Commission for making the decision in time to implement this change without much additional expenditure, thereby making Penang one of the most up-to-date ports in South East Asia. Not only this, Sir, the Penang Port Commission has also provided for making further changes for the remaining conventional berths to containerisation wharves if there should be a demand at a later stage. I can assure the Honourable Member for Tanjong that there is no fear of under-handling of goods even if the cargo for and from Penang should increase more than 23 times than its present tonnage.

Sir, undoubtedly the East-West highway would be an added boon to the Penang Port Commission if it were implemented early, and I must take this opportunity to refute certain charges made by the Chief Minister.

Penang, that the Penang Port Commission does not favour the East-West highway road coming to Penang via Bukit Mertajam and Kulim. I must here say, Sir, that contrary to what the Chief Minister of Penang said, the Penang Port Commission has all along been hoping that this road would be constructed early, so that the export of goods from the East Coast would be handled in Penang. As it is, most of the exports from Kelantan goes to Singapore via Kuantan and Mersing. It is our hope, Sir, that the Government would give first priority this year to the construction of the East-West highway via Bukit Mertajam and Kulim. Thank you.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang berucap dalam Anggaran Pembangunan tahun 1968 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di-sini saya dapat menegaskan peruntukan yang berani yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri untuk pembangunan negara dan ra'ayat dalam negeri ini, menasabah dengan kata² yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan menyatakan, mahu senjata atau beras. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah membawakan sedikit pandangan. Kita semua tahu Malaysia ia-lah sa-buah negara pertanian di-mana kaum tani-nya, ia-itu pesawah² hendak-lah di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan supaya menguntokkan wang yang banyak bagi memberi pertolongan kepada kaum² tani, bukan hanya untuk membantu kepada baja², benih² padi sahaja bahkan bantuan ini juga mesti di-bayar kembali, tetapi, Kerajaan hendak-lah ambil tahu dan menolong dengan tegas kepada nasib kaum² tani yang sentiasa di-tekan, di-tindas, di-perah oleh orang² tengah, sa-olah²-nya kaum² tani dalam negeri ini hidup hanya menjadi alat sa-golongan manusia yang bergelar lintah darat. Maksud saya ia-lah Kerajaan hendak-lah memimpin kaum tani menjalankan pemasaran sendiri oleh kaum tani dengan mengadakan kilang² padi yang lebih banyak untuk mengilang padi di-jadikan beras bagi

di-jual pada Kerajaan atau lain². Kerajaan juga hendak-lah mengadakan peruntukan Tabong Wang yang besar bagi memberi perlindungan kepada kaum tani daripada terikat dengan orang² tengah dan menukar chara² bekerja yang lambat masa turun kasawah kepada bekerja yang lebih chepat dengan menggunakan alat²an yang moden, ia-itu dengan menggunakan jentera.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak menafikan pertolongan Kerajaan kepada kaum² tani dalam negeri ini dengan melalui Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi apa yang saya mahu pertolongan yang lebih hendak-lah di-utamakan kepada kaum² tani.

Dato' Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi satu² bangsa ia-lah atas unsur² kewangan, ia-itu ada mempunyai Tabong Wang. Kita tahu dalam negeri kita ini ada beberapa banyak bank seperti Indian Bank, China Bank, American Bank dan banyak bangsa² bank dalam negeri ini, tetapi bagi pehak bumiputra tidak ada satu langsung mempunyai bank dalam negeri ini yang menjadi Tabong Wang terutama sa-kali untuk hendak memberi pertolongan dan perlindungan kepada kaum² tani dalam negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya meminta pada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara supaya dapat memberi sokongan di-atas kaum tani, pendudok² luar bandar yang telah berjaya menubuhkan sa-buah Bank Kerjasama di-dalam negeri ini. Masa ini belum dapat menjalankan perusahaan seperti bank² biasa dalam tanah ayer kita, kerana kekurangan modal. Mengapa-kah Kerajaan tidak hendak mempertaruhkan atau pun meminjam modal bagi bank itu supaya dia dapat menjalankan perusahaan seperti bank² biasa? Dengan ini saya rasa dapat memberi pertolongan yang segera kepada kaum tani. Dengan itu saya berseru kepada Kerajaan supaya melaksanakan segera chita² kaum² tani ini seperti yang di-tolong oleh Kerajaan kepada Sharikat² Kerjasama, modal yang lebih besar untuk membeli estate² dan lain² lagi.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak hairan Parti² Pembangkang akan terus membangkang pada mereka yang berjuang untuk bumiputera dan dalam Dewan ini pernah pehak Pembangkang merupakan berjuang tidak ada mempunyai perkauman, tetapi kita tahu Parti Pembangkang ada-lah melaongkan perkauman-nya yang sangat tebal di-luar Dewan ini, bukan sahaja perkauman, tetapi dengan menghasut orang² bukan Melayu supaya benchi, mengutok kepada bumiputera, tetapi kita berterang² dalam Dewan ini supaya Kerajaan dapat menjadi tegoh dan selamat kalau bangsa² dalam negeri ini tidak ada mempunyai taraf yang miskin dan tidak ada mempunyai taraf yang lebih kaya.

Dato' Yang di-Pertua, bagi pehak Kerajaan kita tahu telah berusaha sungguh² bagi hendak memberi pertolongan kepada kaum tani, umpamanya, Kerajaan telah pun mengadakan FAMA. FAMA telah di-lahirkan untuk memasarkan hasil tanaman padi bagi kaum² tani. Saya bukan sa-orang pegawai FAMA, tetapi apa yang saya pandang dan saya dengar dengan perasaan perkauman yang tebal dari sa-tengah² ra'ayat dalam negeri ini juga mereka yang bertanggung-jawab dalam negeri ini dengan sa-chara tidak langsung menekan perjalanan FAMA dengan memomok²kan FAMA ada-lah badan perkauman. Saya suka memberi semangat dan perangsang kepada pegawai² FAMA yang bertanggung-jawab supaya meneruskan perjuangan untuk menyelamatkan kaum tani di-dalam negeri ini.

Terlanjur saya menyentuh FAMA, saya berharap FAMA hendak-lah meluaskan perjalanan-nya bukan sahaja di-sabelah utara, tetapi juga di-sabelah selatan seperti di-Melaka hendak-lah di-jadikan kawasan FAMA. Kiranya FAMA lewat menjadikan Melaka kawasan FAMA, saya tidak ragu² lagi berkata di-sini sharikat² kilang padi kaum tani di-dalam negeri itu akan mati, dengan sebab mati-nya kelak, hutang² kepada Kerajaan tidak akan terbayar, kerana kilang² padi haram sangat menjadi².

Dato' Yang di-Pertua, FAMA juga pada pendapat saya hendak-lah di-beri kuasa memasarkan pasaran getah bagi pekebun² kecil di-luar bandar. Pekebun² kecil tidak kurang ramai-nya di-dalam negeri ini. Tekanan orang tengah kepada pasaran getah kepada penduduk² di-luar bandar tidak kurang juga dahshat-nya, padahal mata pencharian penduduk di-luar bandar tergantong di-atas dua perkara ini, ia-itu sawah padi dan getah. Saya bersetuju dengan ranchangan yang telah di-jalankan oleh Kementerian ini hendak menggalakkan, hendak membanyakkan ranchangan membeku getah berkumpul, guna-nya supaya dapat kita luaskan diseluruh tanah ayer kita, tetapi kepada pekebun² kecil berjaya membuat getah² keping lebih baik yang tidak juga mendapat kesan yang baik pada nilai-nya sa-lagi pemasaran getah mereka tidak di-jaga, tidak di-pimpin supaya di-pasarkan untuk mendapat harga yang baik. Oleh itu FAMA hendak-lah di-beri peruntukan yang besar bagi menyelamatkan kaum tani ya'ani pesawah² padi dan pekebun² kecil ya'ani kebun getah dalam negeri ini daripada di-chengkam dan di-tindas oleh orang² tengah yang tidak mengenai penderitaan kaum tani dalam negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, penganggoran sudah menjadi satu masalah besar di-dalam negeri kita. Belia² makin bertambah dari samasa ka-samasa, pemuda² luar bandar berjadi² datang ka-bandar hendak menchari pekerjaan. Jalan² telah di-chari menchehah penganggoran ini, tetapi belum begitu berkesan untuk menyelaraskan seruan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada belia² supaya mengambil bahagian dalam pertanian. Di-sini saya chadangkan Kerajaan hendak-lah membuat satu undang² baharu yang di-namakan Undang² Kerahan Tenaga kepada Belia² yang sedang menganggor yang kita tahu ramai bilangan-nya mengikut perkiraan di-tempat pendaftaran di-Pejabat Buroh bagi menchari kerja. Kerahan Tenaga saya kehendaki ia-lah konfrantasi kemiskinan, ia-itu Kementerian Pembangunan Negara hendak-lah mengutokkan satu kawasan tanah

saperti ranchangan tanah Jengka di-Pahang. Kawasan itu kita boleh dapat di-negeri Pahang atau di-negeri Johor menguntukkan kawasan bagi belia yang akan di-masokkan ka-dalam Kerahan Tenaga konfrantasi kemiskinan itu.

Dato' Yang di-Pertua, chadangan saya ini tentu-lah memakan belanja yang terlalu banyak dan memakan masa, tetapi ini-lah satu perjuangan baharu yang patut Kerajaan dan Parti Perikatan akan memperjuangkan sabagai menjadi satu daripada manifesto kita. Kita telah ada Angkatan Pelupor Negara, yang sedang melateh belia² di-dalam negeri ini. Di-harapkan tenaga belia ini juga akan berguna kapada ranchangan yang saya chadangkan ini. Sekolah² Pertanian telah kita lancharkan dalam negeri kita ini. Belia² yang keluar dari sekolah tersebut juga akan menjadi pelupor kapada ranchangan ini. Pendek kata masaalah penganggoran akan dapat kita atasi dengan chara chepat serta mendatangkan hasil negara kira-nya di-jalankan.

Dato' Yang di-Pertua, satu masaalah yang rumit juga sedang kita hadapi sekarang tidak kurang daripada masaalah penganggoran ia-lah pada kumpulan² samsing, geng² jahat, gengstar², dalam negeri kita ini terutama sa-kali pendudok² di-dalam bandar. Orang² di-dalam bandar terutama sa-kali orang yang berada tidak berasa senang, kerana kechurian, samon, rompak terus berjadi². Bagi pehak Polis siang dan malam bekerja kerana keamanan negeri ini, tetapi tidak-lah Polis terdaya hendak menghapuskan geng² sa-rupa ini, kerana kesilapan yang telah kita lakukan juga. Perkara-nya, Dato' Yang di-Pertua, kapada mereka orang² jahat ini yang telah di-kenakan hukuman buang daerah. Kita tahu orang yang di-buang daerah itu ada-lah orang jahat, nakal dan lain² lagi. Dengan sa-chara langsung kita telah mengadakan guru kapada pemuda² dan belia² di-kampong² dan di-daerah yang tempat orang jahat ini di-buang.

Chontoh-nya banyak, tidak payahlah saya huraikan di-sini. Tetapi kalau sa-sabuah kampong atau daerah itu di-letakkan orang buang daerah, asal-nya kampong itu aman dan selamat,

akhir-nya kampong itu sentiasa dalam kechurian ayam, kambing, lembu, kerbau dan lain² lagi. Kerana pada pendapat saya tidak lain tidak bukan orang yang kita buang daerah itu akan menjadi che'gu kapada pemuda² tempat yang di-buang daerah itu.

Chara-nya hendak mengelakkan daripada banyak-nya kejadian samun, churi, rompak dan budak² nakal ini, Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan hendak-lah segera, kalau boleh dalam tahun ini juga mengumpulkan semua orang² buang daerah ini di-letakkan di-sabuah pulau, di-beri makan nasi kawah. Pulau-nya tentu-lah banyak ada. Pileh-lah salah sa-buah pulau di-Selatan Melaka, atau di-Laut China. Ini-lah jalan yang selamat patut kita tunaikan segera, walau memakan belanja. Wang bagi menguruskan perbelanjaan mengumpulkan orang² buang daerah ini, saya chadangkan peruntukan di-Kementerian Kebajikan 'Am yang sa-banyak \$160,000 itu untuk bantuan kapada tanggong²an orang tahanan, gantikan kapada menanggung orang² buang daerah.

Dato' Yang di-Pertua, kita juga telah membuat kesilapan dengan sa-chara tidak langsung telah menggalakan orang² dan ra'ayat negeri ini supaya menderhaka kapada Kerajaan, sebab kita sanggup menanggung pula nafkah kapada ahli² warith yang patut menjadi beban kapada orang² tahanan yang membuat penderhakaan kapada Kerajaan itu.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, kita dahulu pernah berkata, British memunggha kekayaan negeri kita ini di-bawa-nya balek ka-negeri-nya. Kalau wang sa-ringgit, 87 sen di-bawa British balek ka-negeri-nya. Sudah 10 tahun kita merdeka, saya tidak tahu ada-kah Kerajaan telah membuat satu undang² menegah ra'ayat luar negeri membawa wang negeri kita ini ka-negeri asal-nya. Mereka itu menumpang di-negeri ini dengan menjalankan perniagaan sama ada kechil atau besar, bukan sahaja orang yang bukan menjadi ra'ayat negeri ini, tetapi yang telah menjadi warganegara negeri ini juga terus-menerus mengangkut wang ringgit negeri ini ka-negeri asal-nya dengan

berpura² hendak melawat ibu-bapa, sanak saudara di-negeri-nya.

Dato' Yang di-Pertua, kalau ini di-biarkan sa-lama²-nya kering kuntang-lah wang negara kita satu masa nanti. Saya minta Kerajaan hendak-lah bertindak segera hal ini untuk keselamatan negara dan ra'ayat kita.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, first I would like to support the motion by the Honourable Deputy Prime Minister which resolves, "that a sum not exceeding \$887,891,619 be expended out of the Development Fund for the year 1968, and that to meet the purposes of the Heads and Sub-heads set out in the first and second columns of the Development Estimates for 1968, etc."

Under this motion I wish to touch on a few Ministries for which sums have been asked for.

As regards the Information Department, I should congratulate this section of the Ministry of Information and Broadcasting for their good work done in conducting civic courses in kampongs and new villages. This Department is conducting civic courses or, as we call it, Kursus Tata Ra'ayat Sa-hari which they do in almost every kampung and new village, and programmes are arranged for officers from the various departments to brief the people on how and what the various departments are doing for the ra'ayat in the country. Especially in a country like ours, where we practise democracy and we have Opposition parties, who always twist the policies of the Government I think these civic courses which enlighten the people, especially in new villages and kampongs are very important. Sir, no doubt, this has been running very smoothly, but however, I would also appeal to the Honourable Minister concerned that more of such civic courses should be organised to enlighten the people, especially in the rural areas and in the new villages, about the actual work that the Government is doing and to point out that the work is very beneficial to them.

Next, we have the Ministry of Local Government and Housing, which came into being only after the 1964 Elections, and during this short period, I think, this Ministry has done very good work, especially in the matter of housing. Previously it was too difficult to get a house or a room in Kuala Lumpur or in the other major towns of the country. But, today it is so easy to rent a house or a room, and moreover the rent that is paid now is very much lower than that of a few years ago. This shows that the Ministry of Local Government and Housing has built houses fast enough for the lower income groups, and therefore have eased the housing situation throughout the country. Moreover, I recollect that complaints have been made in this House some years ago that the new villagers were not well looked after, but when this Ministry came into being and has been made a separate Ministry, the new villagers are now properly looked after by the State as well as by this Ministry. We see in the estimates under this Ministry that there is also an allocation of funds for small or minor projects and in case any Town Councils or Local Councils feel that the State Governments do not have the funds this Ministry can assist. Therefore, we see now that the new villages have been very much well looked after than before.

The health situation of our country has improved and we have in most fairly large kampongs, or new villages, Klinik² Bidan and in towns we have sub-health centres. I also would like to thank the Honourable Minister of Health for being able to let Tanjong Malim have a very up-to-date outpatient building where we have an X-ray and operation theatre and the X-ray theatre is now functioning. However, for the information of the Minister, and I think he knows it too, the operation theatre with all equipment, ready has not yet begun to function. This, I think, is probably due to a shortage of surgeons, and I would like to suggest that arrangements could be made for a surgeon to do minor surgery cases in this operation theatre—that is for a surgeon to travel

once a week from Kuala Lumpur to do minor surgery in the Tanjong Malim Hospital. This will help the people in Tanjong Malim area a great deal. If this operation theatre with all its equipments is not put to function, I am afraid, the equipments which have been there for nearly a year over will get rusty. So, I hope the Minister concerned will look into this, that this operation theatre could be put to function without any further delay.

Another matter is that Tanjong Malim has only one doctor, and at week-ends the Tanjong Malim Hospital is looked after by a doctor from Kuala Kubu Bahru for a week and in another week the doctor from Tanjong Malim Hospital covers the Kuala Kubu Bahru Hospital. It is only a matter of 14 miles from Tanjong Malim to Kuala Kubu Bahru, it takes only about 15 minutes, but quite many cases have become very serious due to the fact that when we have cases either in the Kuala Kubu Bahru Hospital or in Tanjong Malim Hospital, the Sister, or Nurse, or Hospital Assistant, in charge of Tanjong Malim Hospital has to contact the Hospital at Kuala Kubu Bahru or vice versa and to make a telephone call it takes at least half an hour or at times one hour. So, for a doctor to come either from Tanjong Malim to cover a case in Kuala Kubu Bahru, or the other way round, it takes one hour. Sir, this is something which I would like to point out to the Minister. This is a very minor thing which, I think, the Ministry is not aware of, because they think that a doctor can get to Tanjong Malim in only 15 minutes, so there is no difficulty in Tanjong Malim having one doctor. In this case, I think, Tanjong Malim should be given top priority and when doctors are available an additional doctor be posted to Tanjong Malim. It is not only due to this but also due to the fact that the number of outpatients has increased from 200 to 300 and now to 400 a day, and for a doctor to examine these patients I do not think he can manage it, and he is day and night on call. So, that is the reason why doctors do not remain too long in Tanjong Malim.

Now, Sir, I should also say that the Government has been very generous in giving grants to fully assisted primary and secondary schools. Before, most of these fully assisted schools or the Missionary Schools

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa dengar. What did you say just now? I did not quite catch what you said.

Tuan Lee Seck Fun: I said that we should be very happy that the Government is giving a lot of grants to the fully assisted primary and secondary schools, whereas before these schools had to find their own money to put up buildings or additional classrooms when the enrolments of these schools went up. Therefore, we see that these are the things that the Government is doing, which we should appreciate very much. These grants are also given to national-type secondary (Chinese) schools as well and also to the Tamil medium and all other media national-type schools. I am also happy to say that those who graduate from the national-type secondary school (Chinese medium) are very lucky because, when they graduate from this school, they can be well versed in three languages—the National language, the English language and the Chinese language.

Next, I would like to speak a little bit on the Postal Services. I understand that all letters sent on O.G.S. are treated as second-class mail. I think this matter should be given preference, because we as Members of Parliament send letters on O.G.S., sometimes on matters of urgency, and these letters always go on second-class mail. So, I hope the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications will look into this.

Tuan Yang di-Pertua: We are talking about development here.

Tuan Lee Seck Fun: Yes, Sir, we have to see that the money allocated is properly used. These O.G.S. letters go by second class mail and I wonder whether with the money allocated something could be done to see that

the O.G.S. letters go by first class mail. On many occasions in the past, I have brought to the notice of the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications, the subject of season tickets for the Tanjong Malim/Slim River toll-gate. I understand, from the proceedings of this House and the questions raised by Members from the other areas where they have toll-gates, season tickets are available. However, I understand from one of the written answers given to one of the Members of this House that this matter is under investigation. I think it is under investigation for too long a time. I hope this matter will be taken up early, so that the people staying around there, using motor-cycles, cars, taxis and buses and doing more than thirty crossings a month can be given season tickets.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-atas ucapan-nya pada 21 haribulan dan semua Jema'ah Menteri di-atas belanjawan termasuk dalam Anggaran Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1968. Uchapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang panjang itu menerangkan bagaimana Kerajaan menjalankan usaha berjimat² dalam membelanjakan wang² di-dalam tangan Kerajaan. Dan juga Kerajaan menimbangkan dengan sa-dalam²-nya bagaimana wang Kerajaan dapat di-belanjakan dengan memberi faedah yang sa-besar²-nya kepada negara dan kepada orang² di-Malaysia ini.

Sungguh pun harga getah telah jatuh pada masa sekarang ini jika di-bandingkan dengan harga getah pada awal tahun 1967, dan harga bijeh dan kelapa sawit pun telah jatuh juga jika di-bandingkan dengan harga pada masa sa-tahun dahulu, saya suka melihat dengan usaha dan kechermatan Kerajaan Pusat, maka Kerajaan dapat menjalankan urusan dan ranchangan² pembangunan-nya mengikut Ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi tahun 1968. Saya perchaya ra'ayat negara ini akan sedia dan dapat ber-

ikhtiar bagi menghadapi kesulitan² kita di-sebabkan kejatohan harga getah dan bijeh timah dengan berazam dan bekerja lebih kuat lagi bagi mendatangkan hasil untuk mengkokohkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara kita ini. Saya juga perchaya yang orang ramai akan bersedia bekerjasama dengan Kerajaan bagi mengatasi segala kesukaran yang akan kita hadapi pada masa yang ka-hadapan ini. Daripada tujuan dan dasar Kerajaan Perikatan dan sokongan orang² di-negeri ini yang sedia berusaha bagi meninggikan taraf hidup mereka, kita boleh memandang ka-hadapan kita dengan pandangan yang terang.

Di-atas ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya suka memberi ulasan hanya di-atas dua perkara bagi memperelokkan lagi pentadbiran Kerajaan dan menyenangkan orang ramai di-dalam urusan sa-hari²-nya. Saya suka menchadangkan penukaran kad² pengenalan bagi pemuda pemudi mencapai umur 18 tahun di-jalankan dengan lebih chepat daripada sekarang ini, dan juga sa-kira-nya pegawai² untuk menjalankan urusan ini tidak menchukupi, maka elok-lah di-timbangkan dan di-tambah pegawai² bagi menguruskan pekerjaan ini dengan lebih sempurna daripada sekarang.

Saya juga memberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan di-atas ranchangan mengadakan rumah murah di-kawasan saya. Ranchangan ini sangat-lah di-harga² oleh orang² di-kawasan saya dan saya perchaya yang ranchangan ini akan mendapat sambutan yang gembira di-kawasan saya. Saya berharap ranchangan ini dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera-nya.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyokong dan mengalu²kan Peruntukan Pembangunan ini yang saya dapati telah di-semak dengan teliti bahawa peruntukan ini ada-lah mendatangkan sa-penoh² kemajuan bagaimana yang di-kehendaki oleh ra'ayat dalam negara sekarang

ini. Walau pun sedikit² tiada menchukupi yang di-suarakan oleh pehak² Parti Pembangkang, tetapi saya rasa boleh di-katakan seluroh ra'ayat yang kebanyakan-nya merasa puas hati dengan perubahan baharu dalam Per-utokan Kemajuan yang makin meningkat maju ini.

Di-dalam menghadapi perubahan lebeh² lagi di-dalam menghadapi kemajuan sekarang ini tentu sa-kali terdapat ra'ayat² kita di-kalangan orang ramai, bukan sahaja di-kalangan pemuda-pemudi yang menghadapi masalah pengorbanan, atau pun lebeh tegas lagi menghadapi masalah tiada pekerjaan atau pun menganggor. Pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan kita sekarang ini bukan semua-nya di-sambut baik oleh ra'ayat seluroh-nya, tetapi ada sa-golongan ra'ayat yang maseh merasa ragu² dan bimbang dengan perubahan² yang mengejut, kerana perubahan² yang saya katakan tadi yang tidak di-isi dengan semangat baharu untuk mengatasi kebimbangan mereka itu.

Umpama-nya, biar-lah saya mithalkan perkara² yang kechil di-kampong² yang menimbulkan keributan di-kalangan orang ramai, umpama-nya terbena-nya sa-batang jalan raya yang besar yang mana telah di-sambut baik oleh golongan² yang lumayan dan golongan² ahli² perniagaan, tetapi sabalek-nya mendukachitakan golongan² yang sa-lama ini mengambil upah membawa barang² itu ka-bandar yang mereka itu telah hilang sedikit sabanyak pekerjaan mereka itu hasil daripada jalan raya yang saya katakan tadi. Sekurang²-nya satu daripada golongan yang kehilangan tanah disebabkan terjadi-nya jalan raya itu walau pun telah di-bayar oleh Kerajaan, tetapi tiada dapat membeli tanah di-mana² sahaja, kerana Kerajaan kita tidak menjamin untuk menggantikan tanah lain untuk mereka itu menchari kehidupan baharu.

Saya mithalkan lagi umpama-nya terbena-nya sa-batang jambatan besar merintang sa-buah sungai yang lebar, ini bukan sahaja menguntongkan; ini ada-lah menguntongkan pehak² pernia-

gaan dan juga ahli² orang² yang lumayan itu juga mendukachitakan sa-tengah² pehak lebeh² lagi tegas-nya orang² yang mengambil upah mengayoh sampan yang tidak dapat kita tukarkan dengan chara kehidupan yang baharu.

Bagitu juga dengan ada-nya jentera² baharu, jentera pembajak umpama-nya masok ka-kampong² untok mengambil upah membajak sawah ia-itu 10 ekar satu hari, ini juga membimbangkan golongan² kechil, golongan² miskin yang hanya sentiasa hidup mendapatkan upah dengan membajak sawah dengan kerbau dan sa-bagai-nya. Gulongan² ini tidak sedikit pun ada tanah hanya bergantung kepada hal atau pekerjaan mengambil upah itu sahaja. Bagitu juga-lah kalau sa-kira-nya datang ka-kampong² sa-buah alat jentera pengilang padi umpama-nya, maka akan hilang juga pekerjaan orang² yang mengambil upah menumbok padi yang hidup sentiasa menchari makan anak chuchu dan keturunan mereka dengan chara itu sahaja.

Sa-lain daripada itu bertambah ramai-nya golongan² yang cherdek pandai sekarang ini, atau pun biar-lah kita katakan bertambah tinggi kelulusan pelajaran untok kelayakan sa-suatu jawatan atau sa-suatu pekerjaan, maka akan bertambah ramai-lah pula orang² yang tidak akan mendapat pekerjaan terutama sa-kali di-kalangan pemuda-pemudi. Lebeh² lagi kalau sa-kira-nya gudang² perniagaan itu berkehendakkan pekerja²-nya daripada orang² yang berkelulusan berbagai² bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa² lain, maka akan hilang-lah pekerjaan atau rugi-lah peluang dan hampa-lah peluang anak² kita yang belajar hanya menggunakan bahasa pengantar bahasa kebangsaan sahaja. Bagitu juga-lah dengan banyak-nya guru² yang terlateh daripada Maktab², maka akan hilang-lah pekerjaan guru² sementara dan guru² yang tidak berkelulusan apa² yang menjadi mangsa zaman penjajahan dahulu. Ini ada-lah sa-bagai chontoh² bukan sahaja terdiri daripada pemuda-pemudi, tetapi ada-lah terdiri daripada berbagai² golongan terutama sa-kali di-kawasan² luar

bandar. Memang-lah penganggoran ini tidak dapat di-nafikan ada di-mana² sahaja hatta di-England dan di-Amerika atau di-negeri² yang telah maju dan telah merdeka beratus² tahun lama-nya tetapi masaalah penganggoran tidak-lah dapat di-atasi dengan sa-kali gus, bahkan negeri² yang maju itu pun banyak sekarang ini di-dapati penganggoran. Bagaimana pun, hal ini dapat-lah kita atasi dari sa-masa kasamasa sekira-nya satu tenaga yang tepat, tenaga yang padu dan tenaga yang bersungguh² untuk mengatasi dalam berbagai² segi dan pehak.

Saya rasa suatu sahaja jalan pertolongan chemas yang harus di-ambil daripada masa sekarang ini ia-itu membangunkan semangat di-kalangan orang ramai yang menjadi korban tadi ini termasuk pemuda-pemudi supaya mempunyai keyakinan berdiri di-atas kaki-nya sendiri, ia-itu dengan memberi latihan² di-daerah masing² bagi menggunakan alat² dan bahan² yang tersendiri.

Sungguh pun MARA telah mengambil initiative melateh murid² melalui Maktab MARA dan Teknologi MARA pada masa hadapan dan ini ada-lah jangka panjang, tetapi apa yang saya sebutkan sekarang ia-lah pertolongan chemas dan boleh-lah di-sebutkan suatu revolusi gerakan maju yang diuruskan oleh Jawatan-kuasa Gerakan Maju di-daerah masing².

Dalam Jawatan-kuasa Gerakan Maju di-kampong² atau di-daerah masing² sudah penoh mengandongi ahli² yang bijak pandai di-dalam hal² pertanian ia-itu terdiri daripada Pegawai² Pertanian ia-itu terdiri daripada Jurutera² Kerja Raya, Jurutera Parit dan Tali-ayer. Penghulu², Ketua² Kawasan, Wakil² Ra'ayat dan orang² yang ternama dan orang² yang boleh memberi pendapat dan fikiran untuk memajukan kampong bukan sahaja memikirkan soal berhubung dengan tanah sahaja, soal berhubung dengan balai² raya, berhubung dengan anak² ayam atau pembelian kerbau dan lembu dan sebagainya-nya, tetapi boleh di-fikirkan dengan jangka panjang apa yang saya katakan revolusi Gerakan Maju memberikan pertolongan chemas kepada

orang ramai sa-masa pemuda-pemudi di-dalam mengusahakan bahan² sendiri yang ada di-kampong sendiri, bahan² daripada tanamana² dan daripada perkara² yang lain.

Revolusi Gerakan Maju yang saya chadangkan ini ia-nya hendak-lah berpusat di-Dewan² Orang Ramai atau pehak Kerajaan hendak-lah membena-nya dengan perbelanjaan yang kurang, tetapi bentuk-nya sesuai dengan kampong biar-lah atap-nya dengan atap nipah, atap rumbia bagitu sahaja; tetapi isi di-dalam-nya ada-lah berma'ana untuk menolong orang ramai termasuk pemuda-pemudi tadi mempelajari dalam serba segi ilmu pengetahuan. Tidak-lah berma'ana bangunan² yang mahal harga-nya tetapi isi untuk mengisi dasar dan polisi di-dalam-nya kosong bagitu sahaja. Saya rasa dengan bangunan² yang murah harga-nya itu, dan kalau ada pegawai² yang betul² bersemangat, maka dapat-lah kita menyalurkan pemuda pemudi dan orang ramai yang menganggor tadi ini ka-araf yang lebih sempurna. Di-dalam gabungan ini, di-dalam memberi latihan kepada orang ramai dan pemuda-pemudi ini, saya chadangkan kepada beberapa aspek, atau pun kumpulan², ia-itu ia-lah di-pilih daripada kumpulan pertanian dengan di-beri kawasan pertanian yang tersendiri dan memberi kemudahan² yang tertentu. Dan ini lebih tegas-nya kawasan² tanah yang tertentu atau pun kumpulan pertanian yang boleh mengusahakan menggunakan tanah² di-dalam kampong masing² yang sekarang ini terbiar yang hanya membuat perchuma bagitu sahaja, tetapi tidak mendatangkan sa-barang hasil, kerana mereka itu tidak mengetahui langsung apa-kah tanaman² yang paling sesuai untuk ditanam di-atas tanah mereka itu, kerana penyiasatan atau pakar ekonomi berhubung dengan tanah belum sampai ka-kampong² mereka itu lagi. Boleh jadi kalau pun mereka itu telah bersemangat untuk menjalankan pekerjaan tetapi tidak di-beri bantuan ayer dan bantuan² trektor membajak dan sebagainya-nya, maka dengan sebab itu-lah mereka itu terhenti. Maka dengan ada-nya dorongan ini, kumpulan pertanian ini maka akan dapat-lah di-tumpukan

sa-penoh² perhatian untuk memberi pertolongan kepada golongan pertanian ini, orang² ramai ini termasuk pemuda² ini mengusahakan di-atas tanah mereka itu sendiri dengan tidak payah lagi pergi ka-Pahang atau pun ka-Johor atau pun ka-mana² tempat yang jauh meninggalkan kampung halaman mereka itu. Mereka itu yang sa-benar-nya kaya dengan tanah, tetapi mereka tidak pandai mengusahakan benda² jenis² perusahaan yang akan dapat mendatangkan hasil yang lumayan bagi mereka itu. Sa-benar-nya tanah itu ialah emas dan hendak-lah di-timbulkan semangat mereka itu kasehkan tanah sa-bagai kasehkan diri mereka itu sendiri. Untuk mendapatkan hasil, maka Pegawai² Pertanian ini-lah digunakan untuk menjalankan penyiasatan apa-kah jenis tanaman yang perlu di-tanam di-atas tanah² mereka itu. Begitu juga bagi pehak Pegawai Tanaman, jangan berada di-dalam bilek dingin dan di-pejabat² sahaja, tetapi hendak-lah datang ka-kampung² dan bagi pehak Kerajaan hendak-lah mendirikan Pejabat² Tanaman sakurang²-nya tiap² 2,000 orang penduduk hendak-lah di-adakan satu Pusat Tanaman untuk menyiasat kedudukan tanaman mereka itu supaya dapat memberi nasihat sa-tiap masa bukan sahaja antara pukul 9.00 pagi sampai pukul 4½ petang, tetapi hingga waktu malam boleh di-beri nasihat, kerana waktu malam-lah ada-nya penyakit² yang merosakan tanaman² tadi.

Kumpulan yang kedua saya shorkan ia-itu kumpulan pertukangan dengan memberi alat² yang di-perbantukan oleh Kerajaan supaya dapat mengeluarkan alat² dan pertukangan rumah, alat² furniture yang dapat di-gunakan di-rumah², di-sekolah² atau pun di-tempat² yang tertentu. Kumpulan ini amat-lah berguna, kerana kita tahu sekarang ini kerusi meja dan alat² persekolahan di-seluruh Malaysia ini di-gunakan daripada satu kontrakter bukan daripada bumiputra. Saya rasa kalau golongan² ini mempelajari benar² akan chara² menjalankan perusahaan kerusi meja dan sa-bagai-nya, saya rasa semua² tempat akan menarek perhatian dan akan melarikan barang² mereka itu.

Kumpulan yang ketiga, saya shorkan ia-lah kumpulan perusahaan termasuk perusahaan lombong, perusahaan kayu balak, perusahaan membuat kasot, alat² rumah, alat² simen, bata, keperluan orang ramai termasuk perusahaan tangan dan perusahaan² tempatan. Ini juga ada-lah perlu supaya tiap² pemuda-pemudi dan orang ramai mengetahui chara selok-belok menjalankan perusahaan² itu. Saya rasa pejabat berhubung dengan perlombongan, perhutanan umpama-nya itu Kementerian Tanah dan Galian. Pegawai-nya atau pakar-nya boleh-lah menjalankan perusahaan ini atau pun latehan² ini memberi latehan kepada pemuda-pemudi dan orang ramai supaya dapat meneruskan usaha² itu ka-arrah yang lebeh maju supaya mereka itu dapat berdiri di-atas kaki mereka itu sendiri, bukan berharapan kepada makan gaji dan sa-bagai-nya, tetapi dapat mereka itu mengusahakan dengan tenaga dan berdiri di-atas kaki mereka itu sendiri.

Kumpulan yang ke-empat, saya shorkan ia-itu kumpulan perniagaan dengan memberi latehan yang chukup termasuk Book-Keeping, chara² menjadi juru-kira, Secretary, menjadi kerani, atau pun jadi juru jual beli dan lain² lagi supaya dapat mereka itu mengetahui selok-belok menjual beli, kira-mengira. Hal ini pehak MARA boleh-lah memberi pinjaman wang atau barangkali siapa yang mengetahui sedikit sa-banyak Book-Keeping dan kira² baharu-lah kata-nya akan di-beri pinjaman, tetapi telah tiba-lah masanya pehak MARA datang ka-kampung² dan daerah² memberikan latehan² yang perchuma dengan chara yang bersungguh² supaya golongan ini dapat memulakan perniagaan itu dengan chara kechil dan akhir-nya akan di-beri bantuan, di-perbantukan dengan lebeh besar dan meluas lagi, dan dengan ini akan menjadi satu kumpulan yang lebeh besar dan lebeh maju pada masa hadapan.

Kumpulan yang kelima, saya shorkan ia-itu kumpulan teknik ia-itu kumpulan yang menggunakan kechergasan termasuk pemandu kereta, memperbaiki alat² radio, motokar, enjin² dan

lain² lagi. Kumpulan ini akan menambahkan lagi juru teknik yang dapat memberi tenaga baharu kepada golongan² anak² bumiputra, terutama sa-kali di-dalam hal² enjin, motokar², radio, dan alat² yang saya rasa sekarang ini tidak banyak golongan pemuda-pemudi dan orang² bumiputra kita yang menjalankan perusahaan² ini, terutama sa-kali dalam memandu kereta, kereta² yang heavy-kah ia-itu kereta² yang berat² umpama-nya memandu trektor, memandu itu dan ini, kebanyakan-nya kurang sangat daripada pemuda-pemudi kita. Jadi saya rasa kalau kumpulan² yang bagini dilateh dalam kampong² kita, saya rasa tidak banyak pemuda-pemudi dan orang ramai yang menganggor bagitu sahaja sekurang²-nya mereka itu mengambil tahu sedikit sa-banyak chara² kehidupan chara baharu, menukarkan chara² korban yang saya katakan tadi dan dengan chara baharu yang saya shorkan ini saya rasa kalau semua Jabatan² Kerajaan memandang bersungguh² untuk memajukan ra'ayat di-kampong² sa-kurang²-nya satu pertolongan chemas atau pun satu revolusi gerakan Maju bagi membantu golongan² ini. Saya rasa akan dapat kejayaan dengan sa-penoh²-nya bukan dengan mengadakan teori² bagitu sahaja, ranchangan bagitu sahaja, tetapi berilah sekarang menjelang tahun ini untuk kita memulakan gerakan² ini supaya dapat kita chara yang bersungguh² menunjokan kepada orang ramai yang sa-benar²-nya kita telah kejar mengejarkan segala revolusi berkenaan dengan hal ehwal Gerakan Maju ini dan kita akan mengatasi segala kelaparan, kesusahan dan penganggoran di-kalangan orang ramai.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan ranchangan memajukan pemuda². Saya sangat tertarek hati daripada ucapan² sahabat saya tadi supaya memajukan pemuda² dalam berbagai² lapangan. Saya rasa satu sahaja jalan untuk memajukan pemuda² ia-lah dengan membayakkan atau pun mengadakan Pusat² Latehan Daerah atau Pusat² Latehan Negeri, tidak hanya tertumpu kepada satu Pusat Daerah umpama-nya di-Selangor, atau

pun Dusun Tua, atau pun di-mana² tempat satu dua dalam Malaysia ini untuk melatehkan pemuda². Saya rasa Pusat Latehan Pemuda² harus di-adakan di-tiap² daerah sa-kurang²-nya dalam tiap² buah Negeri. Pusat² Latehan yang saya sebutkan itu ia-lah satu kawasan atau bangunan untuk melatehkan pemuda-pemudi di-dalam berbagai² lapangan.

Pada tahun yang lalu saya berasa shukor dan saya pun telah dengan berasa bangga memberitahu pemuda-pemudi dalam Negeri Perlis mengatakan sa-buah Pusat Belia akan di-dirikan dalam Negeri Perlis, dan berthabit dengan itu perbelanjaan \$100,000 lebeh yang di-ranchangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dalam tahun yang lalu, maka Kerajaan Negeri Perlis pun telah memberi sa-keping tanah yang chantek letak-nya di-tengah² bandar Kangar, dan telah pun di-ratakan, tetapi apa yang di-kesalkan bahawa apa yang saya perhatikan peruntokan dalam tahun ini tidak ada langsung peruntokan untuk mendirikan sa-buah Pusat Belia dalam Negeri Perlis.

Saya rasa alang-kah hampa-nya perkara yang berlaku ini, kerana perkara yang telah di-sambut baik yang di-janjikan oleh Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan sendiri telah di-tinggalkan bagitu sahaja. Saya minta penjelasan apa-kah sebab-nya, apa-kah gerangan-nya Pusat Belia yang di-chadangkan, yang di-buatkan estimate pada tahun lalu, pada tahun ini di-potong terus bagitu sahaja. Dalam hal ini saya minta di-istiharkan supaya dapat di-ketahui oleh pemuda-pemudi dalam negeri Perlis sebab-musabab terjadi-nya demikian.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak sebutkan ia-lah berhubung dengan pembangunan dalam tiap² buah Negeri. Saya rasa satu jalan untuk meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat pada selurohan-nya meliputi pada tiap² buah Negeri, ia-itu Kerajaan hendaklah menyiasat dan mengsaimbangkan pendapatan dengan Negeri² antara Negeri² di-dalam Malaysia kita ini supaya pendapatan mereka itu, maksud saya pendapatan Negeri² yang mundor

yang sentiasa di-tanggung sa-tiap tahun oleh Kerajaan Pusat umpama-nya macham Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan beberapa buah Negeri yang lain yang deficit yang tidak pernah menchukupi wang supaya negeri itu berdiri di-atas kaki sendiri dengan hasil-mahshul yang ada dalam negeri itu sendiri. Umpama-nya negeri Perlis dan Kedah, Kerajaan sedang merancang Rancangan Sungai Muda yang akan siap dalam tahun 1971 yang mana di-harapkan dengan siap-nya rancangan Sungai Muda ini akan dapat pendudok² dan penanam² padi membuat bendang dua kali sa-tahun, tetapi itu ada-lah sa-bahagian sahaja, kawasan di-dalam negeri Kedah dan Perlis. Umpama-nya negeri Perlis, di-kawasan Utara Perlis tidak dapat menekmati rancangan Sungai Muda ini, kerana negeri Perlis tanah di-kawasan utara dan tempat yang tinggi yang tidak dapat menekmati daripada hasil Sungai Muda tadi, yang demikian tidak-lah dapat Perlis Utara membuat bendang dua kali.

Bagaimana pun, negeri Perlis bukan sahaja bergantung kepada bendang, tetapi ada lagi hasil² yang boleh di-permajukan, umpama-nya kawasan lombong yang sekarang ini mengikut penyiasatan tanah pamah ada mengan-dongi lombong bijeh, yang kalau sa-kira-nya di-perbantukan dengan lebeh² lagi, maka saya perchaya lombong bijeh ini akan mendatangkan hasil. Bagitu juga negeri Perlis satu kawasan yang luas dengan kawasan yang boleh di-tanam dengan tebu, ia-itu Perlis sudah pun menyukat (survey) berke-naan tanah² tanaman itu di-dapati lebeh kurang 25,000 relong boleh di-tanam dengan tebu.

Kalau sa-kira-nya di-permajukan usaha² bagini dengan rapat-nya kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, saya rasa usaha² ini dapat-lah di-jalankan, kerana perchu-baan beneh²-nya sudah pun di-buat dan di-dapati sangat elok dan sesuai bagi negeri Perlis boleh di-tanam dengan tebu.

Bagitu juga satu daripada kawasan yang luas untuk tanam tembakau, saya rasa tanaman tembakau Rothmans,

yang paling bagus sa-kali dalam negeri Perlis, dan satu kawasan telah pun di-sediakan. Saya rasa kalau ini juga di-majukan terus-menerus, maka hasil Negeri akan lebeh berlipat ganda lagi.

Negeri Perlis sa-benar-nya telah jatuh perniagaan-nya hanya tinggal 10% sahaja daripada masa yang lalu, sebab dengan ada-nya jalan raya baharu ia-itu jalan raya daripada Alor Star ka-Kampung Sanglang terus ka-Kangar ia-itu sa-jauh 27 batu sahaja daripada Alor Star, menggantikan jalan lama, jalan mengikut Arau, mengikut jalan daripada Jitra hanya sa-panjang 36 batu. Dengan ada-nya jalan itu, orang ramai dalam negeri Perlis senang sahaja berulang alek pergi ka-Alor Star. Nasib baik-lah di-Perlis itu di-lawati oleh pelanchong², kerana hendak pergi ka-Padang Besar membeli barang² dan sa-bagai-nya. Itu bukan-lah mendatangkan keuntongan sadikit pun kepada negeri Perlis. Dengan yang demikian, saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom supaya di-adakan satu tol ia-itu perenggan antara Perlis dan Kedah yang mengikut jalan Sanglang itu, dan hasil dari pendapatan tol itu hendak-lah di-beri kepada negeri Perlis untuk menchukupi perbe-lanjaan²-nya yang hanya tinggal perniagaan mereka itu 10% sahaja. Kalau di-siasat dengan teliti dan saksama, bas, kereta dan sa-bagai-nya boleh pergi ka-Alor Star bagitu sahaja dengan tidak payah, kerana negeri Perlis jalan-nya tidak sampai ka-utara terus-menerus.

Lagi satu kalau hendak majukan negeri Perlis, Kementerian Kerja Raya juga perlu-lah mengambil initiative ia-itu bekerjasama dengan pehak² yang berkenaan ia-itu Jabatan Kastam, Immigration, Veterinary dan sa-bagai-nya supaya jalan raya (highway) daripada Padang Besar ka-jalan Siam itu dapat di-segerakan. Kerana yang menjadi tentangan sekarang ini ia-lah Jabatan Veterinary tidak benarkan jalan itu di-lalui mengikut Quarentine Station, maka dengan sebab itu-lah Kerajaan Persekutuan telah memberi wang, tetapi tidak dapat di-jalankan dengan segera. Sa-kira-nya pehak Yang Berhormat Menteri berhubung

dengan Kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama, saya rasa dapat-lah jalan raya itu di-bena dengan segera. Dengan ada-nya jalan itu, saya per-chaya negeri Perlis akan bertambah sedikit ekonomi-nya kerana di-sa-belah Padang Besar itu telah pun di-peruntukkan sa-banyak 104 buah rumah batu (kedai²) perniagaan dan sedang menunggu ada-nya jalan itu. Sa-kira-nya jalan itu terbeña saya rasa kekurangan ekonomi dalam negeri Perlis akan dapat di-atasi dari sa-tahun ka-satahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercha-kap sedikit sahaja lagi berhubung dengan soal tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai!

Tuan Othman bin Abdullah: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat ia-

itu pada pagi besok saya fikir Menteri² akan memberi jawapan² kepada per-kara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dan pada besok-nya juga kalau dapat kita akan pergi ka-pada Jawatan-kuasa atas perkara ini. Itu sahaja saya hendak beritahu.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Untuk penjelasan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Jadual yang di-edarkan ini, ada-kah di-ubah masa-nya?

Tuan Yang di-Pertua: Di-ubah sadi-kit, kerana masa sudah suntok sangat. Kalau ada perkara² yang tertinggal Ahli² Yang Berhormat boleh-lah bawa dalam Jawatan-kuasa.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil: Terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi besok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.30 malam.